

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KESEBELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 29

Rabu

20 Jun 2007

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 18(1):	
■ Penyeludupan Manusia – Malaysia Digolongkan	
Dalam Senarai Tahap ketiga	
- <i>Y.B. Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor)</i>	(Halaman 27)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2007	(Halaman 32)
USUL:	
Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah P.M. 16(3)	(Halaman 112)
UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:	
Masalah Kehadiran Pelarian Perang Filipina di Sabah	
- <i>Y.B. Datuk Wilfred Madius Tangau (Tuaran)</i>	(Halaman 112)
Skim Pencen Sosial	
- <i>Y.B. Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya)</i>	(Halaman 115)

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Rabu, 20 Jun 2007****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]** minta Perdana Menteri menyatakan sejauh mana Skim Tuisyen FELDA (STF) telah membantu anak-anak peneroka FELDA sehingga ke peringkat universiti.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Skim Tuisyen FELDA (STF) dimulakan pada bulan Oktober 2004 sebagai usaha meningkatkan kecemerlangan pelajar yang menduduki peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR), dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Pelaksanaan skim tuisyen ini adalah ditumpukan kepada mata pelajaran teras dan beberapa mata pelajaran pilihan bagi pelajar yang menduduki peperiksaan tersebut. Skim ini diadakan di sekolah-sekolah di tanah rancangan FELDA seluruh negara.

Kaedah yang dilaksanakan dalam Skim Tuisyen FELDA (atau STF) ini ialah bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran di mana pihak kementerian menyediakan panduan dan tenaga pengajar bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris dan Matematik serta kelas pemulihan bagi pelajar yang kurang baik pencapaiannya. Tumpuan diberikan kepada kelas pengayaan dan pemulihan bagi pelajar-pelajar yang berkaitan. Usaha-usaha ini bertujuan untuk menyediakan pelajar melalui tiga kondisi iaitu:

- (i) mengikut latihan kemahiran;
- (ii) persediaan sebagai pasukan kerja; dan
- (iii) memasuki IPTA atau IPTS bagi peperiksaan SPM.

FELDA akan mengkaji dan meneliti skim tuisyen dari semasa ke semasa terutama dari segi pencapaian dan keberkesanannya. Kemungkinan skim ini akan diteruskan pada masa

hadapan sekiranya ia mempunyai petunjuk yang baik dan faedah kepada pelajar. Beberapa langkah penambahbaikan turut dicadangkan, antaranya membawa guru-guru berkemahiran dan berpengetahuan luas untuk mengajar skim tuisyen ini. Komitmen ibu bapa memberi motivasi kepada pelajar khususnya yang akan menduduki peperiksaan dan memberi latihan secara berterusan dan berkesan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih, Yang Berhormat. Kita tahu bahawa FELDA adalah satu kawasan yang besar dengan lebih dua juta ekar tanah ataupun satu juta warga keluarga pada masa ini. Saya difahamkan mengikut kajian yang saya buat, lebih 62,000 pelajar yang telah mendapat manfaat melalui skim ini sejak tahun 2006. Kebanyakan mereka ini telah berjaya, lebih kurang 15,000 orang berpeluang mendapat tempat-tempat latihan kemahiran dengan belanja lebih RM100 juta yang dikeluarkan oleh pihak FELDA untuk melaksanakan program ini. Ini termasuk mereka yang mungkin tidak berpeluang masuk ke IPTA, saya difahamkan ada juga yang FELDA hantar 30 orang ke Universiti Lim Kok Wing untuk mengambil jurusan-jurusan tertentu.

Soalan saya ialah memandangkan pendidikan ini amat penting untuk generasi muda FELDA dan selaras dengan dasar kerajaan untuk menjana modal insan dan membina upaya ataupun dengan izin, *capacity building*, apakah FELDA bercadang untuk mewujudkan sebuah universiti FELDA sendiri bagi memastikan pembelaan anak-anak FELDA ini? FELDA yang cukup banyak berjasa kepada negara kita supaya matlamat negara dalam penjanaan modal insan ini dapat dilaksanakan dengan lebih mudah.

Tahniah kepada FELDA, kerana akan mewujudkan sebuah MRSM FELDA yang pertama di Trolak, Perak. Jadi, apakah FELDA bercadang untuk mewujudkan sebuah universiti sendiri untuk FELDA, Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Larut. Cuma saya ingin membetulkan sedikit terutamanya tentang jumlah kewangan yang dibelanjakan untuk skim tuisyen ini sebenarnya sebanyak bukan RM100 juta tetapi RM20 juta.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Itu yang di peringkat kemahiran, Yang Berhormat, bukan saya sebut tuisyen. Saya sebutkan peringkat kemahiran tadi iaitu pada tahun 2005 sebanyak RM25 juta, bagi tahun 2006 ...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Baik, baik. Jadi saya hendak maklumkan kepada Dewan ini bahawa peruntukan bagi pembiayaan Skim Tuisyen FELDA ini ialah sebanyak RM20 juta diperuntukkan bagi setahun dan kewangan ini adalah kewangan dalaman FELDA sendiri. Memang benar bahawa program Skim Tuisyen FELDA ini telah memberi banyak sebenarnya kebaikan kepada anak-anak FELDA. Umpamanya saya bagi contoh dari segi peningkatannya, khususnya yang mendapat kelulusan cemerlang. Ia telah dapat meningkatkan beberapa peratus di kalangan mereka yang mengambil PMR dan SPM dan jika dibandingkan daripada sejak ia diperkenalkan yang mana sekiranya ...

■1010

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya yakin soalan pokok iaitu sama FELDA bersetuju supaya satu universiti diwujudkan.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Itu salah satu soalan. Dia ada beri dua soalan Tuan Yang di-Pertua. Itu salah satu yang diminta, jadi yang disebutkan tadi berapa ratus anak peserta FELDA telah memasuki IPTA dan IPTS. Jadi saya hendak sebutkan jumlah kemasukan anak-anak FELDA khususnya saya ingin menyatakan bahawa tahun 2006 sahaja seramai 72,062 anak peneroka FELDA telah menamatkan pengajian di IPTA.

Daripada jumlah tersebut seramai 46,873 orang berjaya menamatkan pengajian di peringkat diploma, 24,269 orang di peringkat ijazah pertama dan 920 orang di peringkat ijazah lanjutan. Pada masa ini terdapat 6,992 pelajar yang terdiri daripada anak peneroka sedang mengikuti pengajian di IPTA dan membabitkan peringkat diploma, ijazah dan juga mereka yang memasuki pusat-pusat pengajian tinggi IPTS seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

Mengenai sama ada FELDA bercadang untuk menubuhkan universitinya sendiri, perkara ini masih di dalam perundingan dan sekiranya semua berjalan baik, FELDA memang berhasrat untuk menubuhkan sebuah universiti FELDA kerana ini sesuai dengan perkara ketiga di dalam *mission* FELDA sendiri iaitu keluarga peneroka mempunyai tahap pendidikan yang sesuai. Jadi sebab itu ini adalah mengenai suatu perkara yang penting dan memang di dalam proses perbincangan, perundingan dia masih lagi belum dimuktamadkan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya difahamkan dalam masa tiga tahun sahaja FELDA telah menghantar lebih 15,000 anak-anak FELDA untuk belajar di pusat-pusat kemahiran seperti di Universiti Lim Kok Wing dan IPTS lain.

Oleh yang demikian, kalau dilihat kepada bilangan dan belanja yang telah dikeluarkan oleh FELDA, jangan tunggu-tunggu lagi untuk menubuhkan universiti FELDA. Sudah sampai masa dan ketikanya FELDA dengan pendapatan yang begitu banyak Tuan Yang di-Pertua, FELDA *Plantation* sahaja dengan kenaikan harga kelapa sawit RM2,300 sekarang mampu untuk mewujudkan universiti dan Jasin akan menawarkan tanah kalau FELDA hendak menubuhkan universiti di Jasin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, baiklah, cukuplah. Ini tak payah jawablah.

2. **Dato' Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah]** minta Menteri Penerangan menyatakan langkah-langkah yang telah dan akan diambil kementerian bagi menyemarakkan semangat patriotik dan cintakan negara Malaysia sempena ulang tahun kemerdekaan ke-50 negara tahun ini.

Timbalan Menteri Penerangan [Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi]: Tuan Yang di-Pertua, bagi menyemarakkan semangat patriotik dan cintakan negara Malaysia sempena ulang

tahun kemerdekaan ke-50 tahun, Kementerian Penerangan pada 1 Januari 2007 telah melancarkan klip video 'Negaraku Gagah Gemilang' sebagai tanda bermula pelaksanaan pakej aktiviti-aktiviti sempena sambutan ulang tahun kemerdekaan negara ke-50.

Pakej aktiviti sambutan ulang tahun kemerdekaan ke-50 ini meliputi aktiviti sepanjang tahun 2007, di mana lima jabatan dan agensi di bawah Kementerian Penerangan seperti Jabatan Penerangan, Jabatan Penyiaran atau RTM, Jabatan Hal Ehwal Khas atau JASA, Filem Negara dan BERNAMA, telah, sedang dan akan melaksanakan sebanyak 388 aktiviti.

Pakej program yang telah dijalankan dari Januari hingga Mei berjumlah 170 aktiviti yang merupakan 43.8% daripada 388 yang telah dirancang. RTM umpamanya telah melancarkan klip video Negara Gagah Gemilang, Merdeka de Everest, Siaran Muzik FM selama 50 jam, Segmen 50 Tahun Merdeka di stesen-stesen radio dan Fiesta Perpaduan dan Futsal Merdeka.

Di samping itu Jabatan Penyiaran juga mendendangkan lagu-lagu patriotik setiap hari di stesen-stesen radio kita. Jabatan Penerangan pula telah melancarkan buku "Pendakian ke Puncak Emas" dan telah mengadakan Pameran 50 Tahun Pendakian ke Puncak Emas. Selain daripada itu Jabatan Penerangan juga telah melancarkan Program Perhimpunan Anak-Anak Merdeka.

JASA pula telah melancarkan Program Perhimpunan Qari dan Qariah Peringkat Kebangsaan yang telah melibatkan Qari dan Qariah di peringkat Kebangsaan daripada mula diadakan pertandingan ataupun musababah al-Quran ini bertempat di Kijal, Terengganu dan perhimpunan perdana bertajuk "Gandingan Gemilang Titian Kasih" juga telah diadakan di Pasir Puteh, Kelantan.

Filem Negara telah memainkan peranan yang besar dalam menyemarakkan semangat patriotik dan cintakan negara selama 50 tahun dengan mengadakan pelbagai kapsul dan treler seperti temu bual khas dengan Yang Teramat Mulia Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj yang telah dirakamkan pada 29 Oktober 1985 dan telah disiarkan. Manakala rundingan pertahanan dan bantuan bersama Persekutuan Tanah Melayu dan Britain, serta lokasi penting sejarah kemerdekaan negara 1957 dan merakamkan serta menyiarkan semua perarakan sambutan hari kemerdekaan negara yang dirakamkan daripada 1957 hingga tahun 2006.

BERNAMA juga telah dan akan menerbitkan sebanyak 50 rencana khas bertemakan perjuangan kemerdekaan dan setakat ini 22 rencana telah pun dihantar kepada semua media di negara ini dan selain daripada itu BERNAMA telah mengadakan pertandingan foto kreatif kemerdekaan, menerbitkan klip berita radio, menyiarkan pandangan orang ramai mengenai kemerdekaan dan berbagai-bagai program yang lain.

Insya-Allah daripada bulan Jun hingga Disember tahun ini Kementerian Penerangan melalui pakej yang dimasukkan akan menganjurkan lebih tambahan 218 program yang berkonsepkan semangat patriotisme dan juga cintakan negara. RTM umpamanya akan mengadakan Konsert Simfoni Putrajaya di kediaman rasmi Yang Amat Berhormat Perdana

Menteri. Kami juga akan mengadakan RTM Merdeka Road Show atau Fiesta Hurra, Panggung RTM-Merdeka, Merdeka Endurance Race, Forum Perdana Khas Merdeka dan Koir Patriotik.

Jabatan Penerangan pula akan menganjurkan Pertandingan Menulis Esei Kemerdekaan, Pertandingan Melukis dan Mewarna, Perhimpunan Anak-anak Merdeka, Larian Merdeka K-Bestari dan Kembara Merdeka Jalur Gemilang.

JASA akan mengadakan Multaqa Kebangsaan, Tahlil Perdana untuk Bekas-bekas Perdana Menteri, Seminar dan Perhimpunan bekas-bekas peserta Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan serta telah menyediakan teks khutbah Jumaat sepanjang bulan Ogos tahun ini bersama-sama dengan JAKIM untuk mengimbuai penghayatan 50 tahun kemerdekaan.

Filem Negara pula akan mengeluarkan kapsul dan *trailer* mengenai ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Banyak lagikah Yang Berhormat?

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Ada satu ayat sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Sebab ini 50 tahun merdeka jadi 50 paragraf. Filem Negara akan mengeluarkan kapsul dan *trailer* temu bual khas dengan CC Too atau Tan Sri Too Chee Chiew, Dokumentari Malaysia 5 Dasawarsa atau Dekad dan kapsul dan *trailer* sambutan Hari Kemerdekaan dari tahun 1957 hingga 2006.

BERNAMA pula akan mengadakan Buku Kompilasi 50 Rencana, Buku Bergambar, Klip Berita Video dan mengadakan Merdeka Mini Book Fair.

Dato' Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Timbalan Menteri di atas jawapan tadi dan saya mengucapkan tahniah kepada kementerian di atas usaha-usaha yang bersungguh-sungguh untuk menyemarakkan semangat patriotik dan cintakan negara ini.

Saya yakin bahawa apa yang penting ialah impak tiap-tiap program. Kementerian ini haruslah menyeluruh dan sampai kepada akar umbi. Bagi tujuan ini saya ingin menanya kepada kementerian. Adakah sambutan program ini dan tiap-tiap aktiviti ini akan dipanjangkan kepada kawasan-kawasan di peringkat kawasan Parlimen dan juga Dewan Undangan Negeri di seluruh negara, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1020

Timbalan Menteri Penerangan [Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, saya ingin memaklumkan bahawa terdapat 18 orang yang mempunyai nama Merdeka, Ahmad Merdeka, Aziz Merdeka, Raja Ahmad Merdeka, ada 18 orang.

Seramai 1,080 orang yang telah dikenal pasti oleh Jabatan Penerangan melalui Jabatan Pendaftaran Negara yang lahir pada 31 Ogos 1957 dan kita akan melibatkan mereka ini di dalam aktiviti kita termasuklah aktiviti untuk mengakar umbikan program kita ke bawah, di antaranya melalui Kembara Merdeka Jalur Gemilang.

Program ini akan melibatkan 50 kereta pacuan empat roda dan melibatkan 150 peserta yang terdiri daripada anggota Jabatan Penerangan, pertubuhan-pertubuhan belia, pertubuhan bukan kerajaan seperti persatuan ibu tunggal, isteri-isteri tentera dan polis serta pelbagai. Ertinya melalui kembara ini kita akan turun ke ibu-ibu negeri, ibu-ibu daerah dan kami akan pergi ke Kem Bestari untuk menyemarakkan lagi semangat kemerdekaan ini dan Insya-Allah Kuala Kedah juga kita akan ke sana kerana ada program telah kita rencanakan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Assalamualaikum w.b.t selamat pagi, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apa yang dijelaskan, yang diterangkan atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi, saya yakin dan percaya akan bergegarlah semangat kemerdekaan 50 tahun rakyat negara ini sehingga 31 Ogos. Tahniah! kepada Kementerian Penerangan..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan Yang Berhormat, soalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Memang akan ada soalan Tuan Yang di-Pertua..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Banyak soalan yang nak kita selesaikan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya berdiri untuk kemukakan soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Tahniah kepada RTM, Kementerian Penerangan dan saya rasa siaran yang lain juga TV3, TV7, Media Prima pun akan turut sama saya rasa kerana cintakan negara ini sesuatu yang amat mulia dan dipandang penting sekali sekarang ini.

Saya hendak memberikan sedikit pujian..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tak payah Yang Berhormat, soalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Soalan berupa pujian Tuan Yang di-Pertua. *[Dewan ketawa]* Soalan berupa pujian! Kepada Radio Klasik Nasional. Ini saya nak ucapkan tahniah, syabas kepada Kementerian Penerangan kerana ramai saya temui, semua pendengar rasa kepuasan Radio Klasik Nasional ini.

Saya harap Radio Klasik Nasional ini akan lebih kecanggihan lagi oleh kementerian, kerana dia satu-satunya siaran radio Tuan Yang di-Pertua yang membongkarkan penyanyi-penyanyi yang jumlahnya ratusan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat kemerdekaan!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Daripada Indonesia dan Malaysia dari tahun 40-an yang memperdengarkan ribuan lagu-lagu yang termasuk lagu-lagu yang ada semangat cintakan kepada negara oleh penyanyi-penyanyi lama ini, ribuan sebenarnya lagu-lagu ini!. Penyanyi-penyanyi lama yang telah dibongkarkan yang dulu oleh masyarakat hari ini, umpamanya macam Jasni, Momok itu di Malaysia, Dona Asia, Beng Selamat, Lili Suriani penyanyi-penyanyi Indonesia..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ini tidak kena mengena dengan sambutan kemerdekaan ke-50 tahun.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ada Tuan Yang di-Pertua, kerana penyanyi-penyanyi inilah Tuan Yang di-Pertua, pada awalnya telah membongkarkan semangat cintakan kepada negara, jadi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kita nak ucapkan tahniah kepada Radio Klasik Nasional Tuan Yang di-Pertua, memberikan kepuasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Termasuk segmen agama pun ada ia melengkap.

Jadi saya nak tanya dalam sambutan kemerdekaan ini, oleh sebab Radio Klasik ini menjadi radio yang menjadi tumpuan umum hari ini, apa rancangan-rancangan khusus yang boleh dimainkan oleh Radio Nasional dalam membantu lagi Kementerian Penerangan dalam menaikkan semangat cintakan kepada negara, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua saya ucapkan terima kasih dia atas keprihatinan Yang Berhormat Sri Gading terhadap program-program yang disiarkan dan direncanakan dan akan dilakukan oleh Kementerian Penerangan seterusnya Klasik Nasional.

Memang benar apa yang diperkatakan oleh beliau kerana lagu Zaharah Agus yang bertajuk Malaya Merdeka umpamanya disiarkan berulang-ulang bagi mengimbau nostalgia pendengar-pendengar veteran seperti Sri Gading untuk membangkitkan semangat lama ketika itu mungkin beliau sedang bercinta supaya semangat kemerdekaan dan patriotisme ini terus bangkit.

Insyallah, melalui 32 stesen yang lain juga kita akan menguar-uarkan semangat patriotisme dan kemerdekaan ini.

Saya ingin memaklumkan juga di Dewan yang mulia ini, saya ingin mengambil beberapa contoh orang yang bernama Merdeka, Mat Merdeka bin Embun dan dilahirkan di Kuala Lumpur, Merdeka a/p M Nadison dilahirkan di Selangor, Lee Ling Meng@Merdeka Lee di Pulau Pinang, Abdul Latif Merdeka bin Abdul Rahman.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Lim Kit Siang Merdeka tak ada ya?
[Dewan ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Belum, saya kena *check* dengan Jabatan Pendaftaran. *[Ketawa]. [Dewan riuh].*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia kata akan datang *[Ketawa].*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *Sorrylah Datuk, sorry. [Ketawa].*

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: *[Ketawa]* Jadi saya tidak terlibat dengan soalan itu, walau bagaimanapun ini memperlihatkan bahawa ada keprihatinan daripada rakyat Malaysia dan mereka ini akan kita bawa di dalam perhimpunan raksasa yang kita akan adakan pada 31 Ogos di Stadium Merdeka yang telah dibaik pulih mengikut reka bentuk asal.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat Kudat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini mustahak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebab ada soalan lain.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bukan ini lebih mustahak, bukankah tak mahu kemerdekaan untuk kunci-kunci Barisan Nasional saja, semua rakyat Malaysia. Bolehkah saya kemukakan soalan? Nama saya pun di sentuh, kenapa? Saya mahu tanyalah ini mustahak, bagaimana kita mahu *celebrate 50th Anniversary*?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Semangat baiklah, semangat baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Semasa Sri Gading kalau dia jawab saya akan boleh pertimbangkan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bukan saya mahu tanya ini. Minta Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua ...

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Sudahlah pembangkang sudahlah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Lagi satu isu, satu bulan, dua bulan, kita mahu *celebrate 50th Anniversary*, menunjukkan betapa kita..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ada peluang juga untuk saya, okey Kudat sila.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini tidak adil! Apa guna Parlimen? Ini mustahak.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Soalan saya soalan nombor 3.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Mana boleh Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak sambut, *celebrate 50th Anniversary* yang benar-benar bererti, mau keadilan, ini pun kita tidak keadilan, Parlimen pun tidak adil! Parlimen pun tidak guna, apa *50th Anniversary celebration*. *[Dewan riuh]*.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Kalau Parlimen tak guna Yang Berhormat mahu keluarlah! Mahu keluar? *Get out!*. *[Dewan riuh]*.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Baru soalan nombor dualah, sabarlah. *[Dewan riuh]*.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tidak boleh, kalau...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat

[Dewan riuh].

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Setiausaha Parlimen nak jawab tak? Jawab. *[Dewan riuh]*.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *All of you make Parliament a joke, kunci-kuncu Barisan Nasional...*

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: *You make Parlimen as a joke, you are the joker. [Dewan riuh].*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat jangan ambil kesempatan ini Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat!. Jangan ambil peluang tunjukkan kepada pelajar-pelajar, Yang Berhormat tak elok.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Sebab itu kita mahu ini dibetulkan. *[Dewan riuh].*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Ipoh Timor yang tidak adil kepada Dewan. Apa yang dilakukan hari ini..

[Dewan riuh]. [Beberapa Ahli Parlimen bangun]

Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat duduk, Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat duduk. Yang Berhormat cukup, cukup. *[Dewan riuh].* Cukup! Yang Berhormat saya sudah buat keputusan cukup. *[Dewan riuh].*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini Dewan Rakyat bukan dewan Barisan Nasional.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, bagi saya, saya tak kira, sama ada BN, sama ada pembangkang, saya menjalankan tugas saya. *[Dewan riuh].* Yang Berhormat sila duduk, jangan ini macam!.

■ 1030

3. Datuk Abdul Rahim Bin Bakri [Kudat] minta Menteri Luar Negeri menyatakan setakat manakah Amerika dan sekutu-sekutunya mempunyai hasrat untuk menyerang Iran. Sekiranya berlaku apakah usaha-usaha OIC untuk mengelak perkara ini.

Setiasaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Tuan Ahmad Shabery Cheek]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kudat atas soalan yang dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, dewasa ini kita kerap kali menyaksikan perlakuan Amerika Syarikat yang menyifatkan dirinya sebagai polis dunia melalui kempen ketenteraan yang dilancarkan ke atas negara-negara yang tidak sehaluan di atas nama memerangi keganasan, menghapuskan senjata pemusnah, menegakkan prinsip demokrasi atau pelbagai sebab lain. Di awal abad ini sahaja, Amerika Syarikat dan sekutu-sekutunya telah melancarkan perang ke atas dua buah negara iaitu Afghanistan dan Iraq. Dalam kes Iraq, serangan tersebut tetap dilancarkan walaupun mendapat tentangan masyarakat antarabangsa dan tidak diluluskan oleh Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu.

Terdapat pandangan bahawa Amerika Syarikat akan menggunakan kekuatan tentera ke atas satu lagi negara yang mereka sifatkan sebagai salah sebuah paksi jahat atau dengan izin *axis of evil* iaitu Iran. Tehran dituduh berhasrat menggunakan pembangunan aktiviti nuklear untuk tenaga bagi membina bom atau nuklear atau senjata yang berkaitan dengannya. Dalam kes Iran ini, negara-negara OIC sememangnya bersepakat menghormati dan mengakui hak Iran

untuk menjalankan program pembangunan nuklearnya untuk tujuan keamanan dan sumber tenaga dan menggesa negara tersebut mematuhi Perjanjian Ketakcambahan atau dengan izin *Non-proliferation Treaty* dan syarat-syarat seperti mana yang telah ditetapkan oleh Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA). Malaysia selaku pengerusi OIC secara tegasnya menyokong hak mutlak semua negara yang berdaulat untuk membangunkan program nuklearnya bagi tujuan keamanan termasuk Iran. Pendirian ini adalah selaras dengan keputusan Persidangan Menteri-menteri Luar Negara-negara OIC yang ke-34 di Islamabad, Pakistan pada 15 hingga 17 Mei yang lalu berhubung kerjasama Iran dengan IAEA.

Di samping itu, beberapa resolusi lain memperincikan pendirian negara-negara anggota berhubung isu senjata khususnya nuklear serta gagasan penubuhan Zon Bebas Senjata Nuklear atau dengan izin *Nuclear Weapon Free Zones* di rantau Asia Barat, Afrika, Asia Tengah dan Asia Tenggara. Oleh demikian, kita haruslah terus memberikan sokongan pada proses rundingan dan kerjasama Iran-IAEA agar pembangunan nuklear Iran untuk tujuan keamanan tidak lari dari tujuan asalnya dan tidak disalahtafsirkan oleh masyarakat antarabangsa. Dengan itu, Amerika Syarikat tidak akan mempunyai sebarang sebab untuk menyerang negara tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kudat.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen. Seperti mana yang kita tahu bahawa dasar *unilateralism* yang telah diamalkan oleh kuasa-kuasa besar adalah menjadi ancaman kepada keselamatan dunia, bukan sahaja kepada negara kecil seperti Iran tetapi juga tidak terkecuali negara kita sekiranya kita tidak membuat persiapan yang tertentu. Persoalannya di sini ialah adakah usaha-usaha khususnya daripada negara-negara OIC dan pertubuhan-pertubuhan seperti NAM untuk mewujudkan kuasa multipolar. Seperti mana yang kita tahu bahawa tidak semua negara-negara yang bersetuju dengan kuasa-kuasa besar khususnya Amerika. Ada juga negara-negara yang mempunyai pendirian-pendirian tertentu seperti France, China dan juga Rusia.

Akhir-akhir ini pun kalau kita lihat Rusia mempunyai kecenderungan-kecenderungan dan pendirian-pendirian tertentu di dalam beberapa isu. Jadi adakah misalnya negara-negara OIC cuba untuk mengadakan diplomatik *engagement* dengan negara-negara serupa ini dan juga negara-negara EU untuk membolehkan supaya tidak wujud kuasa unipolar yang mutlak di dunia ini sehingga mengancam kepada keselamatan dunia. Terima kasih.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada soalan tambahan daripada Yang Berhormat Kudat. Kalau kita lihat bahawa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita ke Rusia sekarang ini adalah merupakan salah satu daripada usaha beliau juga selaku pengerusi negara-negara OIC untuk memperkukuhkan lagi hubungan dengan negara-negara yang boleh menjadi pengimbang kepada sistem unipolar dunia pada hari ini. Tetapi walau bagaimanapun, kita merasakan bahawa penyelesaian kepada kekuatan yang begitu kuat ditumpukan kepada Amerika Syarikat dengan mengadakan kembali zaman negara

dual polar ataupun dua blok, barat dan timur seperti dahulu bukanlah penyelesaian kepada keamanan dunia pada hari ini. Kita yakin bahawa terdapatnya mekanisme dalaman dalam Amerika itu sendiri yang boleh melunakkan cara mereka dalam bertindak ke atas negara-negara yang tidak disetujui mereka.

Misalnya pengalaman Amerika Syarikat terhadap Iraq, yang pada satu ketika dahulu disokong oleh rakyat mereka dengan pemilihan kali kedua Presiden Bush di dalam pertandingan menjadi Presiden Amerika pada beberapa tahun dahulu ternyata kemudiannya sudah menjadi seorang yang paling tidak popular di atas tindakan mereka dan langkah mereka dalam menghantar tenteranya di Iraq kerana ia adalah perkara yang paling tidak popular pada hari ini. Jadi kita percaya bahawa terdapat mekanisme dalam negara itu sendiri supaya mereka tidak boleh menggunakan kekuatan tentera mereka sewenang-wenangnya dalam memerangi negara-negara yang mereka anggap tidak setuju dengan jiwa pemimpin mereka. Inilah kita rasakan bahawa perkembangan yang berlaku sekarang. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kuala Terengganu.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih. Soalan tambahan kepada Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri iaitu kembali kepada tajuk OIC. Saya nak tanya dari segi keberkesanan dan *signifcantly* peranan OIC dalam menyelesaikan masalah-masalah terutamanya sekarang ini apa yang berlaku di Palestin. Sekali lagi sekarang ini kita lihat dan menyaksikan bumi Palestin berdarah dan pertempuran, perpecahan berlaku di antara Al-Fatah yang dipimpin oleh Mahmoud Abbas dan juga Hamas yang dipimpin oleh Ismail Haniyeh sekarang ini. Apakah *road map* yang ada pada OIC untuk kita memastikan pertikaian dan perpecahan dan tidak wujudnya perpaduan ini dapat dicapai. Apakah pula kesan-kesan daripada Persetiaan Mekah baru-baru ini? Apakah ini juga tidak berkesan untuk merungkai masalah perpaduan di kalangan orang-orang Islam terutamanya di Palestin ini.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada soalan tambahan daripada Kuala Terengganu. Kita akui bahawa beberapa usaha yang telah diusahakan oleh OIC dan juga negara-negara yang sentiasa memandang berat tentang isu di Palestin dan juga Timur Tengah. Ternyata sehingga sekarang belum mencapai kedamaian yang berterusan. Begitu juga dengan usaha yang dibuat di Mekah ataupun dikatakan Perjanjian Mekah (Makkah Accord) yang baru sahaja ditandatangani beberapa bulan yang lalu pun gagal. Kita hanya boleh menyeru mereka, tetapi yang menentukan sama ada mereka benar-benar mahu berdamai atau tidak dalam kes antara Hamas dan Fatah ialah orang Palestin itu sendiri. Apakah mereka bersedia berdamai? Apakah mereka bersedia untuk meletakkan senjata bagi masa depan negara mereka adalah mereka sendiri. Kita hanya boleh menyeru, kita boleh mengajak mereka ke meja perundingan tetapi apakah mereka sendiri mahukan perdamaian, itu terletak di tangan mereka. Itulah yang boleh kita usahakan tetapi akhirnya yang menentukan masa depan mereka adalah mereka sendiri.

4. **Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh pihak kementerian untuk mewujudkan masyarakat warga tua yang sejahtera dan bermaruah seperti mana yang tertera dalam Dasar Warga Tua Negara di mana kadar peningkatan bilangan penduduk tua yang tinggi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua, pewujudan Dasar Warga Tua Negara yang digubal dan diluluskan pada tahun 1995 merupakan satu respons daripada kerajaan untuk menangani kadar peningkatan bilangan penduduk tua yang tinggi di negara ini. Bagi melaksanakan dasar ini, satu Pelan Tindakan Dasar Warga Tua Negara telah digubal dan diluluskan pada tahun 1998. Sehubungan itu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sebagai agensi bertanggungjawab telah mengambil beberapa langkah untuk memenuhi keperluan dan kesejahteraan warga tua. Bagi menjamin kesejahteraan hidup warga tua, kementerian telah membina Rumah Seri Kenangan dan Rumah Ehsan.

Setakat ini, sebanyak sembilan buah Rumah Seri Kenangan dan dua buah Rumah Ehsan telah dibina di seluruh negara untuk memberi jagaan, rawatan dan perlindungan warga tua yang sakit dan uzur. Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, kementerian akan menjalankan projek naik taraf di semua Rumah Seri Kenangan yang melibatkan kos sebanyak RM56 juta dalam projek pembangunannya. Projek naik taraf bertujuan mewujudkan persekitaran yang bebas halangan, keselesaan dan kesejahteraan penghuni.

■1040

KPWKM juga mengadakan perkongsian bijak dengan pertubuhan sukarela kebajikan dalam membina 19 buah pusat jagaan harian warga tua sebagai program penjagaan alternatif kepada warga tua supaya mereka terus berada dalam komuniti. Program ini bercorak *reaching out* dan *developmental* dengan izin kepada warga tua. Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan sebuah lagi akan dibina di Nibong Tebal, Pulau Pinang dengan kos sebanyak RM1.5 juta.

Tuan Yang di-Pertua, KPWKM juga melaksanakan program Khidmat Sokongan Bantuan Di Rumah atau *Home Help* dengan izin yang merupakan perkongsian bijak dengan pertubuhan sukarela kebajikan dengan memberi bantuan kepada warga tua yang daif dan miskin yang tinggal berseorangan atau yang mempunyai keluarga tetapi memerlukan bantuan. Khidmat Sokongan Bantuan Di Rumah dijalankan oleh sukarelawan yang dilatih dengan membuat lawatan ke rumah keluarga warga tua yang memerlukan perkhidmatan.

Di samping itu, kementerian akan melaksanakan program *Home Help* dengan izin iaitu program bantuan pengangkutan ke hospital, klinik untuk warga tua yang daif atau tinggal berseorangan. Sebanyak RM1.2 juta telah diperuntukkan untuk membeli kenderaan untuk tujuan tersebut dan operasi program ini akan dikendalikan dengan kerjasama strategik dengan pertubuhan sukarela kebajikan. Selain itu mulai tahun 2006...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Banyak lagi Yang Berhormat?

Datin Paduka Chew Mei Fun: Sikit lagi. Kerajaan telah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebab banyak soalan patut kita boleh kemukakan. Saya mintalah kalau boleh pihak kerajaan ringkaskan jawapan untuk soalan tambahan.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Okey, sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua. Mulai tahun 2006, kerajaan telah memberi bantuan sebanyak RM200.00 sebulan kepada setiap warga tua miskin melalui bantuan orang tua supaya mereka boleh terus hidup dalam sistem kekeluargaan.

Perkhidmatan-perkhidmatan lain yang disediakan oleh kementerian adalah bantuan alat sokongan kepada warga tua yang layak, perkhidmatan kaunseling dan bimbingan untuk warga tua mengatasi masalah emosi dan psikologi dan bantuan ... kepada pertubuhan sukarela kebajikan. Sambutan Hari Warga Tua pula diadakan setiap tahun sebagai satu program invokasi kementerian ke arah memartabatkan warga tua. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Batu Pahat.

Dr.Junaidy bin Abd. Wahab [Batu Pahat]: Terima kasih atas jawapan. Apa yang diterangkan tadi merupakan warga tua yang tidak mempunyai keluarga, tapi sebahagian besar mereka warga-warga tua ini bergantung hidup pada orang lain terutamanya anak-anak dan sokongan-sokongan kemudahan seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi.

Dengan mengambil kira umur persaraan wajib kebanyakan di negara kita antaranya 56 tahun hingga 60 tahun. Sedangkan jangka hayat kita semakin meningkat dan juga tahap kesihatan semakin baik, adalah rumit bagi sebahagian besar warga tua untuk menyara kehidupan mereka selepas umur persaraan. Dalam laporan yang dikeluarkan oleh KWSP menyatakan lebih kurang 70% daripada golongan warga tua menerima pencen bawah daripada RM500.00 iaitu di bawah garis kemiskinan. Jadi soalan saya, adakah pihak kementerian ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya yang pertama mengkaji balik nilai wang pencen tadi supaya dapat melepasi garis pendapatan garis kemiskinan atau diberikan pencen minimum.

Yang kedua, mewujudkan satu tabung untuk membantu khusus warga tua dalam menghadapi hari-hari yang mendatang umpamanya dengan izin *senior citizen social security fund* supaya masalah-masalah yang berkaitan dengan kesihatan dan kemudahan pada mereka dapat kita atasi. Terima kasih.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat. Di bawah Majlis Penasihat dan Perlindungan Warga Tua Kebangsaan, yang telah ditubuhkan pada 1996 yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Menteri dan juga mempunyai 34 ahli yang terdiri daripada agensi kerajaan, semua cadangan yang disampaikan oleh Yang Berhormat tadi telah pun dan akan terus dibincangkan dalam majlis yang berkenaan.

Mengenai pekerjaan warga tua tersebut, di dalam Pelan Tindakan Dasar Warga Tua Negara, warga tua digalakkan untuk terus menyumbangkan kepada pembangunan negara

melalui penyertaan dalam pekerjaan berasaskan kepada pengalaman dan kemahiran masing-masing. Dengan ini mereka dapat hidup berdikari dari segi pendapatan dan kesejahteraan hidup. Mengenai warga-warga tua yang berwaris dan duduk bersama dengan ahli-ahli keluarga mereka, kita telah pun menubuhkan 19 buah pusat jagaan harian warga tua supaya warga tua-warga tua ini dapat melawat ke pusat-pusat ini untuk bergaul dengan orang yang lain.

Di samping itu, mengenai pendidikan kerajaan juga telah pun melaksanakan skim pembelajaran sepanjang hayat. Mengenai pencen, bantuan orang warga tua kita sedang dalam kajian adakah keperluannya untuk kita meningkatkan lagi. Mengenai pencen sosial itu kita akan berbincang dengan kementerian yang berkenaan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat dari kawasan Sarikei.

5. Tan Sri Law Hieng Ding [Sarikei] minta Menteri Pengangkutan menyatakan berapakah jumlah kes kemalangan yang berpunca dari penggunaan tayar yang berkualiti rendah dan tidak mematuhi piawaian yang ditetapkan bagi lima tahun yang lepas.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini masih belum ada sebarang perangkaan atau kajian tempatan berkaitan dengan impak penggunaan tayar kepada kemalangan jalan raya.

Walau bagaimanapun, mengikut kajian hanya 5% dari kemalangan adalah berpunca dari keadaan kenderaan. Manakala 67% adalah disebabkan faktor manusia dan 28% adalah berpunca dari keadaan jalan.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Sarikei, sila.

Tan Sri Law Hieng Ding [Sarikei]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah saya menanyakan kepada Timbalan Menteri iaitu memandangkan perlakuan *accident* yang begitu banyak di negara kita ini, adakah cadangan untuk menggunakan sistem yang telah dan sedang dipakai iaitu menghadkan *driver* setiap masa, setiap minggu atau setiap hari dan juga melaksanakan *monitoring* jalan di seluruh lebuhraya dengan menggunakan *electronic monitoring TBT* lebuhraya. Terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat dari Sarikei. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, kita memang mengambil beberapa langkah dan beberapa tindakan ke arah untuk mengurangkan masalah kemalangan jalan raya. Oleh yang demikian kerajaan telah pun menubuhkan satu badan yang dinamakan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia ataupun MIROS pada Januari 2007. Tugas jabatan ini adalah menyelidik isu-isu mengenai keselamatan jalan raya. Maka beberapa isu yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi juga akan diteliti dan kita akan cari jalan bagaimana hendak melaksanakan beberapa program. Begitu juga kita telah pun mengadakan beberapa syarat untuk pemandu-pemandu kenderaan berat untuk menghadkan mereka, jam dan berapa panjang dia boleh

memandu dalam satu jangka yang tidak lebih dari lapan jam. Itulah beberapa langkah yang kita ambil.

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa sebanyak 67% punca daripada keadaan manusia, atau pemandu atau 57%. Ini mungkin satu keadaan pada tahun 2006 umpamanya. Adakah ianya trend begitu sahaja umpamanya 10 tahun dahulu. Berapa peratus agaknya daripada kemalangan jalan raya ini berpunca daripada fakta manusia. Adakah ia sama banyak, adakah ia kurang? Jadi pokoknya, apakah trend dalam 10 tahun, 15 tahun sebelum ini sampai sekarang dari segi sumbangan fakta manusia itu dan fakta-fakta lain terhadap berlakunya kemalangan di jalan raya. Terima kasih.

■1050

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat. Dari kajian yang kita lihat selama ini nampaknya ada konsisten dari segi punca-punca kemalangan jalan raya iaitu kebanyakannya adalah disebabkan oleh keadaan ataupun faktor manusia. Maknanya kalau kita lihat dari beberapa punca kemalangan, sebab-sebabnya adalah:

- (i) memandu had laju dan memandu secara berbahaya - kita mendapati telah menyebabkan 54.1% dari jumlah kemalangan;
- (ii) melanggar belakang adalah 10.9%;
- (iii) cuai melintas jalan 9.2%;
- (iv) memotong atau tukar lorong 8.9%; dan
- (v) keluar masuk simpang 8.5%.

Jadi nampaknya selama ini trend ini adalah konsisten iaitu faktor manusia adalah satu faktor yang menyebabkan kemalangan. Oleh sebab itu, maka tumpuan langkah-langkah untuk mengatasi masalah kemalangan ini adalah untuk mencari jalan bagaimana menukar sikap pemandu kita supaya mereka dapat memandu dengan lebih cermat, maka mereka dapat memandu dengan lebih berhati-hati, maka bahawa mereka selalu mematuhi peraturan-peraturan di jalan raya.

Oleh itu tumpuan kita sekarang adalah kita menumpukan kepada penunggang dan pembonceng motosikal kerana 58.2% dari kemalangan adalah melibatkan mereka ini dan kebanyakan adalah dari faktor manusia. Jadi kalau kita dapat menumpukan usaha kita untuk menukar sikap memandu kita, kita fikir usaha kita untuk mengurangkan kemalangan jalan raya ini akan terus berjaya.

6. Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh] minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan langkah kerajaan menekankan inovasi dalam Misi Nasional dan Rancangan

Malaysia Kesembilan bertepatan dengan keperluan negara. Apakah kemajuan yang telah dicapai dalam langkah mengukuhkan Sistem Inovasi Kebangsaan. Apakah kemajuan terhadap penubuhan Majlis Inovasi Kebangsaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi [Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat. Di dalam era pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan dan inovasi ataupun *ki-economy* pada hari ini, keberkesanan dan keupayaan inovasi serta keupayaan untuk menjana, menyebarkan dan menggunakan ilmu menjadi semakin penting. Pendekatan Misi Nasional Pembangunan Negara kepada inovasi adalah bertepatan dengan usaha kerajaan untuk menjadikan *ki-economy* sebagai teras pembangunan dan kemajuan negara pada masa akan datang.

Demi untuk memperkukuhkan Sistem Inovasi Nasional atau NIS dibuat adalah untuk melihat kepada potensi pertumbuhan negara semakin bergantung kepada keberkesanan dan keupayaan inovasi dan kemampuan untuk mencipta, menyebarkan dan menggunakan ilmu pengetahuan. Ciri-ciri utama untuk memastikan kejayaan Sistem Inovasi Nasional ialah pendidikan, k-infrastruktur, insentif kerajaan, polisi kerajaan dan dana pembiayaan. Ejen-ejen yang berperanan di dalam hal-hal ini termasuklah masyarakat, sektor awam dan sektor swasta dan seterusnya persekitaran yang kondusif.

Sehingga kini kita telah merangsang untuk aktiviti-aktiviti inovasi, kita telah menubuhkan skim yang dikenali sebagai Skim Dana Inovasi yang mana adalah terdiri daripada dua iaitu Dana Inovasi Enterprise dan juga Dana Inovasi Komuniti. Selain itu juga untuk memantapkan strategi negara dalam mempertingkatkan keupayaan dan kapasiti inovasi negara, satu kajian telah pun dibuat yang mana kita telah melantik konsultan Pricewater House Coopers sebagai konsultan yang akan menyediakan satu pelan strategi jangka panjang.

Begitu juga kita telah melantik konsultan Boston Consultant Group untuk menjalankan kajian bagaimana untuk membangunkan satu modal teroka yang dapat merangsang aktiviti inovasi dan pengkomersialan produk-produk R&D. Terima kasih.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bertanya tentang kemajuan terhadap penubuhan Majlis Inovasi Kebangsaan kerana setakat ini saya belum tengok lagi, Tuan Yang di-Pertua, pencapaian inovasi kita yang boleh dijadikan *showcase* di peringkat antarabangsa. Kita belanja banyak, kita tubuh majlis itu majlis ini, kita ada dana itu dana ini, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan saya ingat berbilion ringgit kita belanjakan untuk menggalakkan inovasi ini, tetapi setakat ini kita tidak lahirkan apa-apa.

Saya berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita ada, infrastruktur untuk melahirkan inovasi yang kita ada, tidak setimpal dengan apa yang telah kita keluarkan. Kita cuba bawa pakar-pakar kita, rakyat Malaysia, profesional daripada luar negara balik ke Malaysia, kita dapat 35 orang, akhirnya tinggal tiga orang. Sekarang semua sudah balik semula, tidak mahu

bekerja di Malaysia. Kita cuba dapatkan pakar asing, kita tidak mampu hendak bayar ganjaran yang begitu tinggi, tetapi kita banyak opsyen-opsyen lain, Tuan Yang di-Pertua. Kita boleh adakan *networking* dengan mereka ini.

Negara China dan India, mereka buat *networking* dengan rakyat mereka di luar negara. Yang pentingnya, Tuan Yang di-Pertua, kita ada infrastruktur di negara kita tetapi kita tidak ada *brain*. Sampai bila kita hendak tinggal macam ini? Kita mempunyai kemudahan yang cukup, kita ada Cyberjaya, kita ada MSC kita, *follow through* kita tidak ada. Kita akan hancur, Tuan Yang di-Pertua. Negara akan hancur, habis! Kita belanja begitu banyak, menyediakan infrastruktur tetapi kita tidak lahirkan inovasi.

Orang lain, baru-baru ini saya baca, budak umur 27 tahun, Tuan Yang di-Pertua, yang lahirkan *website YouTube*, jual kepada *Google* sampai berbilion ringgit dan banyak lagi ciptaan-ciptaan lain. Kita buat apa? Apa yang kita buat? Saya cukup kecewa, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, apakah cadangan dan soalan?

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Saya hendak tahu, apa usaha yang kerajaan akan buat untuk dapatkan *brain* ini? Kita ada *hardware*, kita tidak ada *software*. Kita ada infrastruktur, kita tidak ada *brain*. Apa usaha kerajaan hendak bawa atau cari *brain* ini untuk lahirkan *innovation*? Kalau tidak, kita habis begitu sahaja. Otak, otak! *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat, sila jawablah.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Terima kasih.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Terima kasih Yang Berhormat. Itu sebab seperti yang saya nyatakan tadi, kerajaan sedang mengambil konsultan iaitu Pricewater House Coopers sebagai *leading consultant* untuk merangka program yang strategik untuk inovasi negara pada masa akan datang. Jadi kita telah belajar daripada pengalaman. Memang sebelum ini kita tidak berjaya dalam program *brain gain*, jadi pihak kerajaan telah meminta dikaji semula insentif-insentif dan juga keistimewaan bagaimana kita boleh mendapatkan *brain* daripada luar sama ada untuk bekerja di Malaysia ataupun bekerjasama dengan penyelidik-penyelidik di dalam negara kita.

Begitu juga untuk pengetahuan Yang Berhormat, kita sebenarnya telah banyak menghasilkan produk-produk peringkat antarabangsa tetapi kadang-kadang kita tidak nampak produk negara kita. Yang kita nampak adalah produk daripada luar negara. Sebagai contoh, tidak banyak hospital-hospital swasta menggunakan reka bentuk *dines chip* yang dihasilkan oleh Profesor Asma Ismail daripada USM, tetapi produk ini telah dijual di seluruh dunia. Ini adalah merupakan produk yang tulen daripada saintis negara kita. Kita pada pandangan saya, perlu

mengiktiraf produk-produk yang dihasilkan oleh negara kita sendiri, barulah kita dapat melihat kecemerlangan yang lebih baik pada masa akan datang. Terima kasih.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa soalan saya ini senada dan seirama dengan apa yang disuarakan oleh Temerloh di mana industri kita telah menggunakan berbilion ringgit saya rasa di bawah program R&D, tetapi sehingga hari ini seperti mana yang disuarakan oleh mantan Perdana Menteri 15 tahun yang lalu bahawa kita harus menjadi pencipta teknologi dan bukan lagi pengguna teknologi. Jadi bolehkah, tadi disebut satu dan satu itu katanya banyak. Kalau boleh tiga atau lima contoh-contoh di mana inovasi kita ini boleh kita banggakan di arena antarabangsa. Apakah contoh-contoh yang terbaik setakat ini? Terima kasih.

■1100

Profesor Datuk Dr. Mohd Ruddin bin Ab. Ghani: Sebenarnya saya telah pun memberikan *list* ini kepada Yang Berhormat Kepong semasa saya menggulung iaitu kita ada lebih daripada lima belas produk yang telah dihasilkan oleh saintis kita sendiri yang telah berada di arena antarabangsa. Jadi, di sini saya tidak ada *list* itu tetapi kita telah pun memberikan kepada permohonan daripada Kepong berkaitan kemajuan yang kita telah capai terutama oleh saintis negara.

7. **Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memberi bantuan kepada kerajaan negeri setelah kenaikan gaji dilaksanakan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang. Tuan Yang di-Pertua, kementerian mengambil maklum akan kemungkinan kerajaan negeri menghadapi masalah kekurangan peruntukan untuk menampung kenaikan gaji anggota-anggota perkhidmatan awam seperti yang diumumkan oleh kerajaan mulai 1 Julai 2007. Walau bagaimanapun, bagi negeri yang menghadapi masalah aliran tunai dalam akaun pengurusan mereka, mereka bolehlah membuat permohonan kepada Kementerian Kewangan dan Kementerian Kewangan akan pertimbangkan. Ini berbentuk pinjaman Tuan Yang di-Pertua, bukan untuk pemberian tetapi berbentuk pinjaman. Kena bayar baliklah, walaupun tidak ada *interest* kena bayar balik.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Adakah kerajaan sedar, ada beberapa kerajaan negeri yang selalunya meminjam dengan Kerajaan Persekutuan tetapi tidak membayar? Contohnya, Kedah lebih daripada satu bilion, Perlis demikian juga. Adakah kerajaan sedar dalam keadaan sekarang ini terdapat beberapa negeri sedang demam apabila berhadapan dengan kakitangan kerajaan di mana Kerajaan Persekutuan mahu bayar gaji kakitangan. Sudah tentu kerajaan negeri juga terpaksa membayar balik. Jadi adakah kerajaan sedar? Ada beberapa negeri sudah demam walaupun surat belum diminta lagi dengan Kerajaan Persekutuan untuk mendapat pinjaman.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tiap-tiap negeri membuat pinjaman kepada Kerajaan Pusat. Kalau ikut jumlah kalau dilihat saya tidak payah sebut kerajaan negeri-negerilah tetapi ada yang banyak dan ada yang sedikit. Tetapi *total*, jumlah... Hendak sebut Kelantan ya? Kelantan pinjam RM 897 *million*. [*Dewan riuh*] Tertunggak, tertunggak ya. Ada juga tertunggak. Jadi jumlah semua sekali Tuan Yang di-Pertua tiap-tiap negeri, semua negeri pinjam. Jumlah semua sekali RM13.8 bilion. Yang tertunggak RM2.5 bilion. Tiap-tiap negeri pun ada tunggakan. Jadi memang begitulah keadaan ia. Memang kita tahu sangatlah masalah kerajaan negeri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Puchong hendak pinjam juga.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Saya belum bincang lagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Memang kenaikan gaji untuk kakitangan kerajaan ini kita alu-alukan kerana lebih kurang selama 15 tahun kita tidak naik gaji. Tetapi persoalan sekarang ialah dengan kenaikan gaji daripada 7.5% hingga 35% ini yang akan dilaksanakan pada bulan depan. Saya hendak tahu, apakah *expectancy* mengenai kenaikan gaji ini setimpal dengan kenaikan produktiviti yang selalu kita bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini mengenai membaiki kedua-dua sistem ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat soalan pinjaman.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Jadi, kenaikan gaji ini. So, saya hendak tahu apakah Kementerian ini mempunyai satu analisis bahawa dengan kenaikan peratusan ini apakah kadar kenaikan produktiviti negara khasnya di pihak kerajaan iaitu sistem penyampaian kita kerana dalam keadaan sekarang mengenai produktiviti, keberkesanan untuk membuat sesuatu kerja supaya daya saing negara dapat *dimaintain* dalam masa-masa akan datang. So, saya hendak dapat sedikit apakah penjelasan daripada Kementerian?

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini agak terkeluar sedikit daripada soalan asal. Jadi, memanglah kalau kenaikan gaji diberi maka *expectation* dengan izin daripada rakyat adalah tinggi terhadap pegawai-pegawai kerajaan dan saya yakin tiap-tiap Kementerian akan memastikan prestasi mereka meningkat Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat dari kawasan Labuan.

8. Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: minta Menteri Pelancongan menyatakan adakah kementerian bercadang untuk merangka program dan aktiviti pelancongan yang mendukung prinsip kelima Rukun Negara bagi menarik pelancong asing.

Timbalan Menteri Pelancongan [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, prinsip kelima Rukun Negara adalah Kesopanan dan Kesusilaan. Kerana itu Kementerian Pelancongan telah melaksanakan kursus-kursus yang akan membantu pekerja barisan hadapan

atau *front liners* dengan izin industri pelancongan supaya lebih peramah dan mesra dalam melaksanakan tugas harian. Kursus-kursus yang ditawarkan oleh kementerian adalah Kursus Mesra Malaysia dan Kursus *Act Tourism*. Kursus Mesra Malaysia adalah kursus yang bertujuan untuk membentuk dan meningkatkan kesopanan dan kemesraan serta memperlihatkan budaya Malaysia apabila berhadapan dengan pelancong.

Manakala Kursus *Act Tourism* adalah bertujuan untuk memberi pengetahuan dan pendedahan kepada *front liners* bagi melengkapkan diri untuk menghadapi cabaran dalam industri pelancongan dan mempertingkatkan tahap perkhidmatan pelanggan atau *customer service* dengan izin. Kementerian Pelancongan juga telah menganjurkan kursus *Eco-Host* Malaysia yang lebih menjurus kepada pendidikan alam sekitar khususnya bagi masyarakat setempat di kawasan eko-pelancongan seperti di taman-taman negara di seluruh negara.

Peserta adalah terdiri daripada pengusaha-pengusaha pelancongan, pemandu pelancong alam semula jadi setempat selain daripada penduduk setempat di kawasan eko-pelancongan tersebut. Penekanan diberikan adalah menjaga dan mengekalkan suasana alam semula jadi. Selain daripada itu, Kementerian Pelancongan juga telah melancarkan kempen Malaysia *Welcome the World* pada tahun 2006 yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan kemahiran di kalangan *tourism front liners* dengan menyemarakkan konsep *Think Tourism* dan *Act Tourism* di kalangan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini di bawah kempen Malaysia *Welcome the World* tersebut bilangan peserta yang telah mengikuti kursus Mesra Malaysia adalah seramai 5,342 orang bagi tempoh Januari 2006 sehingga bulan Mei 2007. Bagi Kursus *Act Tourism* pula bilangan peserta adalah seramai 4,570 orang bagi tempoh Januari 2007 sehingga bulan Mei 2007. Manakala Kursus *Tourism English* pula bilangan peserta adalah seramai 2,675 orang bagi tempoh Januari 2007 hingga bulan Mei 2007.

Pada dasarnya, Kementerian Pelancongan telah merangka program dan aktiviti pelancongan dengan memberikan kursus-kursus yang bersesuaian kepada warga tempatan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan industri pelancongan. Pelaksanaan kursus-kursus pelancongan dan aktiviti-aktiviti pelancongan buat masa ini secara tidak langsung telah mendukung prinsip kelima Rukun Negara iaitu Kesopanan dan Kesusilaan. Tambahan pula kursus-kursus adalah dilaksanakan secara berterusan dan tidak hanya dilaksanakan di sepanjang tempoh kempen Malaysia *Welcome the World* dan kempen Tahun Melawat Malaysia 2007 sahaja. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Labuan.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita akui bahawa Kementerian menganjurkan pelbagai program untuk *front liners*, Mesra Malaysia dan sebagainya. Tetapi kita mempunyai rakyat melebihi 23 juta. Kalau kita bandingkan dengan negara Thai, kesopanan dan kesusilaan ini bukan saja

melibatkan *front liners*. Kalau mereka yang menjual di tepi-tepi jalan pun mengamalkan sikap dan budaya yang sama. Dalam konteks Malaysia Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya lihat penekanan diberikan kepada *front liners* yang berurusan terus dengan pelancong.

■1110

Tapi bagaimanakah dengan rakyat yang contohnya berada di luar bandar, bagaimana prinsip kesopanan dan kesusilaan ini dapat ditanam. Apa program kementerian. Soalan saya Tuan Yang di-Pertua ialah bagaimana kementerian hendak menjual Malaysia sebagai satu jenama global yang berteraskan prinsip kesopanan dan kesusilaan ini yang betul-betul mencerminkan rakyat Malaysia memiliki sifat kesopanan dan kesusilaan. Itu saja Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat dari Labuan yang begitu prihatin dengan isu-isu ini iaitu isu kesopanan dan kesusilaan yang seperti kita tahu, kita memang akui bahawa isu-isu yang kita hendak menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara pelancongan yang terunggul di dunia. Kita memang ada satu jawatankuasa yang ditubuhkan atas arahan jemaah menteri iaitu yang diketuai oleh kementerian lain dan juga agensi-agensi kerajaan dan pihak swasta dari industri pelancongan. Kita memang ada berbincang isu-isu ini. Isu-isu seperti isu pengangkutan, isu keselamatan, isu teksi dan isu kebersihan.

Di antara isu yang kita bincang isu kesempurnaan iaitu *front liners* kita mesti begitu prihatin menghadapi pelancong asing kita. Memang kita tahu pada masa ini Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan pun ada satu kempen iaitu Kempen Budi Bahasa dan kita memang akan bincang dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan supaya kita akan adakan satu program dan kita memang harap semua rakyat boleh bersama dengan kita terutama sekali Ahli Parlimen juga. Jangan ada kawan kita yang suka bergaduh. Itu masalah yang kita hadapi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kota Bharu. Minta maaf. Enam kali, tujuh kali sudah bangun baru dapat diberi peluang.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengenai kesopanan dan kesusilaan dan budi bahasa. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, walaupun kempen-kempen yang disebut tadi ditujukan kepada orang ramai, apakah kerajaan juga bercadang untuk melakukan kempen ini kepada pucuk pimpinan orang-orang atas misalnya. Saya merujuk kepada satu kenyataan seorang Timbalan Menteri misalnya yang mengatakan kita tak payahlah ambil pekerja wanita cina kerana mungkin merampas suami kita, dan kenyataan ini telah menimbulkan satu reaksi yang hebat di negeri China, akhbar-akhbar negeri China. Kita ada juga masalah misalnya kenyataan-kenyataan pemimpin-pemimpin kita mengenai perempuan bocor misalnya.

Jadi ini semua sedikit-sebanyak menjejaskan imej negara. Jadi apa perancangan kerajaan mengenai orang-orang yang dari segi kumpulan ini untuk supaya kita benar-benar menghayati kesopanan dan kesusilaan.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat atas pandangan iaitu supaya kita di Kementerian Pelancongan dan juga kementerian lain kita mengadakan program-program untuk pucuk pimpinan kita. Saya ingat memang ini adalah cadangan yang baik. Kita akan kaji dengan kementerian, terutama Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan. Sekian.

9. Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah pihak kementerian merancang untuk mengubah syarat-syarat bagi permohonan Pendaftaran Keluarga Termiskin di bandar khasnya kelayakan utama pendapatan pemohon.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan masih mengekalkan syarat utama yang telah ditetapkan sebelum ini iaitu menggunakan kaedah Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) sebagai kelayakan pemberian bantuan di bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar.

Walau bagaimanapun, kementerian bercadang untuk memperluaskan syarat kelayakan dengan mengambil kira bilangan isi rumah dalam menentukan pendapatan keluarga atau apa yang dikenali sebagai PGK per kapita yang berasaskan kepada tiap-tiap individu di dalam satu rumah. Terima kasih.

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen atas jawapan yang diberikan. Kita faham tujuan kementerian mewujudkan program ini untuk membasmi kemiskinan tegar dalam bandar, tetapi malangnya maklumat ini tidak sampai kepada akar umbi atau tidak diketahui oleh ramai rakyat termasuk ahli majlis PBT. Saya ingin tahu apa langkah-langkah yang diambil oleh kementerian supaya program ini betul-betul memberi manfaat kepada rakyat yang memerlukan bantuan ini. Terima kasih.

Dr S. Subramaniam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian telah mengambil beberapa langkah supaya maklumat tentang program ini dihebahkan kepada pemimpin-pemimpin di akar umbi. Sebenarnya kita telah memberi taklimat kepada tiap-tiap ahli majlis di seluruh negara termasuk yang di Johor yang telah diadakan di Kluang yang saya sendiri memberi taklimat itu. Ahli-ahli Majlis ada yang datang dari semua PBT dari negeri Johor, walaupun sebenarnya mesti ada lebih orang tapi yang datang itu kurang dari apa yang kita harapkan. Baru-baru ini pada sesi Parlimen yang lalu, menteri kementerian telah memberi satu taklimat kepada wakil-wakil rakyat di Parlimen. Selain daripada itu, tiap-tiap PBT telah diberikan taklimat di kawasan mereka dan mereka digalakkan supaya minta pemimpin-pemimpin akar umbi

termasuk ketua-ketua kampung, JKK dan sebagainya supaya mereka pun boleh mengetahui tentang program ini.

So, sebenarnya kerajaan telah mengambil beberapa usaha supaya maklumat ini diberitahu kepada rakyat dan usaha ini akan diteruskan supaya rakyat tahu tentang program ini melalui mana-mana cara yang kita berpendapat paling berkesan. Terima kasih.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. saya hendak tanya kementerian, ada atau tidak kajian dijalankan - berapakah sebenarnya mereka yang miskin tegar di bandar ini. Ini penting sebab tadi Setiausaha Parlimen ada menyebut PGK per kapita. Contohnya di Kuala Lumpur berapa, di Seremban berapa, Johor Bahru berapa, Pulau Pinang berapa dan yang penting kita mesti kenal pasti berapa yang sebenarnya kumpulan miskin tegar ini. Sebab kalau tidak bagaimana kita hendak merancang program-program susulan seterusnya. Minta penjelasan. Bandar mana yang paling ramai orang miskin?

Dr S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai butir-butir tentang bilangan isi rumah miskin dan miskin tegar mengikut negeri sehingga tahun 2004. Di seluruh Malaysia ada 311,000 keluarga di bawah kemiskinan dan miskin tegar 16,700 keluarga dan kita ada pecahan mengikut bandar dan luar bandar dan soalan yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat tentang negeri mana yang paling banyak ialah negeri Sabah.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Bandar, bandar mana?

Dr S. Subramaniam: Pecahan mengikut bandar saya tidak mempunyai di sini, tapi ada PBT yang telah menjalankan kajian di kawasan mereka dan maklumat boleh didapati daripada pihak-pihak berkuasa tempatan sendiri.

■1120

10. Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Keteroh]: minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan:

- (a) apakah bidang-bidang pengajian yang akan diajar dan diutamakan di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) bila ia bermula nanti; dan
- (b) adakah UMK mahu dikenali sebagai Universiti Sains Teknologi, Perguruan, Perubatan atau semua bidang dan apakah ada kajian mendalam dibuat mengenainya.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Datuk Ong Tee Keat]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, bidang-bidang teras di Universiti Malaysia Kelantan ataupun UMK adalah keusahawanan, sumber asli atau sains gunaan, teknologi kreatif, pengajian warisan dan bahasa moden.

UMK dijangka akan menjadi terkenal sebagai sebuah universiti keusahawanan yang menawarkan empat program pengajian di fasa pertama operasinya, iaitu, Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan dengan Kepujian, Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan Keusahawanan Teknologi

Pertanian khususnya dengan Keputjian, Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kreatif dengan Keputjian dan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan Keputjian.

Tuan Yang di-Pertua, *niche area* dengan izin, Universiti Malaysia Kelantan adalah ilmu keusahawanan yang merentasi semua kurikulum program pengajian yang ditawarkan. Kajian tentang penetapan bidang pengajian ... dengan izin, telah dibuat dan kajian ini adalah berteraskan kepada kekuatan yang menyeluruh di kalangan negeri-negeri di sebelah Pantai Timur khususnya negeri Kelantan yang lebih tertumpu kepada aspek keusahawanan tanpa mengira lapisan masyarakat, kaum dan jantina.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: [Bangun].

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Jerai. Jerai dahulu, Jerai dahulu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak mendapatkan sedikit penjelasan. Kita ada banyak universiti Tuan Yang di-Pertua. Di Malaysia, universiti swasta dan universiti kerajaan. Bagi pihak universiti kerajaan, adakah kerajaan membuat kajian kursus-kursus dan juga pasaran-pasaran kerana saya dapati ada banyak pelajar kita mengambil, contohnya dipanggil *building surveyor*. Dia menjaga bangunan. Dia sukut bangunan, dia tengok bangunan itu, baik ke tidak baik. Sepatutnya dia seorang jurutera, tetapi dipanggil *surveyor*. Mereka ini di dalam peluang pekerjaan, tidak ada. Contoh, macam sekarang ini, bangunan runtuh, itu runtuh, ini runtuh, itu bocor, ini bocor. Sepatutnya semua ini kerja mereka, tetapi tidak ada pasaran.

Jadi saya hendak tahu daripada kementerian, adakah kementerian membuat kajian supaya mata pelajaran yang hendak kita anjurkan kepada pelajar-pelajar ini harus mempunyai pasaran dan peluang pekerjaan di masa hadapan mereka apabila mereka meninggalkan universiti? Kadang-kadang mereka ini, kelulusan bidang pengurusan perniagaan, tetapi dia hendak menjadi seorang pegawai kerajaan. Jadi pentadbir. Jadi, kadang-kadang dia lulusan dari Universiti Putra, Pertanian, tetapi dia juga hendak menjadi pegawai tadbir. Dia tidak mahu melibatkan diri dalam bidang-bidang yang dia ambil di universiti kecuali peguam, doktor dan sebagainya.

Jadi apakah perancangan kerajaan di samping kita memberi peluang mereka belajar di universiti, kita juga mesti memberi satu bimbingan, satu arah tuju kepada mereka supaya mereka ini kelak apabila mereka keluar daripada universiti, berjaya dalam pendidikan mereka. Mereka ada peluang dan ruang yang telah disediakan oleh kerajaan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat, cukup, cukup.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: ...dan syarikat swasta. Cukup Tuan Yang di-Pertua? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Jerai tadi atas keprihatinan beliau terhadap masa hadapan dan juga peluang kerjaya

siswazah-siswazah kita khususnya dari IPTA kita. Apa yang dibangkitkan itu, khususnya contoh yang melibatkan kecacatan, misal kata jambatan ataupun bangunan itu, saya rasa ianya agak terkeluarlah dari bidang kuasa kementerian ini. Walaupun demikian, untuk menjawab soalan pokok Yang Berhormat tadi itu, saya suka hendak memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa sesungguhnya apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat adalah satu-satunya yang terus dilaksanakan oleh kementerian ini dengan kerjasama IPT yang berkenaan, khususnya IPTA kita secara bersepadu dan juga bidang industri yang berbeza-beza.

Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini satu siri dialog berkala khususnya di antara bidang industri dan akademia telah pun dilangsungkan dan setakat ini untuk makluman Yang Berhormat, sektor *banking* ataupun perbankan dan juga kejuruteraan misalnya, kejuruteraan ICT telah pun dijalankan. Saya menjangka ada banyak lagi bidang-bidang yang lain akan terus kita jalinkan, bukan sahaja jalinkan jaringan yang rapat dengannya supaya apa yang dikehendaki oleh sesuatu bidang industri itu dapat kita ambil kira dalam *curriculum planning* dengan izin ataupun perancangan kurikulum kita.

Selain itu Tuan Yang di-Pertua, dari segi pendedahan pelajar-pelajar kita khususnya pelajar-pelajar IPTA kita terhadap peluang kerjaya dan juga prospek kerjaya itu tetap diadakan dari semasa ke semasa di setiap IPTA. Kadangkala nama sesuatu pameran itu mungkin berbeza-beza, tetapi matlamatnya adalah sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ketereh.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Datuk Timbalan Menteri, soalan asal saya tadi sudah pergi ke lain. Walau bagaimanapun kalau Jerai hendak tahu mengenai *building surveyor* boleh dengan saya di luar sebab *building surveyor* ini duduk di bawah Institut Juruukur Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, bincanglah, tak payah sebutkan. Baik.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Okey, di luar, di luar, boleh saya terangkan. Soalan tambahan saya... tadinya soalan tambahan lain, tetapi saya sekarang sudah ubah soalan tambahan saya. Musim sekarang adalah musim universiti. Musim orang minta universiti, masuk universiti, dapat tawaran universiti, musim hendak jumpa wakil rakyat hendak minta duit hendak pergi universiti. Okey, pertamanya terima kasih kerana buat Universiti Kelantan, universiti keusahawanan yang saya rasakannya *self employed*. Tidak boleh hendak fikir sangat soal kerja dengan kerajaan. Kalau Fakulti Sumber Asli dan Warisan itu, mungkin hendak kena jadi penyair, penyajak dan sebagainya.

Yang saya hendak tanya ialah begini, sekarang ini kita tengok banyak *discrepancies* dengan izin, pelajar-pelajar universiti memohon satu kursus, kemudian kementerian tawarkan kursus. Kursus yang ditawarkan itu tidak berkait langsung dengan permintaan yang diminta, satu sampai lapan. Saya bagi satu contoh, seorang anak Bendahari bahagian saya, dia minta hendak

buat kursus Diploma Seni Lukis. Tiba-tiba dia dapat tawaran pra perdagangan. Kena pergi pra dahulu dua tahun. Bila dia merayu, dia tengok *result* dia, *result* dia tidak ada kena mengena pun dengan matematik. Ini adalah masalah biasa, dia berterima kasih dapat universiti, tetapi dia masuk kepada kursus yang dia tidak ingini. Jadi, soalan tambahannya ialah, bagaimana Kementerian Pengajian Tinggi *blend* atau campurkan antara permohonan memohon tempat universiti dengan kursus yang ada? Bagaimana dia hendak buat ini? Saya tahu, masalahnya cukup susah sebab orang minta lain, tempatnya tidak ada. Tempat ada, orang tidak minta. Jadi orang tidak minta, bagi tempat yang dia tidak minta. Orang minta, tidak dapat tempat yang dia minta? Jadi, *how do you solve this problem?* Terima kasih.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Ketereh atas apa yang baru-baru ini sering kali kita kedengaran dan itu pun saya rasa kes-kes sedemikian rupa sememangnya wujud. Bukannya tidak ada, tetapi setakat mana ia wujud, saya tidak ada perangkaan di sini. Walaupun demikian, saya suka hendak maklumkan Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini bahawa kes-kes yang sedemikian rupa walaupun ia wujud, tetapi kalau tidak silap saya, ianya bukanlah sengaja dibuat oleh pihak kementerian.

Sebab apa yang kita tegaskan selama ini adalah usaha untuk membangunkan modal insan kita mengikut kehendak pasaran, mengikut selera individu. Walaupun demikian, kadang kala terdapat juga kekangan yang tertentu khususnya tempat yang boleh ditawarkan oleh sesebuah IPTA. Saya suka hendak minta Yang Berhormat Ketereh supaya kes-kes yang dimaksudkan tadi itu dapat dibawa kepada kementerian melalui saluran rayuan yang sedia ada.

■1130

Dalam erti kata lain, sesiapa termasuk juga Ahli Yang Berhormat yang lain sekiranya didatangi oleh pelajar-pelajar yang terbabit dalam kes sedemikian rupa, bolehlah kita buat rayuan baik melalui e-Rayuan, ini saya kena sebut ini. E-Rayuan ini untuk mereka yang tidak ditawarkan sebarang kursus pilihan mengikut apa yang diisi iaitu pilihan satu hingga pilihan lapan. Kalau langsung tidak dapat, dia boleh buat e-Rayuan. Selain daripada itu, kalaulah apa yang ditawarkan itu tidaklah sepadan dengan yang diminatinya, maka seseorang pelajar itu bolehlah buat rayuan secara bertulis kepada IPTA yang disasarkan yang diminati dengan salinan kepada pihak kementerian. Ini yang saya hendak pesan.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Masalah tidak dijawab.

Datuk Ong Tee Keat: Itu tidak timbul sebab setakat ini untuk makluman Yang Berhormat, siapa yang cakap tadi itu, sebab setiap kes yang bertulis tetap dilayan dan dijawab oleh kementerian.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Saya sudah lima surat, sampai sekarang dua bulan tiada dijawab.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Serdang, tidak payahlah.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, suara tepian pun saya layan juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak perlu Yang Berhormat.

Datuk Ong Tee Keat: Sebab yang ini saya hendak tegaskan yang ini kalaulah betul...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, yang tidak bangun tidak perlu.

Datuk Ong Tee Keat: Nanti, nanti. Nanti Yang Berhormat, saya hendak habiskan ayat saya sebab apa yang saya hendak cakap itu adalah jelas. Setiap kes rayuan itu kenalah dibuat bukan oleh orang lain tetapi oleh pelajar itu sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik masa cukuplah Yang Berhormat untuk soal jawab cukup.

[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH
PERATURAN MESYUARAT 18(1)**

**PENYELUDUPAN MANUSIA –
MALAYSIA DIGOLONGKAN DALAM SENARAI TAHAP YANG KETIGA**

11.32 pagi

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ha apa? Jasin, mahu bocor lagi?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dia sakit jangan marah dia. Dia batuk, dia batuk jangan marah dia.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di atas Peraturan Mesyuarat 18 (1) untuk kemukakan usul yang berbunyi:

“Bahawa di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1), Dewan ini memberi laluan kepada Ketua Pembangkang Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang untuk membawa satu Usul berkenaan perkara tertentu, kepentingan orang ramai dan berkehendak disegerakan iaitu Malaysia digolongkan dalam senarai tahap ketiga atau (*tier 3*) oleh Kerajaan Amerika Syarikat tahun 2007 sebagai negara paling teruk dalam penyeludupan manusia bersama-sama dengan negara-negara lain seperti Burma, Cuba, Korea Utara, Iran, Sudan dan Arab Saudi.”

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa bising itu?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Mulut dia bocor.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Masalah bocor lagi berlaku? Kejadian ini di mana Malaysia disenaraikan dalam senarai tahap ketiga...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat, beri peluang untuk dia habiskan. Keputusan akan dibuat di sini, jadi tidak payah bising Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Pembising. Kejadian ini di mana Malaysia disenaraikan dalam senarai tahap ketiga sebagai negara penyeludup manusia yang paling teruk merupakan sesuatu yang amat memalukan dan mengaibkan negara kita yang kebelakangan ini merupakan pengerusi untuk tiga buah pertubuhan antarabangsa secara serentak iaitu ASEAN, Pergerakan Tidak Bersekutu atau (NAM) dan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan negara kita sekarang pula sedang serius mencalonkan seorang calon sebagai Setiausaha Agung Komanwel seterusnya. Sebab-sebab mengapa Malaysia digolongkan sebagai antara negara penyeludup manusia paling teruk Kerajaan Amerika Syarikat adalah pertama, Kerajaan Malaysia tidak mengikut sepenuhnya piawai minimum untuk menghapuskan jenayah penyeludupan manusia dan tidak menjalankan usaha-usaha *significant* untuk berbuat demikian;

Seorang Ahli: Huh.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa huh itu? Kedua, kegagalan...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dia batuk.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Orang sakit pergi hospitallah khasnya hospital mental lagi baik.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jangan marahlah, apalah Ipoh Timor.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini tidak ada masuk dalam teks usul. Ipoh Timor belum sarapankah?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kedua, kegagalan untuk menunjukkan...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ada Peraturan apa itu?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, minta Ipoh Timor duduk. Saya berdiri atas Peraturan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Tidak apa *you* duduk.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Peraturan 80A - kuasa Majlis untuk menghukum kerana menghina Majlis. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, sebentar tadi ketika berinteraksi dengan Timbalan Menteri Penerangan telah menyebut perkataan 'Parlimen ini tidak guna'. Saya minta Tuan Yang di-Pertua gunakan kuasa kerana Yang Berhormat telah menghina Majlis.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Minta tarik balik Yang Berhormat.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Saya sokong, saya sokong kerana perkataan sedemikian sebenarnya adalah menghina Parlimen, menghina kita semua.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya pun sokong, menghina diri dia sendiri juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Itu betul kerana ketiga-ketiga Ahli Parlimen yang tidak guna, itulah sebab Parlimen tidak guna.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Dia sebut Parlimen tidak guna. Saya dengar dia sebut Parlimen tidak guna.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Keempat-empat Ahli Parlimen ini tidak guna.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tarik balik Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kewibawaan memalukan...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup semua duduk, semua duduk. Yang Berhormat, Yang Berhormat semua duduk. Baik, baik. Yang Berhormat, semua duduk. Yang Berhormat bagi Kinabatangan dan Tangga Batu, duduk. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor dibenarkan membacakan teks dia dan dia bersetuju bererti Parlimen masih berfungsi. Baik.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tetapi dia hina, itu pasal hina.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kinabatangan, minta maaf. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya bersetuju dia sebut tetapi masa itu Yang Berhormat tidak kemukakan cadangan ini. Tidak apa, cukup. Jadi sekarang apa yang kita buat Parlimen berguna. Cukup, baik.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Boleh saya teruskan?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Gaji dia ambil, semua dia ambil, Parlimen hina, mana boleh?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kalau tidak mahu dengar, sekarang boleh keluar. Sekarang hak saya berdiri. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila duduk. Yang Berhormat, ingin saya cadangkan siapa yang fikir tidak mahu dengar ucapan dia, boleh keluarlah. Biar dia habis ucapan dan saya akan buat keputusan. Baik, semua dengarlah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua, sebab yang kedua, kegagalan untuk...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tetapi dia menghina Agong.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Menghina Agong? Apa menghina Agong?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tidak timbullah. Jadi semua berikan kerjasamalah. Kalau tidak mahu berikan kerjasama kepada Ipoh Timor, sekurang-kurangnya kepada sayalah sebagai Tuan Yang di-Pertua, baik.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya hormat Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, minta maaf.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Sebelum minta maaf, mengenai bocor skandal juga.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kita hormat Tuan Yang di-Pertua, tetapi kalau orang tidak hormat diri sendiri...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa hak untuk berdiri? Apa hak dia berdiri?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...dia tidak hormat diri dia.

[*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sekarang memang bukan masa untuk Yang Berhormat berdirilah. Cukuplah dulu, baiklah. Yang Berhormat, ya sila-sila.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Dia tidak ada *floor*, orang liar tidak ada *floor*. Tidak minta maaf bocor itu, orang liar. Sebab yang kedua...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *Shut up!*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa itu? *Shut up* kepada Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak ada. Kepada Yang Berhormat saya ingat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kepada saya? Kalau kepada saya, dia tidak ada hak. Dia suruh saya *shut up*, dia keluar Dewan. Saya ada hak untuk cakap. Dia tidak faham Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tidak perlu membuang masa.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Dia yang membuang masa. Sebab yang kedua...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kalau Yang Berhormat tidak mahu keluar, saya keluar.

■1140

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Keluar, keluar, keluar tidak guna. orang liar, bukan tempat dalam sini.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Sokong, sokong.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Keluar, keluar.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Terus balik hutan, terus balik hutan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa Puchong? Puchong pun hutan.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, ini sikap budak-budak...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa? Keluar, keluar, keluar. Semua keluar.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Jangan cakap macam itu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Orang yang jatuhkan martabat Dewan, semua Yang Berhormat keluar.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Siapa jatuhkan martabat Dewan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat. Tidak payah buang masalah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tangga Batu, duduk, tidak payah buang masa. Baik tidak baik orang lain akan buat keputusan, cukup.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Sebab kedua kegagalan untuk menunjukkan kemajuan dalam memerangi jenayah penyeludupan manusia khususnya dalam bidang hukuman jenayah penyeludupan manusia naungan yang mencukupi serta perkhidmatan-perkhidmatan sosial kepada mangsa, melindungi pekerja-pekerja migran daripada penghambaan paksa dan tidak ada pendakwaan terhadap penyeludup-penyeludup manusia yang ditangkap dan ditahan di bawah undang-undang pencegahan.

Ketiga, kerajaan perlu menunjukkan keinginan politik yang lebih kuat untuk menyelesaikan masalah-masalah perburuhan paksa dan pemerdagangan seks yang signifikan di Malaysia.

Menteri Luar Negeri telah mengatakan, bahawa Malaysia di golongan dalam senarai penyeludupan manusia oleh Amerika Syarikat adalah ia *informed*. Sementara Perdana Menteri telah menjanjikan hukuman yang teruk terhadap penyeludup manusia. Satu perbahasan Parlimen tergepar terhadap penggolongan Malaysia dalam tahap ketiga senarai Amerika Syarikat merupakan satu cara untuk menunjukkan betapa prihatin negara kita tentang masalah penyeludupan masalah penyeludupan manusia begitu juga untuk mengembalikan maruah imej dan kredibiliti Malaysia di masyarakat antarabangsa, sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Ipoh Barat pada hari Isnin, 18 Jun 2007 yang lalu. Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat pada hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat:

- (i) bahawa perkara itu tertentu;
- (ii) bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini adalah perkara yang tertentu dan ini adalah juga bagi kepentingan orang ramai. Berkehendak disegerakan, saya berpendapat bahawa perkara ini tidak perlu disegerakan. Saya difahamkan bahawa tindakan

telah diambil oleh kerajaan termasuk mengubah undang-undang yang khusus bagi menangani masalah penyeludupan manusia. Oleh yang demikian saya menolak Usul ini di bawah Peraturan Mesyuarat 18(2). *[Tepuk]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kenapa ada ketuk? Kenapa *applause*? Bukankah malu sikap ini...malu kepada antarabangsa!

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Atas peraturan apa dia berdiri Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya tanya Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, atas apa dia berdiri?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Pasal usul Yang Berhormat tidak bernas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Lambat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya fikir tidak perlu menjadi isu. Mungkin mereka bersetuju keputusan ini dibuat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua telah membuat keputusan yang bijak laksana.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Nampaknya pembela *human trafficking* macam ini!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat., Yang Berhormat...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Adakah pembela *human trafficking* Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *You* jadi *American* punya agentkah?

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KUALITI ALAM SEKELILING (PINDAAN) 2007

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." **[19 Jun 2007]**

11.44 pagi

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Semalam saya menyebut tentang terdapat 14 undang-undang yang menyekat pencemaran sungai.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Pada hari ini kita masih bercakap soal sungai masih tercemar. Semalam juga saya menyebutkan bahawa 45% daripada sungai di negara kita berada di dalam tahap tercemar iaitu 40.9% sederhana dan 4.8% adalah sangat tercemar. Yang saya hendak sebutkan bahawa mempunyai undang-undang semata-mata tidak menjamin akan kejayaan kita menyelesaikan masalah pencemaran. Yang lebih penting adalah bagaimana kita...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Tangga Batu bangun hendak minta laluan!

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: ...melaksanakan undang-undang tersebut. Tangga Batu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bera. Yang Berhormat Bera ini seorang insan yang berpegang teguh pada janji. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua semalam ketika Parlimen tangguh sesi Ucapan Penangguhan, saya sudah berdiri dan dia sudah mengizinkan saya untuk memohon penjelasan. Jadi saya hendak mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Bera. Yang Berhormat membuka hujah-hujah dengan penuh perasaan dengan angka-angka dan fakta-fakta yang tidak kita ragukan.

Yang Berhormat juga menyebut tentang bagaimana empat batang sungai yang amat tercemar terutamanya di sebuah negeri di utara Malaysia yang telah menampakkan bagaimanakah sikap kita terhadap pembelaan alam sekitar yang tidak keruan. Yang Berhormat, saya lihat bahawa jika masyarakat hari ini diletakkan segala tanggungjawab untuk memperbaiki keadaan yang telah punah sekian lama, mungkin agak keterlaluan. Yang Berhormat ada juga menceritakan tentang bagaimana pengalaman Yang Berhormat melalui sebatang sungai di negeri timur Malaysia yang menampakkan suasana yang tidak menjamin masa hadapan kawasan itu.

Yang Berhormat, bolehkah memberikan komen kepada saya, ataupun memberi penjelasan dalam konteks hubungan di antara kementerian-kementerian yang mempunyai peranan dan tanggungjawab untuk memastikan pelaksanaan dasar-dasar kerajaan yang membela alam sekitar ini dapat dilaksanakan. Umpamanya perancangan Akta 172 Perancangan Bandar dan Desa Kerajaan Tempatan tidak menyebut secara terperinci bagaimana sesebuah majlis tempatan boleh menjaga warisan alam ini.

Ini yang saya katakan tadi umpamanya akta perancangan ini tidak mensyaratkan sungai-sungai ini dijadikan sebagai *frontage* sebagai halaman kepada rumah-rumah yang dibina. Jadi semua rumah yang dibina Yang Berhormat belakangnya sungai. Jadi belakang ini temat yang tidak baiklah. Segala kekotoran sisa pejal, sisa cair dibuang di belakang. Jadi hasilnya semua sungai kita kotor disebabkan oleh bahan-bahan buangan yang kotor tadi. Jadi apa pandangan Yang Berhormat tentang satu perubahan besar supaya selepas ini sungai ini jadi halaman kita pula bukan lagi jadi belakang kita, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu. Dua isu yang saya lihat di sini. Yang pertama ialah kerjasama di antara kementerian dalam pihak lain. Yang kedua ialah kegunaan sungai sebagai hadapan ataupun halaman kita. Saya lihat jabatan sendiri cuba merasakan bahawa tugas mereka dengan tugas kementerian lain tidak mempunyai persamaan. Sebab itulah kita perlu meminta supaya pihak Jabatan Alam Sekitar, mulai hari ini berfikir keluar daripada kotak.

Pihak Jabatan tidak boleh melihat bahawa hak, misalnya soal pembuangan sampah, itu adalah hak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan semata-mata. Perlu wujud, patutnya mesti wujud kerjasama di antara semua kementerian dengan Kementerian Alam Sekitar dan Sumber Asli dan melihat bahawa hak alam sekitar adalah hak semua kementerian. Tetapi apa yang berlaku? Misalnya kita lihat *solid waste* masalah pembuangan sisa sampah, itu dianggap sebagai hak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Mungkin Kementerian Alam Sekitar dan Sumber Asli kata itu hak mereka.

■1150

Soal kitar semula (*recycle*) dianggap sebagai masalah Kementerian Kerajaan Tempatan. Soal plastik semalam yang dibangkitkan mungkin masalah MITI ataupun Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Sepatutnya semua kementerian mesti melihat ini sebagai satu usaha bersama.

Saya belum kepada masuk soal laut. Oleh kerana Yang Berhormat bagi Tangga Batu sudah bangkitkan kita sebut soal laut. Pencemaran laut misalnya, adakah pihak Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar mempunyai cukup tenaga untuk mengawal laut kita? Kalau kita lihat laut kita terutamanya di Selat Melaka, kemungkinan (*probability*) untuk mengalami pencemaran adalah tinggi. Dari masa ke masa, dari tahun ke tahun lebih 100,000 kapal melalui Selat Melaka setiap tahun dan 40% adalah kapal tangki minyak. Pencemaran akan berlaku.

Laut China Selatan misalnya, setiap tahun 250 *million* metrik tan minyak diangkut melalui Laut China Selatan dan pencemaran bila-bila masa sahaja akan berlaku. Kapal-kapal lebih senang membuang sisa-sisa dan sebagainya ke dalam laut kita. Saya hendak tahu apakah hubungan pihak kementerian dengan pihak marin. Mungkin pada satu hari nanti, ada kapal yang membuang kotoran minyak ke dalam laut di luar daripada kawasan kita tiba-tiba laut terbuka, angin meniup masuk kekotoran ke dalam laut kita. Siapa yang akan bertanggungjawab?

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Penjelasan, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ketereh bangun, Yang Berhormat. Hendak bagi jalan?

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya tertarik tadi Yang Berhormat sebut tadi pencemaran ke laut. Saya hendak sebut satu contoh kepada Yang Berhormat. Yang Berhormat sebut pasal minyak. Sebenarnya bukan minyak sahaja. Kerajaan pun buat begitu, saya tengok sendiri. Mungkin Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar boleh tegur. Di Rumah Rehat Kerajaan di Port Dickson - di Port Dickson ada satu rumah rehat di mana pegawai-pegawai kerajaan yang kanan boleh minta. Saya tumpang saja, Ahli Parlimen tidak layak. Hanya pegawai kerajaan gred C ke atas layak.

Bila kita pergi berehat di situ longkang yang airnya mengalir daripada rumah-rumah rehat yang sudah ditambah itu, longkangnya, *drainage* nya terus ke dalam laut. Laut itu pula dalam pagar yang sama. Jadi bila kita mandi, airnya gatal sebab air longkang itu sendiri turun ke dalam laut. Saya pun tidak faham kenapa ini boleh berlaku. Itu rumah rehat kerajaan! Saya tidak tahu sama ada Jabatan Perdana Menteri yang membina rumah ini tidak merujuk dulu kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar atau tidak fikir soal bagaimana *to drain out the drainage. It goes into the sea*. Jadi, laut menjadi tempat pembuangan air longkang. Terima kasih.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih. Jadi, saya pergi kepada soalan daripada Yang Berhormat bagi Ketereh yang agak menyamai juga dengan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu yang melihat sungai dan sekarang laut bukan sebagai halaman kita. Memang saya akui kita nampak di bandar-bandar, gerai-gerai yang dibina dapurnya menghadap ke sungai dan akhirnya semua kekotoran di buang ke sungai. Puncanya ini adalah daripada kelulusan yang dibuat oleh pihak berkuasa tempatan (PBT).

Saya juga melihat bahawa negara kita berbeza dengan negara lain, tidak menggunakan sungai sebagai satu sumber. Kita lihat di negara kita sungai dipenuhi dengan hutan dan sebagainya, dan kita tidak pernah nampak sungai tetapi kalau di negara lain sungai biasanya terang tidak nampak pokok-pokok mengelilingi sungai dan sebagainya. Akhirnya sungai dapat dijadikan sebagai bahan tarikan, pelancongan dan sebagainya.

Saya sendiri di Pahang, misalnya di kawasan saya, saya hendak sampai ke kawasan saya mesti melalui jalan lebih kurang 30 kilometer adalah melalui tepi sungai tetapi kita langsung tidak nampak sungai kerana pokok-pokok yang melindungi sungai. Sebenarnya mungkin budaya kita tidak menggunakan sungai sebagai bahagian hadapan kita, sebagai halaman kita, dan sungai dianggap sebagai tempat pembuangan sahaja. Oleh sebab itulah masalah ini berlaku. Kita harap pihak berkuasa tempatan memainkan peranan di dalam soal ini.

Di dalam soal hubungan di antara kementerian dengan kementerian tadi dan soal negeri juga, saya tidak tahu bagaimana pihak kementerian boleh menguatkuasakan undang-undang

yang begitu banyak sebab sungai adalah di bawah jagaan negeri. Saya tidak tahu sejauh mana, oleh itu saya hendak bertanya kepada pihak kementerian sejauh mana hubungan di antara pihak negeri dengan pihak kementerian. Baru-baru ini kita lihat, kita ucapkan syabaslah kepada setiausaha parlimen kementerian naik helikopter dan sebagainya tengok kawasan hutan yang digondolkan di Kelantan tetapi negeri kata itu hak dia. Begitu juga dalam soal sungai; sungai adalah hak negeri. Negeri itu adalah hak kita hendak buat apa saja itu hak kita.

Kita ada 14 undang-undang. Negeri kata itu hak dia. Negeri hendak gondolkan apa sahaja itu hak negeri. Jadi, bagaimana penguatkuasaan boleh dijalankan?

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat bagi Bera. 14 undang-undang yang begitu jelas sekali untuk melindungi sungai dan juga melindungi alam sekitar. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Bera, bolehkah kementerian ini keluar daripada paradigma konvensional, daripada penguatkuasaan undang-undang kepada menanam kesedaran di kalangan generasi muda mengenai cintailah sungai.

Saya masih ingat lagi ada projek ataupun kempen “Cintai Sungai Kita” tetapi projek ataupun kempen itu sudah pudar - mati. Maka saya rasa perkara yang saya rasa tertarik ini, 14 undang-undang, tetapi pencemaran masih berlaku. Di Cameron Highlands ada berlaku pencemaran. Sungai-sungai di Pahang begitu banyak sekali, tetapi semuanya tercemar. Kenapa ini terjadi? Projek-projek lebuhraya yang dibina tidak mengikut prasyarat-prasyarat yang ditentukan dalam kontrak di mana *salutation pond*, walaupun ada tetapi masih air sungai jadi teh susu.

Apa jadi? Masalahnya ialah penguatkuasaan. Saya rasa seluruh masyarakat Malaysia ini ada keadaan di mana tidak ada cintai sungai kita seperti di negara-negara Barat. Mereka melihat sungai ini sebagai khazanah, anugerah tuhan, anugerah Allah, tetapi di Malaysia sungai *its taken for granted*.

Bersetujukah Yang Berhormat bahawa kita perlu mempunyai satu pendekatan baru, melahirkan satu generasi yang mencintai alam, melahirkan satu generasi yang mengakui bahawa sekiranya kita menganiayai alam ini kita akan menghadapi mala petaka, tsunami dan macam-macam.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: [Bangun]

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Sekejap. Yang Berhormat Bera, bagilah peluang kepada saya berbicara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]; Yang Berhormat, Yang Berhormat berucap. Tidak boleh berucap, Yang Berhormat sepatutnya tanya saja.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Tanya soalan, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Pendeklah, Yang Berhormat.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Maka saya minta supaya skop daripada penguatkuasaan, minta penjelasan...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *[Menyampuk]*

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Apa pasal Kuching kacau.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat ringkaskanlah. Yang Berhormat bertanya sahaja.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Saya hendak tanya, minta penjelasan, Kuching kacau saya buat apa?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Itu niat jahat, Tuan Yang di-Pertua. Bandar Kuching itu dia tahu, dia sengaja sebut Kuching. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah. Duduklah Bandar Kuching. Cameron Highlands, ringkaskan.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Minta maaf, ya? Minta maaf.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Saya minta penjelasan, bolehkah Yang Berhormat beri komen mengenai peranan kementerian perlu diperluaskan kepada pendidikan dan kesedaran bukan hanya kepada Kementerian Pendidikan sahaja tetapi Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar harus memainkan peranan di kalangan generasi muda ini.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Cameron Highlands. Kita bersetuju bahawa dua pendekatan perlu ada, pendidikan dan juga penguatkuasaan melalui undang-undang, tetapi seperti saya katakan bahawa apa yang berlaku adalah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dengan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan dengan Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dengan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, IKS yang membuang kekotoran ke dalam sungai, Kementerian Pendidikan dengan Kementerian Pendidikan; tidak ada kerjasama.

Memang betul ada kempen, kempen "Cintai Sungai Kita". Saya tidak tahu apakah kejayaan kempen tersebut. Saya pun hendak minta pihak kementerian jawab. Kita semua boleh katakan bahawa ia gagal; tidak berjaya. Tidak adil bagi pihak kementerian. Kempen "Cintai Sungai Kita", kita anggap tidak berjaya. Mungkin tidak berjaya kerana kementerian pergi bersendirian. Oleh sebab itu saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Cameron Highlands, selepas ini kita harap kerjasama dilakukan oleh semua kementerian. Misalnya kanak-kanak sekolah yang ada di belakang ini dilibatkan daripada awal.

■1200

Kempen Cintai Sungai melibatkan pihak Kementerian Pendidikan supaya perasaan cinta sungai itu ditanamkan dari kecil lagi. Sungai tidak dianggap sebagai tempat pembuangan dan

sebagainya. Jadi sebab itulah daripada tadi lagi bahawa kementerian mesti bekerjasama dengan semua kementerian-kementerian lain supaya dapat kita jadikan sungai ini sebagai satu hak milik bersama. Daripada kecil, kanak-kanak sekolah.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, yang di belakang itu bukan kanak-kanak lagi saya ingat sudah besar-besar. Murid sekolah.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Murid sekolah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua pakar bahasa. Saya hendak berbalik kepada soal undang-undang yang keras semata-mata tidak akan berjaya kalau penguatkuasaan tidak mampu dijalankan.

Kita ada undang-undang yang amat keras, seksyen 39B Akta Dadah Merbahaya yang membawa hukuman mati. Satu hukuman yang paling keras di dalam dunia, hukuman mati. Banyak negara tidak ada hukuman mati lagi. Kita ada hukuman mati tetapi soalnya penguatkuasaan. Akhirnya tidak berjaya. Kita gagal untuk membendung gejala dadah di negara kita. Penguatkuasaan gagal mungkin yang pertama alasannya kerana kurang mempunyai cukup pegawai. Itu yang pertama. Mungkin kita boleh terima.

Kita boleh tambah pegawai, kita boleh tambah kakitangan kalau kekurangan pegawai dan kakitangan. Tetapi yang paling kita bimbang ialah ramai pegawai atau pun bukan kita tidak cukup pegawai tetapi berlaku gejala rasuah di dalam penguatkuasaan. Ini yang membimbangkan kita.

Kita kadang-kadang hairan melihat pendedahan yang dilakukan oleh TV3 misalnya. Kita selalu lihat apabila Karam Singh Walia dengan tangan dia menceritakan tentang pencemaran alam, pencemaran sungai dan berbagai-bagai lagi. Apabila ditemu ramah, penduduk-penduduk mengatakan mereka telah pun memaklumkan kepada pihak berkuasa tetapi tidak ada tindakan. Tetapi apabila didedahkan oleh pihak TV3, terus tindakan tutup dan sebagainya dilakukan.

Ini menunjukkan ada sesuatu yang tidak kena dalam soal penguatkuasaan kita. Sebab itulah saya katakan bahawa penguatkuasaan amat penting. Tambah pegawai, jika tidak cukup pegawai tetapi yang lebih penting adalah soal rasuah di kalangan penguat kuasa perlu diselesaikan jika tidak berapa banyak tambah pegawai sekali pun jika rasuah terus berlaku di kalangan penguatkuasaan tentu sahaja soal pencemaran dan soal-soal lain tidak dapat diselesaikan di dalam negara kita.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Setiu.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Terima kasih Yang Berhormat Bera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita mendengar rungutan persoalan ini daripada Yang Berhormat Bera, kalau saya katakan Yang Berhormat Bera ini adalah satu manifestasi daripada pencemaran sikap dan perangai yang lahir daripada manusia itu sendiri. Bukan kerana apa? Saya percaya ini kerana pencemaran jiwa, pencemaran sikap, adab dan sopan manusia, apa pandangan Yang Berhormat Bera?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Setuju. Yang pertama setuju kerana tidak memahami tentang cintai sungai tadi, cintai laut dan sebagainya. Yang kedua adalah sifat tamak manusia. Misalnya soal peniaga-peniaga besar dan sebagainya. Sebab itulah penjagaan pencemaran ini amat penting kerana ia menguntungkan satu pihak dan merugikan satu pihak yang lain.

Orang mengalami pencemaran adab dan jiwa tadi kerana demi keuntungan kewangan dia, mereka sanggup membuang apa sahaja sehinggakan sebahagian besar rakyat yang menderita akibat pembuangan mereka. Sebab itulah saya katakan tadi saya bersetuju dengan apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Cameron Highlands bahawa untuk menyelesaikan sikap tadi, pendidikan daripada awal perlu dan yang kedua adalah melalui perundangan.

Saya hendak tanya kementerian sebab saya sebut soal pelaksanaan tadi. Kita pinda hari ini denda mandatori- hukuman penjara mandatori. Bermakna hukuman penjara telah ada di dalam seksyen 34B yang lepas telah ada hukuman penjara. Soalnya ia hanya menjadi pilihan kepada pihak mahkamah sama ada untuk mendenda atau penjara atau kedua-duanya sekali.

Tetapi soalnya saya hendak tanya di sini kepada pihak kementerian, berapa banyak pihak yang mencemarkan alam sekitar ini ditangkap dan didakwa? Itu yang pertama. Yang kedua, berapa ramai di kalangan mereka yang telah dipenjarakan sebab seperti yang telah saya katakan tadi seksyen 34B membenarkan mereka dipenjarakan cuma bezanya kalau dahulu 'may' bolehlah dipenjarakan cuma sekarang hendaklah dipenjarakan di antara pilihan dan mandatori sahaja yang membezakannya tetapi boleh dipenjarakan. Saya hendak tanya, berapa yang telah dipenjarakan? Berapa yang didakwa? Berapa yang dipenjarakan dan berapakah denda maksimum yang pernah dikenakan kepada mereka yang mencemarkan udara ini.

Yang kedua saya hendak tanya apakah remedi kepada mereka yang telah menjadi mangsa kepada pencemaran ini. Semalam saya sebutkan Sungai Juru, 20 tahun lepas merupakan tempat pendaratan nelayan dan ternakan kerang termasuk juga ikan dalam sangkar. Pada hari ini Sungai Juru langsung tidak boleh digunakan. Bermakna nelayan hilang pendapatan, untuk pengambil air minum di situ oleh orang di sekitar sungai tidak lagi dapat dilakukan. Soalnya saya hendak tanya pihak kementerian, apakah remedi mereka itu?

Kalau di dalam soal tumpahan minyak di laut ada perjanjian diwujudkan *fund* atau tabung-tabungnya untuk menyelesaikan masalah remedi mereka tetapi di sini saya hendak tahu berapa? Juga saya hendak tahu daripada awal, berapa yang telah dipenjarakan barulah kita boleh lihat bagaimana seriusnya pihak kementerian di dalam menguatkuasakan perundangan ini dan pada hari ini kita letak mandatori. Bagaimanakah dan apakah pihak kementerian akan menangkap pihak yang mengeluarkan sisa-sisa ini ataupun pun tidak?

Kalau dahulu tidak, saya yakin sekarang pun tidak, hanya kita bentangkan dan luluskan sahaja. Satu lagi yang saya bimbang ialah dari segi tahap. Bagaimanakah mereka yang

melanggar akta ini dari segi pembuangan mereka? Daripada tahap macam mana? Semalam rakan-rakan mempersoalkan tentang IKS - peniaga-peniaga kecil. Jadi saya hendak tahu untuk ditangkap di bawah undang-undang ini bagaimanakah cara pengiraannya dibuat. Bagaimanakah tahap nilai toksik bahan ini barulah mereka yang mengeluarkan sisa tadi boleh didakwa di bawah akta ini dan adakah pihak-pihak IKS- peniaga-peniaga kecil di bandar-bandar kecil tahu dan sedar tentang bagaimana pengiraan tahap toksik ini, bagaimana kiraan toksik ini dibuat adakah dari segi kuantiti ia, adakah apabila banyak dibuang maka dikira menyalahi akta ini ataupun dari segi tahap ketinggian *toxicity*nya, itu kita hendak tahu sebab kalau dikira dari segi tahap *toxicity*nya kita tidak tahu bagaimana pengiraan dibuat. Bagaimana IKS ingin mendapat tahu apa yang dibuang oleh mereka ke sungai itu menyebabkan tinggi dari segi *toxicity* ?

Kalau ini berlaku akan menimbulkan penganiayaan. Saya juga hendak tahu apakah pihak kementerian menyenaraikan dan mempunyai senarai bahan-bahan yang tidak boleh dikeluarkan yang boleh dianggap sebagai mempunyai toksik yang tinggi?

■ 1210

Misalnya apabila pihak-pihak peniaga ataupun pekilang-pekilang kecil membina kilang, apabila mendapat kelulusan daripada pihak PBT, adakah mereka disenaraikan? Perkara-perkara yang boleh dianggap sebagai mempunyai toksik yang tinggi, sebab mereka mungkin - betul saya akui *ignorance of law* tidak boleh dianggap sebagai alasan, tetapi penganiayaan akan berlaku.

Jikalau mereka tidak memahami soal ini, mereka membuang sisa dan dianggap toksik akhirnya mereka terperangkap di dalam seksyen pindaan 34(b) ini maka mereka akan dikenakan penjara. Mungkin yang besar akan dipenjarakan sampai lima tahun, mungkin pembuangan yang kecil akan dipenjarakan satu hari, tetapi implikasi dipenjarakan adalah sama. Apabila ada rekod dipenjarakan kesan dia adalah sama, soal politik, soal pinjaman dan sebagainya adalah sama, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Pendang, Yang Berhormat bagi jalan.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Bera, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan apa yang disebutkan oleh Bera tentang tahap *toxicity* tadi ni.

Semalam semasa Kepong berucap, saya ada menyentuh tentang kesan-kesan hasil daripada toksik itu. Misalnya kalau sesuatu bahan itu dimasukkan ke dalam alur air, mungkin dari segi kimianya tidak toksik, tetapi yang menyebabkan kematian hidupan-hidupan di dalam sungai ataupun di dalam laut, ini mungkin bagi haiwan toksik tetapi bagi manusia tidak toksik.

Bagaimana pula pandangan Yang Berhormat tentang, misalnya kalau di Sungai Juru itu kilang-kilang sama ada kilang haram atau pun kilang halal yang mengeluarkan bahan-bahan toksik ke dalam Sungai Juru yang menyebabkan kesan yang cukup parah kepada sungai tersebut sehingga disebut sebagai sungai itu sungai mati.

Ini maknanya setiap kilang atau pun setiap alur air yang dikeluarkan oleh kilang itu perlu diperiksa oleh penguat kuasa sebelum mereka ini didakwa mengikut undang-undang yang ada.

Ini kerana ia mungkin bercampur kilang mengecat kereta misalnya kemudian kilang membuat bahan-bahan yang lain, apabila berlaku percampuran barulah ianya menjadi ataupun dikategorikan sebagai toksik. Walaupun kilang itu satu-satu kilang yang tidak menyebabkan toksik kepada air ataupun alur air tersebut, apa pandangan daripada Yang Berhormat?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Yang Berhormat Pendang, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat dan saya pun mempunyai persoalan yang sama. Soalan Yang Berhormat saya minta boleh dijadikan sebagai sebahagian daripada persoalan saya untuk dijawab oleh pihak kementerian, *degree toxicity* tadi yang membimbangkan saya.

Di kilang-kilang besar mungkin tidak ada masalah kerana mereka mempunyai pakar, mereka mempunyai pegawai yang cukup untuk mengenal pasti apa yang dikeluarkan mempunyai toksik yang tinggi atau tidak. Tetapi apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Pendang tadi pengecat-pengecat kereta misalnya. Mereka tidak tahu apa yang dikeluarkan oleh mereka itu mempunyai toksik yang tinggi, tahu-tahu ikan mati dan akibatnya mungkin ianya dianggap toksik yang tinggi dan akibatnya seksyen ini boleh digunakan dan mereka ini boleh dipenjarakan.

Kilang-kilang yang besar mampu untuk membina *retention pond*, kolam-kolam air yang dipulihkan dan dirawat sebelum dilepaskan ke dalam sungai, tidak ada masalah bagi kilang-kilang yang besar.

Sebenarnya yang jahat selama ini ialah kilang-kilang yang besar, kerana untuk keuntungan mereka sanggup berbuat apa saja. Mungkin yang menyebabkan Sungai Juru dan sebagainya menjadi begitu kerana kilang-kilang yang besar tadi, tetapi yang akan memberi kesan yang lebih pahit adalah IKS-IKS atau kilang-kilang kecil yang tidak mempunyai kepakaran di dalam soal toksik dan sebagainya.

Mereka mungkin menggagap tidak ada masalah, tetapi akhirnya akan menimbulkan kesan yang besar iaitu adalah pemenjaraan mandatori di dalam akta ini.

Sebab itu saya harap pihak kementerian, saya yakin selepas ini kita akan luluskan undang-undang ini dan saya harap pihak kementerian mempunyai satu program kesedaran di kalangan pekilang-pekilang kecil atau IKS-IKS, saya setuju pihak kementerian akan jawab IKS ke, tak IKS pun salah tetap salah. Betul, mencuri selipar jepun di masjid sama saja kesalahan dengan mencuri sebuah kereta besar BMW, curi tetap curi. Di dalam undang-undang curi tetap curi, tapi keadilan kepada mereka yang tidak mempunyai kepakaran ini perlu diambil kira.

Jadi saya berharap kalau sudah ada terima kasih, kalau tidak ada perlu disenaraikan apakah perkara-perkara yang boleh menyebabkan toksik, supaya diedarkan kepada semua PBT, iaitu sebelum keputusan dibuat terhadap pembinaan kilang kecil atau kilang besar - semua senarai-senarai tadi diserahkan kepada mereka. Ini akan menyelamatkan penganiayaan berlaku kepada golongan IKS dan sebagainya.

Jadi saya kira Yang Berhormat, itu sajalah yang saya nak sebut di dalam perkara ini, cuma yang saya berharap selepas ini kita tidak mahu undang-undang ini menjadi seperti undang-

undang lain hanya dibahaskan, berkuat kuasa di atas kertas, apabila sampai ke pelaksanaan ianya sama dengan undang-undang lain dan pencemaran akan terus berlaku, terima kasih saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ada empat lagi nak berucap, lima. Semuanya boleh berucap tapi jangan panjang sangatlah, Tangga Batu sila.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua terima kasih jugalah Yang Berhormat Ketereh kerana mengizinkan adindanya untuk menyambung ucapan.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Sumber Asli kerana membawa pindaan ini dan saya percaya pindaan ini walaupun ianya nampak sedikit ataupun kecil tetapi ia bakal memberi satu impak yang besar kepada kesan alam sekitar kita pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua ucapan saya pada kali ini berasaskan kepada ucapan rakan-rakan yang telah menyebut bahawa tanggungjawab serta peranan di dalam memastikan alam sekitar ini lebih baik dari hari ke hari adalah terletak ke atas bahu kita, jangan sampai satu hari nanti masyarakat di masa hadapan menuding jari kepada kita kerana masyarakat yang lampau pastinya telah melakukan sesuatu yang terbaik.

Tuan Yang di-Pertua pendekatan 3E seharusnya menjadi suatu pegangan pihak kementerian, 3E ini E yang pertama adalah *Engineering*, E yang kedua adalah *Education* dan E yang ketiga adalah *Enforcement*, ini seharusnya menjadi *approach* kepada pihak kementerian di dalam memastikan dasar-dasar yang telah ditetapkan oleh kementerian ini dapat dihayati oleh setiap pihak yang bertanggungjawab menjaga alam sekitar ini.

Pada saya Tuan Yang di-Pertua, jika saya tidak bercakap tentang alam sekitar pada hari ini mungkin menjadi satu bebanan kepada saya sekurang-kurangnya ada sumbangan bagaimana masyarakat hari ini boleh membuka mata kepentingan menjaga alam sekitar.

Dari segi *engineering* yang pertama, saya lihat usaha kementerian di dalam menggubal, meminda polisi dan dasar ini menjurus kepada kemapanan alam sekitar ini amat membanggakan. Ini sehingga menteri turun ke padang timbalan menteri, setiausaha Parlimennya, naik helikopter ke hulu ke hilir satu hari sampai tiga, empat kali untuk melihat bagaimana pelaksanaan kepada dasar-dasar yang telah ditetapkan oleh kementerian tadi dipatuhi dan diikuti.

Persoalannya Tuan Yang di-Pertua, sejauh manakah aspirasi harapan kementerian ini dapat dilaksanakan peringkat akar umbi. Umpamanya hari ini kita dapat melihat pihak majlis tempatan, pihak berkuasa tempatan, majlis-majlis daerah, majlis perbandaran, majlis bandar raya, sejauh mana mereka menghayati hasrat kementerian untuk membina alam sekitar yang lebih baik dari semasa ke semasa?.

Saya meletakkan dalam pelantikan ahli-ahli majlis umpamanya, kita memberi tumpuan yang khusus kepada ahli-ahli majlis ini mewakili pertubuhan-pertubuhan siasah, tetapi tidak ada majlis tempatan yang meletakkan sekurang-kurangnya satu ahli majlis mestilah mewakili badan pertubuhan bukan kerajaan yang membela alam sekitar.

■1220

Supaya segala dasar kementerian, peraturan yang telah ditetapkan dapat dipantau secara rapat di dalam mesyuarat jawatankuasa kecil di peringkat Majlis Tempatan dan juga mesyuarat majlis penuh pihak berkuasa tempatan. Peranan dan tanggungjawab ini seharusnya hari ini dilaksanakan oleh jabatan-jabatan alam sekitar yang berada di daerah-daerah dan negeri-negeri. Tetapi sejauh manakah suara pegawai-pegawai yang diberi kuasa untuk menyelenggara alam sekitar di negeri dan pihak berkuasa tempatan ini didengari oleh ketua-ketua pihak berkuasa tempatan. Ini persoalannya, sehinggakan mereka tidak diundang di dalam mesyuarat-mesyuarat jawatankuasa kecil di pihak berkuasa tempatan.

Jadi saya lihat suatu pendekatan iaitu perbincangan dengan rapat dan terperinci dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya menetapkan wakil-wakil Jabatan Alam Sekitar berada di dalam pihak berkuasa majlis tempatan. Bukan sahaja itu Tuan Yang di-Pertua, kita perlu melihat juga bahawa di bawah Akta 171 Kerajaan Tempatan ini terdapat berbagai-bagai peraturan/undang-undang kecil yang setiap peraturan dan undang-undang kecil ini boleh dilibatkan pihak berkuasa tempatan daripada sekecil-kecilnya peniaga yang berniaga di pasar malam, bagaimana cara mereka membuang minyak-minyak yang berlebihan ke dalam longkang seterusnya ke dalam parit dan akan mengalir ke sungai dan ke laut. Ini sudah pasti menyumbang kepada pencemaran alam sekitar dan di sini pun perlu ada konsultan ataupun jururunding daripada pihak Jabatan Alam Sekitar untuk memastikan setiap peniaga-peniaga yang berniaga di pasar malam ini akan menepati dan menuruti peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Pihak Jabatan Alam Sekitar.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, sejauh manakah pihak kementerian bekerjasama dengan kementerian-kementerian yang lain di dalam merealisasikan hasrat *Local Agenda 21*. *Local Agenda 21* dengan elemen-elemen yang begitu terperinci Tuan Yang di-Pertua, akhirnya menjurus kepada pembinaan alam sekitar yang lebih mampan. Hari ini kita nak tanya kerajaan tempatan yang bersuara kuat di dalam menghidupkan *Local Agenda 21* ini. Adakah ukuran-ukuran diberikan kepada pihak Jabatan Alam Sekitar supaya menterinya ke, timbalan menterinya ke, setiausaha Parlimennya bersama-sama turun dan berbincang, ini harus diikuti, ini harus diperbaiki dan ini harus dipertingkatkan. *International Standardization For An Organization (ISO)*, 14,000 siri, banyak jabatan kerajaan tempatan yang lupa walaupun dalam masa yang sama mereka mengangkat diri mereka dengan ISO, program-program ISO yang lain tetapi mereka lupa sebenarnya mereka adalah pelaksana kepada dasar kerajaan bagi memastikan alam sekitar ini dijaga dan di selenggara dengan baik.

Saya pasti kementerian telah pun mempunyai suatu pegangan ataupun prinsip yang penting di dalam meletakkan kedudukan Malaysia di dalam *Kyoto Convention*. Kalau kita ikuti masalah *global warming* (pemanasan global) hari ini, sekumpulan saintis dari London telah menasihatkan kepada pakar-pakar di United Nation supaya memerhatikan penambahan air laut. Penambahan air laut ini adalah disebabkan oleh pemanasan global yang telah menyebabkan Kutub Utara di Artik dan Antartika, saljinya cair lebih cepat dari yang dijangkakan dan pemanasan ini telah menyebabkan berbagai-bagai masalah. Semalam kita tengok ada ombak besar di Pulau Pinang Tuan Yang di-Pertua, meranapkan sampan-sampan dan bot-bot nelayan dan ini sudah pasti adalah hasil daripada kecuaiian dan kelalaian pihak yang melaksana di peringkat akar umbi.

Jadi sejauh manakah Kementerian Alam Sekitar telah memberikan pendedahan, ha saya dah masuk ke *education* pula ini. Memberikan pendidikan kepada masyarakat-masyarakat di bawah sana. Hari ini, 1.2 *million* petani-petani di *North East China* telah mengalami kemarau dan mereka juga telah mengalami kekurangan air untuk minum Tuan Yang di-Pertua. Ini adalah akibat daripada kelalaian kita menjaga alam sekitar yang diamanahkan kepada kita. Tuan Yang di-Pertua, pendidikan ini amat penting. Saya minta pihak kementerian supaya menggalakkan mana-mana media sama ada elektronik dan cetak yang telah melaporkan, menyediakan program-program berbentuk dokumentari, berbentuk rencana bagi menyedarkan orang ramai tentang kepentingan menjaga alam sekitar. TV3 umpamanya dalam setiap siaran Buletin Utamanya mendedahkan berbagai-bagai pencemaran yang berlaku di akar umbi...

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: [*Bangun*]

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: ... meletakkan berbagai-bagai pihak di dalam keadaan yang serba salah termasuklah pemimpin-pemimpin di peringkat kerajaan negeri, kerajaan daerah dan sebagainya. Yang Berhormat Ketereh silakan.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Bila Yang Berhormat sebut soal kerosakan dan bala yang berlaku, saya teringat kepada sepotong ayat Quran yang berbunyi dalam surah Al-Rom [*Membaca potongan ayat Al-Quran*] maksudnya "Telah timbul berbagai-bagai bencana, bala di darat dan di laut akibat daripada perbuatan dan tangan-tangan manusia. Dan perkara ini dilakukan dan ia nya berlaku ditimbulkan oleh Allah sebagai ingatan kepada manusia tentang perbuatan ganas mereka supaya mereka kembali bertaubat". Tidakkah ini juga boleh dikaitkan dengan E yang kedua yang disebutkan oleh Yang Berhormat? Terima kasih.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya seronok bila Ketereh mencelah Tuan Yang di-Pertua. Betapa rendahnya kita apabila terkena ayat-ayat seperti yang dibacakan oleh Yang Berhormat Ketereh dan saya juga faham banyak penceramah, guru-guru agama mengajar kita bahawa gunung-ganang, bukit-bukau dan kayu-kayan, pokok-pokok ini adalah merupakan pasak dan paku kepada bumi ini supaya kita sentiasa berada di dalam keadaan keseimbangan. Jadi bila kita nak robohkan hutan dekat Kota Bharu ke dekat Kelantan mana ke, pastikan ada penggantinya supaya kekal keseimbangan ekologi dunia ini supaya tidak musnah

seperti yang disebutkan oleh Ketereh sebentar tadi Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Ketereh.

Saya menyebut tadi tentang bagaimana pendidikan ini mungkin tidak secara sistematik atau terurus dengan rasa terpenggilya pihak-pihak media cetak dan elektronik, TV3, TV2, TV1 dan berbagai-bagai saluran lagi yang telah membukakan mata kita bagaimana kealpaan kita, kelalaian kita telah menyebabkan berlakunya pencemaran alam sekitar. Surat khabar dua hari yang lepas telah menunjukkan *The Green Central* ataupun *Central Green*, saya tak pasti yang mana satu. Tapi yang pastinya ialah di dalam Kempen Kehijauan itu dengan penyanyi popular veteran Zainal menyanyi lagu 'Hijau, hijau, hijau', selesai sahaja Kempen *Central Green* ini, dikumpulkan bertan-tan metrik sampah-sampah yang berupakan plastik-plastik yang menjadi *culprit* pengkhianat utama kepada alam sekitar kita pada hari ini.

Jadi, pengisiannya itu Tuan Yang di-Pertua, saya kira kalau pihak kementerian boleh mengambil langkah ke hadapan ketika program itu berjalan, nasihat kepada yang hadir, hadirin-hadirin menasihatkan mereka supaya sedarlah bahawa setiap sampah yang kita buang di atas muka bumi ini sebenarnya adalah kita mengotorkan keseluruhan dunia dan begitu juga sebaliknya satu helai sampah yang kita kutip, kita telah membersihkan dunia ini Tuan Yang di-Pertua. Saya sambung sikit, anugerah-anugerah alam sekitar perlulah diberikan kepada pihak-pihak yang telah bertanggungjawab secara sukarela tadi dari NGOnya, pertubuhan-pertubuhan belianya, stesen-stesen TV, radio, cetak dan elektronik ini perlulah diberikan penganugerahan supaya mereka menjadi penggalak kepada penjagaan alam sekitar dengan cara yang sistematik dan terurus supaya alam sekitar ini dapat dikekalkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya nak menyebut tentang *enforcement*. Inilah asas kenapa saya berdiri pada hari ini dan saya telah berjanji dengan Tuan Yang di-Pertua, paling lebih pun 10 minit iaitu untuk saya memberitahu kepada kementerian, meminta kementerian supaya setiap hukuman yang dikenakan kepada pesalah-pesalah alam sekitar ini perlulah dimaklumkan kepada khalayak. Bagaimana *deterrent* nya hukuman itu supaya ia bukan sahaja berbentuk punitif kepada yang terkena tetapi ia berbentuk *corrective*, bentuk *educational*, mendidik kepada mereka-mereka yang belum lagi melakukan ataupun dekat-dekat nak melakukan kesalahan terhadap alam sekitar ini.

■1230

Saya yakin dan percaya jika semua pihak mengetahui bahawa peranan mereka menjaga alam sekitar ini penting dan kritikal bagi menjamin keterusan dan kesinambungan dunia yang mampan, pihak kementerian tidak akan menghadapi masalah untuk turun memantau secara dekat. Jika semua kementerian tidak kira Kementerian Pelajaran, Kementerian Belia dan Sukan, kementerian-kementerian, Jabatan Perdana Menteri dan sebagainya dilibatkan secara langsung sekurang-kurangnya di dalam surat-surat yang dikeluarkan kepada rakyat dan kepada jabatan-jabatan agensi, meletakkan slogan 'Bersama Menjaga Alam Sekitar'. Ini sedikit-sebanyak akan

memberi kesan kepada orang ramai terhadap betapa pentingnya menjaga alam sekitar ini. Jadi saya minta supaya Yang Berhormat mencadangkan setiap surat yang dikeluarkan daripada kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan mempunyai slogan 'Bersama Menjaga Alam Sekitar'. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Ketereh.

12.31 tengahari

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih rakan-rakan, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kerana sedia menunggu dan mendengar ucapan mengenai pindaan ini.

Saya ingin bersama turut terlibat dalam bercakap mengenai alam sekitar (*environment*) ini kerana saya merasakan bahawa akta yang dipinda hari ini adalah akta yang dipinda dengan tujuan yang sangat baik. Tujuannya yang sangat baik iaitu kesedaran baru yang timbul dalam negara-negara membangun terutama negara kita untuk menjaga alam sekitar, untuk menjaga kehidupan, untuk menjaga kemuliaan alam sebagaimana kejadian Nabi Muhammad itu sendiri sebenarnya adalah untuk memberi rahmat kepada seluruh alam.

"Aku tidak utuskan kamu ini wahai Muhammad kecuali untuk memberi rahmat kepada seluruh alam". Perkataan 'rahmat' digunakan kerana ianya adalah untuk memberi kebahagiaan. Keseluruhan daripada kebahagiaan itu dipanggil rahmat dan dikatakan kepada alam, bukan kepada manusia. Bila disebut alam, bermakna manusia, binatang, haiwan, pokok, sungai dan perkara-perkara lain yang kita panggil sebagai alam sekitar.

Saya teringat masa kecil-kecil dahulu orang Melayu sendiri memang sebenarnya peka kepada alam sekitar. Sebab itu saya ingat kecil-kecil dahulu kita nyanyikan lagu Oh Bangau. Oh bangau, oh bangau kenapa engkau kurus? Aku kurus sebab ikan tidak timbul. Oh ikan, oh ikan kenapa kau tidak timbul? Bagaimana aku hendak timbul, rumput panjang. Ditanya lagi kepada rumput, kenapa engkau panjang? Bagaimana aku tak panjang, kerbau tidak makan aku. Kerbau pula ditanya kenapa kau tidak makan rumput? Kerbau menjawab bagaimana aku hendak makan rumput, perut aku sakit. Lalu perut ditanya kenapa engkau sakit? Bagaimana aku tak sakit, makan nasi mentah. Lalu ditanya nasi kenapa kamu mentah? Nasi menjawab bagaimana aku tidak mentah, kayu api basah. Ditanya kepada kayu api, kenapa kamu basah? Bagaimana aku tidak basah, hujan timpa aku. Kemudian ditanya lagi kenapa hujan kamu timpa kayu? Bagaimana aku tidak timpa kayu, sedangkan katak panggil aku. Lalu ditanya kepada katak kenapa kamu panggil hujan? Lalu jawablah katak, aku panggil hujan kerana ular mahu makan aku. Ditanya kepada ular, lalu ular menjawab, bagaimana aku tidak makan, ia adalah makanan aku.

Kita bukan makanan DAP, DAP bukan makanan Barisan Nasional, bukan. Kita sama-sama Ahli Parlimen. Itu putaran alam sekitar yang dinyatakan oleh orang-orang tua kita dahulu

dan berakhir dengan katak - itu adalah makanan aku. Ertinya katak dijadikan untuk makanan ular. Rumput untuk dijadikan untuk makanan kerbau. Hujan diturunkan untuk membahagiakan manusia. Sesuai dengan firman Allah SWT yang mengatakan dalam surah al-Luqman, *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* ertinya, "Aku jadikan langit ini tidak bertiang seperti adanya hari ini". *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* ertinya, "Kemudian, aku jadikan gunung-ganang itu sebagai pasak kepada bumi supaya bumi itu tidak berayun". *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* ertinya, "Dan aku biakkan binatang-binatang ternakan. *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* ertinya, "Aku turunkan hujan daripada langit untuk menumbuhkan tumbuh-tumbuhan". *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* ertinya, "Supaya menjadikan kehidupan manusia itu baik dan aman damai. Itu putaran alam sekitar yang dinyatakan oleh Tuhan, dinyatakan oleh orang Melayu. Tetapi sayangnya putaran ini seperti yang saya bacakan tadi masa Tangga Batu bercakap, tidak dinilai oleh manusia sehingga Allah terpaksa memberi pesanan, *[Membaca sepotong ayat al-Quran]*. Binasanya dunia ini, terjadinya bala ini, terjadi banjir besar, ombak besar, Tsunami dan sebagainya adalah kerana tangan-tangan manusia yang tidak mengerti keadaan putaran alam sekitar itu sendiri.

Maka saya ucapkan tahniah kepada kementerian. Walaupun mungkin makna Islam ini tidak diberi dalam pindaan akta ini, tapi saya yakin kita harus memberi makna ini kerana kita adalah sebuah negara yang bersemangatkan Islam, negara yang meletakkan Islam sebagai agama rasmi dan majoriti penduduknya adalah orang Islam, majoriti pemimpinnya juga adalah orang Islam dan orang bukan Islam mengikut apa yang kita katakan sesuai dengan keamanan yang kita cintai bersama. Maka semangat dan roh Islam yang ada dalam putaran ini, dalam akta ini sangat-sangat saya sokong. Saya berterima kasih dan bergembira melihat manusia sudah mula mencintai alam sekitar. Itu yang saya hendak sebut dengan yang pertama kerana sesuai dengan kehendak zaman dan kehendak masa.

Pindaan ini juga menyebabkan saya tertanya-tanya. Kalau orang itu membuang sampah yang toksik, kemudian ia boleh dipenjarakan lima tahun mandatori dan kemudian didenda RM500 ribu maksimum. Bagi kawasan yang ada tempat pengutipan sampah, yang ada tempat pelupusan sampah, tidak ada masalah. Bagaimana dengan di kampung, di luar kawasan majlis perbandaran atau di luar kawasan majlis daerah? Macam saya, rumah saya di kampung di Kampung Tanjong Pagar, Keterah adalah di luar kawasan majlis daerah. Saya juga ada sampah, orang kampung juga ada sampah. Sampah saya mungkin ada toksiknya sebab ada plastiknya, ada barang-barang yang kita beli, ada botol *Coca-Cola*, orang datang kenduri, kulit kerbaunya, perut kerbaunya, najis kerbaunya masa kita kenduri dan sebagainya. Kita tidak tahu di mana hendak buang dan akhirnya kita dibuang di situ sahaja. Kita gali lubang, kalau yang ada lubang. Kalau di Kelantan, dibubuh dalam telaga buruk atau dipanggil di sini sebagai telaga buta, bubuh di dalam itu, akhirnya kadang-kadang orang silap masuk, masuk dalam telaga buta.

Telaga buta jadi tempat pembuangan sampah. Kalau ikut akta ini salah. Saya pada bila-bila masa boleh didenda dan dipenjarakan lima tahun dan didenda RM500 ribu.

What should we do with this? Dengan izin. Apa yang kita hendak buat dengan masalah ini? Mesti kita menyediakan tempat pembuangan sampah yang sesuai, tetapi tempat pembuangan sampah hanya ada dalam kawasan bandaran, dalam kawasan majlis daerah, tetapi di kampung tidak ada. Ertinya pilihan yang ada pada kita ialah memberi kesedaran kepada rakyat terbanyak untuk menyelesaikan masalah sampah. Di mana ada manusia, di situlah ada sampah. Bukan kerana kita hendak mengeluarkan sampah, tetapi sampah itu terjadi kerana kita juga. Makanan, sisa buangan terpaksa dibuang. Sisa kita sendiri pun terpaksa dibuang. Akhirnya kita perlukan satu tempat yang sesuai.

Kesedaran untuk ada pada kementerian ini harus kita *extend*, harus kita memperluaskan. Bukan sahaja ingin mendenda tetapi yang lebih pentingnya saya setuju dengan Tangga Batu, mendidik manusia itu sendiri supaya menjadi manusia yang sangat sayang dan cintakan *environment*. Saya ingat mesti ada peraturan-peraturan lain, saya baca peraturan asalnya tetapi peraturan kita hanya soal mendenda, soal menangkap, soal penguatkuasaan, tetapi tidak pernah ada soal pendidikan.

Saya ingat kecil-kecil dahulu di sekolah, guru-guru kita adalah *environmentalist*. Diajar lagu yang saya sekarang masih ingat lagi. Saya dendangkan kepada anak saya lagu, "*Tanya sama pokok kenapa engkau goyang, jawab nanti pokok angin yang kencang.*" Dan seterusnya. Saya tidak pandai menyanyi tetapi itu lebih kurang. Cerita itu menceritakan angin, pokok, awan, hujan. Ini cerita-cerita *environment* yang dikeluarkan oleh orang tua kita dahulu, tetapi perkara-perkara ini sudah tidak ada. Di sekolah-sekolah pula guru-guru lukisan mengajar kita, lukisan yang diajar bukan roket, bukan bom, bukan tempat perang, tetapi yang diajar ialah lukisan pemandangan, diajarkan kita pemandangan, diajarkan kita sungai, tasik dan sebagainya. Akhirnya kita menjadi pencinta kepada alam.

■1240

Sebab itu dulu lahir penyajak-penyajak, lahir penyair-penyair. Kita jadi seni, kita tidak ganas, kita jadi lembut, kita tidak marah-marah, kita tidak "bengkeng" – dalam bahasa Kelantan – kita jadi manusia yang lembut dan aman kerana pendidikan kita adalah orang yang baik. *Environmentalist*, Hang Tuah bawa keris selalu tetapi kerisnya tidak digunakan untuk menikam orang. Pemimpin-pemimpin dahulu bawa parang, bawa tombak bersilang, tetapi orang tengok tombaknya tidak menakutkan. Orang tengok keris tersisip, tidak takut. Panglima berjalan dengan keris di taman pun tidak takut. Kenapa? Kerana watak yang dilahirkan itu adalah watak *environmentalist*, dengan izin, watak yang lemah-lembut, yang faham tentang alam sekitar.

Usahkan orang hendak dibunuh, pokok pun tidak disentuhnya. Itu nilai kemanusiaan yang kita lahirkan dari dahulu. Saya termimpikan nilai-nilai *environment* ini dilahirkan oleh sistem pendidikan kita. Saya mimpikan kelembutan ini dilahirkan oleh kita, watak-watak yang menjadi

idola kepada masyarakat Melayu, masyarakat India dan sebagainya, tetapi akhirnya kita tidak ada watak-watak sedemikian. Kita jadi kasar, kita jadi bergaduh. Tengok pagi-pagi lagi penuh dengan kanak-kanak sekolah yang duduk di sini, di situ lah kita tunjuk taring kita, konon kita hebat. Saya ingat tidak betul. Kita mesti...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, hendak bagi jalan, Yang Berhormat?

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Oh, Tangga Batu, silakan.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat Ketereh ini dia sudah dapat *floor*, saya tidak mahu kacau, saya cakap terus, terus, terus, itu dia terus. Tetapi tidak apa, Yang Berhormat. Yalah, Yang Berhormat sudah menyebut tadi tentang watak, tentang keris dan sebagainya. Pada saya, keris itu tidak penting. Orang yang memegang keris itu yang penting. Jadi pendidikan yang diajar kepada kita dahulu, masa kecil-kecil, Yang Berhormat, saya ingat kita pergi sekolah yang pertama sekali, Tuan Yang di-Pertua, sampai ke sekolah, guru besar akan duduk depan cekak pinggang minta anak-anak murid kutip sampah. Yang Berhormat ingat? Cabut kemuncup dan sebagainya.

Perkara itu sekarang, Yang Berhormat, sudah tidak berlaku lagi, Yang Berhormat. Bila anak dia disuruh kutip sampah, emak bapa pula, PIBG pula bising kata, "Anak saya datang hendak belajar, bukan hendak kutip sampah". Apa masalah kita, Yang Berhormat? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Ya, satu celahan yang bagus, satu lontaran idea yang bagus. Betul! Memang kita disuruh. Saya jadi pengawas sekolah Darjah Lima, kerja kita ialah ajak kawan-kawan, mari kita kutip sampah. Saya di Maktab Tentera Diraja, ia ada sistem pagi dipanggil *fatigue boys*, dengan izin. *Fatigue boys* ini mesti turun pukul enam pagi, kutip sampah di halaman masing-masing. *These are the fatigue boys*, orang yang letih dipanggil – f a t i g u e. Itu sistem amalan kita dahulu. Saya ingat ada sesuatu yang harus kita perbetulkan, bukan soal senjatanya saya setuju, bukan apa yang dibawanya, tetapi sebenarnya watak itu sendiri.

Kita tengok pula sekarang ini, Dato' Setiausaha Parlimen, saya ingat ini perlu juga kita betulkan. Kita berjaya membina sebuah bandar yang cukup cantik, Putrajaya. *Only great leaders build great city*, kita katakan. *Only* pemimpin yang gagah dan perkasa, yang hebat, boleh membina bandar sebegitu cantik. Tetapi sayangnya Putrajaya jadi sebuah bandar yang penuh dengan reka bentuk bangunan yang cantik tetapi pokok-pokoknya tidak banyak.

Saya rasa masih belum terlambat untuk menilai semula pokok-pokok yang ada di Putrajaya. Jadi *tendency* kepada Jabatan Landskap Negara, jadi *tendency* kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan juga dewan bandar raya dan majlis tempatan yang lain untuk menanam pokok-pokok landskap, pokok-pokok bonsai, pokok-pokok yang tidak memberi

nilai kepada penghisapan karbon dioksida di udara yang boleh menyumbang kepada mengurangnya *global warming*. Apa salahnya kita menanam pokok-pokok hutan, spesies-spesies hutan supaya boleh kita katakan bahawa *we have a city in the jungle*, macam KLIA, *an airport in the jungle*. Saya rasa masih belum terlambat.

Tetapi kita tanam *palm trees*, hendak cantik sahaja, kita tanam bunga raya, di *highway*, bunga raya sahaja, tidak memikirkan soal spesies hutan yang sudah semakin lama semakin pupus. Nampaknya saya pun sudah jadi *environmentalist* sejak mengkaji akta ini. Memang menjadi *environmentalist*, menjadi orang yang faham kepada alam, boleh menyebabkan manusia itu menjadi lembut, menjadi baik, menjadi seorang yang *gentleman* kerana usahakan menyentuh kejahatan yang lain, tetapi menyentuh daun pun mereka tidak sanggup. Merepih batang pun dia tidak mahu. Dia menghormati alam sekitar yang menyebabkan dia hidup. Ini yang banyak manusia tidak tahu. Alam sekitar lah yang menyebabkan kita boleh bernafas dengan baik. Alam sekitar itulah yang boleh memberi kehidupan kepada kita.

Saya kira adalah rugi kita buat *amendment* yang hanya pendek begini, dengan pindaan yang pendek begini, hanya dua ayat. Saya mimpikan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar ini membawa pindaan yang lebih bermakna yang saya tidak boleh hendak ceritakan dalam hal ini supaya kesedaran ini timbul daripada pucuk pimpinan sehingga kepada kanak-kanak di bawah, alam sekitar itu adalah sesuatu yang baik.

Saya pernah tengok satu keluarga yang saya tidak hendak sebut namanya di sini yang menjadi idola saya masa kecil-kecil. Saya hendak jadi keluarga macam ini. Sebab apa? Saya tengok anak dia yang kecil, anak dia korek hidung, selepas korek hidung, anak dia pegang macam ini. Saya kata, "Apa yang dia pegang? Tahi hidung." Dia cari tong sampah hendak buang tahi hidung. Punyalah ajaran dia dalam famili itu. Kita kalau tahi hidung, kita ambil, kita jentik, tidak tentu pasal, kadang-kadang kena pada bibir orang, orang itu pula dia menjilat. [Ketawa] Saya rasa tidak betul. Tahi hidung itu dibawa, cari tong sampah. Usahkan benda lain.

Dalam keluarga ini, saya tengok anak itu, orang Kelantan kata "mesin kale", dia *sharpen the pencil*, mempertajamkan pensel dia pakai mesin, pakai *sharpener*. Dia asah pensel, kan keluar debunya itu, dia ambil benda itu, dipegang dalam tangan dan dibunuh dalam poket. Ini ajaran dalam keluarga sampai begitu sekali. Itu benda kecil. Apa lagi benda-benda besar. Tetapi sekarang kalau kita tengok orang makan rambutan, saya pernah naik motor, masa saya jadi *technical assistant* dahulu, kita naik motor belakang dia, dia makan buah rambutan, biji rambutan terkeluar kena mata kita, masa itu tidak pakai topi keledar, macam kena tumbuk. Benda kecil sahaja. Dia buang sampah begini sahaja dalam kereta.

Sepatutnya kita, Ahli-ahli Parlimen mulakan dalam kereta masing-masing ada tong sampah kecil. Habuk rokok ke, jangan hisap rokok dalam kereta. Tetapi kadang-kadang puak-puak kita ini bukan kata dalam kereta, depan kita yang tidak merokok pun, dia hembuskan

asapnya. Kalau wangi tidak apa juga. Tetapi itulah kesedaran alam sekitar yang harus kita timbulkan dan saya menyokong penuh.

Akhir sekali, saya hendak sebut soal *global warming* yang disebutkan baru-baru ini, alhamdulillah...

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kudat bangun, Yang Berhormat.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak payah gendanglah, Yang Berhormat, sudah nampak.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Yang Berhormat.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Siapa? Oh, Kudat.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Ketereh. Sebelum Yang Berhormat pergi ke seterusnya ke *global warming*, saya ingin menyentuh sedikit tentang pendidikan alam sekitar seperti mana yang telah dijelaskan tadi. Saya rasa salah satu daripada masalah yang timbul di negara kita berkaitan dengan masalah penjagaan dan pemuliharaan kualiti alam sekitar, selain daripada ianya dilakukan oleh rakyat kita sendiri, tetapi salah satu penyumbang besar di dalam pencemaran dan juga kerosakan di dalam alam sekitar negara kita ialah kerana kewujudan ramai orang asing di negara kita yang mereka ini tidak mempunyai standard dan juga pengetahuan penjagaan alam sekitar yang sewajarnya.

Di negara kita hari ini, kita mempunyai tidak kurang daripada dua juta orang asing. Di negeri Sabah, khususnya, mereka ini adalah merupakan kumpulan yang bertanggungjawab besar di dalam merosakkan alam sekitar kerana sebahagian besar daripada mereka, bukan sahaja tidak mempunyai pendidikan tetapi juga mereka adalah perosak alam sekitar nombor satu. Misalnya, pengeboman ikan yang telah merosakkan alam sekitar kita dan mereka ini adalah kumpulan-kumpulan yang suka berumah di tepi laut dan di tepi sungai dan membuang sampah merata-rata dan merosakkan apa juga hidupan-hidupan laut dan hidupan-hidupan sungai dan menyebabkan banyak penyakit-penyakit.

Dalam soal ini, Yang Berhormat, saya minta supaya kerajaan ini haruslah memberikan perhatian serius kepada kumpulan ini kerana *we have to find the root of the problems*. Saya percaya memang rakyat kita bertanggungjawab juga, tetapi ini kita boleh didik mereka, khususnya di sekolah-sekolah dan menambahkan kurikulum dalam soal penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar. Kadang-kadang kita berasa malu bahawa negara kita ini akan menuju sebuah negara maju tetapi di dalam aspek penjagaan alam sekitar, kita masih jauh terkebelakang. Misalnya soal *illegal failings* yang semakin *rampant* disebabkan masalah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, jangan berucaplah!

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: ...gengsterisme di dalam penebangan hutan dan kita tidak mempunyai apa-apa tindakan yang begitu serius dalam soal ini.

■1250

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat habis giliran, nantilah.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Jadi saya mintalah Yang Berhormat Ketereh supaya menyampaikan perkara ini.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih. Keluhan Yang Berhormat itu sebenarnya menjadi keluhan saya. Tetapi saya bersimpati dengan Jabatan Alam Sekitar kerana terfikir saya apabila Yang Berhormat berkata sedemikian. Jabatan Alam sekitar terpaksa memantau banyak perkara yang kerajaan tempatan punya, yang bawa buruh asing, masalah sekolah. Kalau begitu saya hendak mencadangkan supaya Jabatan Alam Sekitar ini diberi kuasa yang lebih besar. Diberi kuasa yang lebih besar untuk memantau perkara-perkara ini.

Apa makna jadi sebuah jabatan bercakap soal kebaikan tetapi kuasa sebenarnya tidak ada. Apa makna jadi seorang pemimpin tetapi pemimpin yang tidak boleh membuat keputusan. Apa makna jadi sebuah jabatan, jabatan yang tidak boleh melakukan sesuatu untuk menggerakkan cita-citanya. Pindaan boleh dibuat tetapi kalau kuasanya tidak ada, maka tidak bermakna. Itu saya kata, saya kesal sedikit. Pindaan ini terlalu sedikit, seharusnya pindaan ini adalah lebih besar supaya memberikan kuasa yang lebih menyeluruh. Berbalik kepada soal yang saya hendak sebut akhir sekali.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan, penjelasan. Sebentar tadi saya dengar Yang Berhormat sebut mengenai *environment*, tujuan, objektif dan khasnya sebut pasal keris orang Melayu penggunaan dan peranannya. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa baru-baru ini dalam lawatan Yang Berhormat Menteri Pelajaran ke negeri China dalam satu perjumpaan setiausaha yang pertama, *Chinese Commissioner 'utalic'*. Beliau ada bincang dengan *Chinese utalic* bernama Foo Chung Hua mengenai keris. Yang Berhormat Menteri merangkap Ketua Pemuda UMNO ada menyebut bahawa makna keris ialah perpaduan dan pucuk pimpinan. Tetapi Fung Chung Hua pula berkata bahawa apa yang penting bukan keris tetapi siapa memainkan keris? Ini sangat benar. Siapa memainkan keris dalam konteks memegang keris, menghunus keris ialah untuk mengugut hak-hak dan sensitiviti-sensitiviti kaum-kaum di negara ini, dan ini tidak boleh dibenarkan. Setakat ini apa itu...

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih, terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:...Cerita ini betul dan patut menjadi satu pengajaran kepada Yang Berhormat yang juga Ketua Pemuda UMNO.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, tidak ada kena mengena dengan alam sekitar ini.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bukan, dia kata tadi. Dia sebut keris saja. Ada kena mengena dengan konteks dia bangkit itu.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Pertama, pertama Yang Berhormat tanya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Yang Berhormat Puchong pun boleh mengesahkan. Oleh kerana sumber maklumat ini daripada Yang Berhormat daripada Puchong.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Yang Berhormat boleh beradab sikit tak? Yang Berhormat boleh beradab sikit tak? Ini tidak pegang keris pun tidak beradab. Apa lagi kalau pegang keris agaknya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Adakah setuju dengan *conversation* ini bahawa *make printing* bukan keris tetapi siapa yang memainkan keris?

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Saya belum jawab. Saya tidak setuju.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tidak setuju, Yang Berhormat dari Puchong setuju. Dia cerita ini...

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Saya tidak setuju dengan Yang Berhormat. Duduklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah. Ipoh Timor, Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Sin Chew Jit Poh, 20 apa tarikh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Timor, Ipoh Timor kalau bercakap...

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Boleh duduk tak? Boleh tak Yang Berhormat duduk? 26 *this is my floor. Can you sit down? Can you sit down? [Dewan riuh]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Yang Berhormat bagi Puchong boleh mengesahkan.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: *Can you sit down?*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, ya.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Saya kasihan dan simpati dengan orang tua ini sebenarnya. Dia sudah begitu lama berada di dalam Dewan ini, dia sendiri tidak menghormati Dewan. Sudah tanya duduk, tunggulah saya jawab. Kenapa hendak bangun tanya balik. *Floor ini floor* saya. Tua, lama tetapi tidak mengerti apa erti tua dan lama. Tidak faham. Okey, dia tanya saya mengenai sedar atau tidak? Dia dengan Datuk Hisham pergi, jawabnya saya tidak sedar sebab saya tidak pergi. Itu nombor satu. Yang kedua, adakah setuju dengan pemimpin China itu? Saya tidak setuju sebab bukan sahaja soal orang yang memegangnya, soal orang yang memberi interpretasi kepada orang yang memegang itu juga penting.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Itu Yang Berhormat Puchong setuju. Dia cerita, akuan ini daripada dia. Mereka setuju.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Tengok, tengok! Ini bukan bermakna apabila Puchong bercakap GERAKAN bersetuju. Itu bukan bermakna. Saya kadang-kadang kasihan dengan pemimpin pembangkang ini. Benda yang boleh menimbulkan kontroversi, benda yang boleh menimbulkan kemarahan rakyat, itulah yang dia cari dulu. Dia bukan hendak tengok perpaduan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bolehkah cerita ini menaikkan kemarahan rakyat? Kalau begitu Yang Berhormat Puchong yang...

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: *[Bangun]*

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Saya bagi peluang kepada Puchong. Saya bagi peluang kepada Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Ketereh. Sebenarnya cerita ini ialah cerita yang bagi saya adalah cerita yang baik untuk kita, iaitu bahawa saya hanya sampaikan pendapat pemimpin parti komunis itu. Bila dia kata yang penting ialah bukan keris itu, tetapi orang yang memegangnya. Maksudnya ialah bila orang yang memegangnya sebagai seorang pemimpin. Itu sahaja. Tidak ada apa-apa maksud yang lain. Janganlah hendak mempolitikkan itu ataupun memutar belitkan fakta yang telah dibawa itu. Apa yang hendak dicari itu? Hendak cari publisiti? Hendak cari apa itu?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Puchong niat jahat, Puchong niat jahat...

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Puchong, terima kasih Puchong. Saya tidak bagi laluan kepada Ipoh Timor.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Balik kepada pembangunan alam sekitar.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Saya hendak balik. Itu jawapan Puchong yang cukup bijak, pandai. Apabila dia sebut soal pemimpin tadi, tidak semua orang boleh memimpin, tidak semua orang boleh pegang keris. Hanya orang-orang yang faham saja boleh pegang keris. Orang gila tidak boleh pegang keris. Orang tidak faham tidak boleh pegang keris.

Berbalik kepada *global warming*. *Global warming* ini berlaku dikatakan oleh barat ialah kerana terlalu banyak karbon dioksida yang dikeluarkan oleh kilang-kilang dan pelbagai perkara-perkara *imition from green house* dan sebagainya. Kemudian tidak cukup pokok untuk menghisap karbon dioksida ini.

Maka diadakan satu *trading* sekarang ini yang dinamakan karbon *trading* di mana dengan izin syarikat-syarikat yang mengeluarkan karbon ini akan mencari negara-negara ketiga untuk membuat *reforestation*. Untuk menanam pokok-pokok supaya pokok-pokok hutan ini boleh

menghisap karbon dioksida mereka. Maka diberikan satu sijil dan diberikan duit kepada syarikat tersebut. Sijil ini pula boleh dijual beli. Itu yang jadi masalah.

Katakan dia berjaya pergi ke Brazil minta Brazil buat *reforestation* sekian ekar. Kemudian dia hargakan karbon yang dia keluarkan di England itu sekian banyak. Katakan 50 juta. 50 juta ini diberikannya kepada Brazil untuk buat *reforestation*. Kemudian syarikat itu bila diperiksa oleh pemeriksa alam sekitar, apakah mereka telah menurunkan karbon dioksida mereka, dia pun akan keluarkan surat tadi. Ya, saya sudah turunkan. Di mana kamu turunkan? Saya tanam hutan di Brazil. Tidakkah pelik. Itu yang dikatakan karbon *trading*. Jumlah karbon *trading* dalam dunia hari adalah melebihi 100 bilion.

Ini yang ditekankan oleh barat kepada kita. Kemudian dia salahkan kita. Sedangkan mereka menebang hutan ini 200, 300 tahun dulu. Mereka yang sebenarnya menebang hutan. Mereka kemudian sekarang ini menyalahkan Malaysia. Kononnya Malaysia membuat tebang hutan dan menggantikannya dengan pokok-pokok tidak hutan. Spesies bukan hutan iaitu kelapa sawit. Kononnya kita tanam kelapa sawit, maka menyebabkan binatang-binatang hutan termasuk orang hutan lari dan terbunuh.

Itu cara barat hendak menentang. Sedangkan kita tebang hutan kita sebenarnya bukan hutan dara pun tetapi hutan-hutan *secondary* yang kita cuci, kita bersihkan, kita tanam kelapa sawit. Kelapa sawit adalah spesies hutan yang juga menghisap karbon dioksida kerana kita hendak menghilangkan *poverty* dalam masyarakat kita. Jadi mereka tidak boleh salahkan kita. Sedangkan mereka tebang hutan mereka, mereka tanam jagung. Jagung tidak hisap karbon dioksida. Mereka tanam soya *bean*. Soya *bean* dengan kelapa sawit, kelapa sawit menghisap dua kali ganda karbon dioksida melebihi daripada dan juga soya *bean*.

Tetapi perang mereka untuk menentang kelapa sawit ini, ke situ pula mereka pergi. Ini juga bersabit dengan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Saya ingat ini satu perkara baru yang harus diberitahu kepada kita semua supaya kita faham masalah ini. Saya tidak hendak berucap lebih panjang sebab rakan-rakan hendak berucap lagi. Saya ucap terima kasih atas kesabaran tuan-tuan dan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Rembau.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin turut membahaskan pindaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Tetapi sebelum itu saya hendak mulakan dengan beberapa rangkap pantunlah tentang sungai.

Sungai ku, hidup ku
dari dulu orang bersampan
sambil bersampan memancing ikan
kalau dulu sungailah rakan
mengapa kini kita abaikan

Ikut perahu di tepi tebing
singgah mandi di air jeram
kalau dulu berwajah bening
kini riaknya menjadi suram

Nelayan menjala di tengah hari
rezekinya murah sebakul penuh
janganlah sungai kita cemari
kelak menjadi racun pembunuh

Air pasang di waktu malam
anak desa mencari lokan
cinta alam menjadikan amalan
sungai ku, hidup ku kita jayakan

Jadi benarlah seperti yang disebutkan dalam pantun tadi yang saya pun tidak pasti siapa yang mengarangnya. Tetapi seharusnya kita balik ke asal seperti yang disebut oleh rakan-rakan kita yang terdahulu tadi.

Daripada Yang Berhormat bagi Ketereh dan juga Tangga Batu bahawasanya usaha haruslah ditumpukan ke arah, kalau Tangga Batu sebut 3E, saya sebut 2P saja, pendidikan dan penguasaan. Pendidikan ini haruslah bermula, pada hemat saya di rumah. Di rumahlah kita harus memulakan amalan-amalan kebersihan, disiplin kebersihan yang baik. Kalau bapanya merokok, janganlah merokok depan anak. Kalau merokok juga sediakan tempat membuang rokok yang sepatutnya. Saya setuju kita hendak jadikan satu amalan. Kalau sekeliling rumah itu patutnya adalah, misalnya kalau zaman dulu ada digali lubang untuk sampah dan sebagainya.

Jadi apa yang kita lihat undang-undang sudah banyak sudah. Tetapi yang sekarang menjadi masalahnya ialah soal penguatkuasaannya. Dalam ini ada disebut penjara lima tahun, lepas itu denda RM500,000 dan sebagainya. Tetapi saya lebih berminat supaya dari segi penguatkuasaannya kita bermula dengan yang kecil-kecil dahulu, seperti di sesetengah negara kalau kita lihat di negara jiran ke dan beberapa negara lain. Kalau buang sampah di bandar raya kena denda.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat boleh sambung petang. Ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini di tangguh sehingga pukul 2.30 petang.

■1430

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada jam 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

2.32 petang

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sambung semula. Dalam Dasar Alam Sekitar Negara ada disebut bahawa dasar tersebut yang telah diwujudkan pada tahun 2002 untuk meneruskan kemajuan ekonomi, sosial dan budaya serta peningkatan kualiti hidup rakyat Malaysia menerusi kesejahteraan alam sekitar dan pembangunan lestari. Dalam dasar tersebut juga disebut tujuannya adalah untuk alam sekitar yang bersih selamat, sihat dan produktif bagi generasi masa kini dan masa hadapan.

Yang keduanya pemuliharaan kebudayaan dan warisan semula jadi yang unik dan pelbagai dengan penyertaan berkesan semua sektor masyarakat serta cara hidup pola penggunaan yang lestari. Seperti yang saya sebutkan di awal tadi saya syorkan supaya pendekatan kita lebih kepada 2P iaitu soal pendidikan dan pencegahan dan penguatkuasaan dan pemantauan. Jadi memang telah ada program-program pendidikan yang dijalankan dari semasa ke semasa seperti Program Cintai Sungai yang telah dijalankan pada tahun 1995, 15 tahun yang lalu tetapi mungkin oleh kerana program ini dijalankan secara tidak ada pemantauan kebanyakannya dan mungkin penekanannya pun tidak begitu tepat sebab Yang Berhormat Menteri sendiri pun ada menyebut bahawa Kempen Cintai Sungai kita yang dijalankan 15 tahun lalu boleh dikatakan tidak mencapai matlamatnya kerana apa yang dicintai ketika ini ialah indahkan tebing sungai sahaja iaitu dengan menanam pokok bunga bukannya kebersihan dalam sungai.

Jadi mungkin untuk kempen yang akan datang yang saya difahamkan akan dijalankan dalam bulan ini yang akan dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan peruntukan RM10 juta diharap supaya fokus kempen itu lebih menuju ke arah kebersihan dalam sungai itu sendiri.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Rembau, Jerai bangun.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Ya sila.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Rembau. Saya bersetuju dengan kempen-kempen ini tetapi adakah Yang Berhormat juga bersetuju dengan saya supaya pelajar-pelajar sekolah ini daripada tadika sampailah ke universiti harus kita pupuk sikap kebersihan, sayangkan sungai, jangan buang sampah dan sebagainya kerana sebenarnya saya pun tak faham. Kalau kita pergi ke negara jiran kita berasa bimbang dan takut kalau hendak

buang puntung rokok atau hendak buang sampah. Adakah kerana *enforcement* di sana begitu kuat menyebabkan orang bimbang dan takut. Di Malaysia ini mungkin tadi Yang Berhormat sudah sebut. Saya baru masuk sesi tengah hari tapi adakah Yang Berhormat bersetuju supaya kanak-kanak generasi akan datang kerana generasi sekarang susah sudah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Yang Berhormat. Bera sudah sebut Yang Berhormat. Bera sudah sebut tadi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Macam Bandar Kuching susah untuk dilatih kerana dia sudah berumur. Dia hisap rokok buang puntung sana sini tapi mungkin tadika-tadika boleh. Macam mana? Kalau sudah disuarakan itu baguslah. Maknanya mereka sama dengan sayalah.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Terima kasih Yang Berhormat Jerai. Sebenarnya perkara itu sudah disebut oleh Yang Berhormat Tangga Batu dan Ketereh tadi. Mungkin Yang Berhormat tak ada tadi. Tapi tak apalah sebenarnya apa yang saya nak sebut juga ialah penekanan soal pendidikan tadi supaya bermula di rumah dan juga di peringkat yang lebih awal lagi. Di peringkat sekolah tadika supaya apa jua program dasarnya sudah baik kalau kita tengok dasar yang ada cuma mungkin dari segi pelaksanaan program dan pemantauan program sebab dari segi alam sekitar ini saya hendak sarankan supaya dijadikan satu budaya. Membudayakan kepada masyarakat kita supaya cintai alam sekitar. Sekarang ini dengan izin *there's no better time than today*. Kita masih belum terlewat lagi saya rasa supaya program ini...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *Never to late.*

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: *Never to late.* Jadi supaya bermula daripada sekarang perlu ada penyertaan yang menyeluruh daripada semua peringkat masyarakat daripada yang tertinggi sampailah ke bawah dan di peringkat Kabinet saya sarankan supaya diwujudkan Jawatankuasa Kabinet mengenai pemeliharaan ataupun kecintaan alam sekitar yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ataupun Timbalan Perdana Menteri supaya dapat memantau program-program yang dijalankan dari semasa ke semasa.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: *[Bangun]*

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Saya sarankan dari segi....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Kuala Krai bangun.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Ya. Sila Kuala Krai.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Rembau. Saya bila sebut jawatankuasa tadi teringat saya jawatankuasa ini telah banyak ditubuhkan dan apakah Rembau bersetuju seperti Jawatankuasa SPAN kita tubuhkan tetapi disertai oleh anggota-anggota tempatan termasuklah Yang Berhormat Parlimen sendiri, ketua-ketua kampung dan masyarakat supaya perkara ini lebih dihalusi dan pemantauan mesti diberi oleh pihak suruhanjaya perkhidmatan negeri ataupun persekutuan itu sendiri. Kalau

tidak jawatankuasa-jawatankuasa saja tetapi tidak beri kesan. Apakah Rembau bersetuju dengan perkara ini supaya dapat diatasi di tempat-tempat masing-masing.? Terima kasih.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Ya, tadi pun sebenarnya sudah ada rakan-rakan sebut tadi. Jadi saya hendak cadangkan ini di semua peringkat sebenarnya selain daripada peringkat Kabinet, di peringkat negeri dipengerusikan oleh MB dan kemudian di peringkat daerah dan Parlimen juga bukan sahaja setakat jawatankuasa tapi kena ada program-program dan juga mesyuarat yang berkala.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Putatan.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Sila.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Rembau. Saya tertarik soal jawatankuasa kempen yang akan diadakan ini. Bersetuju kah Yang Berhormat jikalau Ahli-ahli Parlimen ini juga memantau ikut sama dan disertai oleh semua NGO yang mana di kawasan saya pernah kumpulan NGO ini datang berjumpa dengan saya minta program yang akan dilaksanakan oleh Ahli Parlimen sendiri menggunakan peruntukan tertentu. Jadi ada program yang saya buat iaitu menanam pokok-pokok kayu di tepi-tepi sungai, tepi-tepi pantai yang dalam program kawasan saya ketika itu. Bersetuju kah Yang Berhormat jika Ahli Parlimen juga diberi sedikit peruntukan untuk tujuan sama?

■1440

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Setuju, malah saya sangat-sangat setuju supaya di peringkat daerah ataupun di peringkat Parlimen supaya jawatankuasa ini dipengerusikan sendiri oleh Yang Berhormat Ahli Parlimen ataupun wakil rakyat yang bersesuaian. Keanggotaannya pula disertai oleh semua agensi yang berkaitan, sebab soal pemuliharaan alam sekitar ini melibatkan banyak agensi dan juga NGO.

Tetapi yang pentingnya, dari segi urus setianya tadi, oleh kerana Jabatan Alam Sekitar tidak ada kakitangan di peringkat daerah, jadi mungkin di pihak berkuasa tempatan atau pejabat daerah boleh jadi urus setianya kepada jawatankuasa ini. Supaya dengan itu, apa juga program pembangunan ataupun program pembangunan alam sekitar boleh dipantau oleh jawatankuasa dan saya bersetuju. Bukan sedikit, mungkin peruntukan tahunan perlu diberi kepada jawatankuasa ini supaya dia boleh bergerak mengaturkan program-program gotong-royong dan sebagainya. Malah misalnya dalam khutbah-khutbah pun perlu disebut, bukan sekali sahaja, mungkin beberapa siri khutbah. Soal pemuliharaan alam sekitar ini.

Soal kebersihan, soal disiplin dan sebagainya. Saya lihat dari segi penguasaan ini, ada dua sektor iaitu sektor industri dan sektor *retail consumer* dengan izin. *Retail consumer* ini, rakyat biasalah saya sebut tadi. Jadi penguasaan kena berjalan seiring. Macam untuk sektor pengguna rakyat biasa, soal buang sampah merata-rata kena *dienforcekan*, dikuatkuasakan.

PBT kena kuatkuasakan, pihak polis dan sebagainya, tetapi janganlah denda itu tinggi sangat - yang untuk buang puntung rokok ini mungkin denda RM30, RM50 atau RM100, janganlah sampai RM1000. Jadi, bila tinggi sangat itu, mungkin akan menimbulkan gejala rasuah sebab dia tidak mampu hendak bayar. Jadi pihak berkenaan tadi mungkin akan suap pihak yang berkuasa.

Jadi, kalau boleh dia dari segi penguatkuasaan terhadap soal pembuangan sampah di peringkat *retail consumer* tadi, denda itu harus berpatutan. Di pihak industri, mestilah denda yang berat seperti yang disarankan oleh pindaan akta ini, itu saya bersetuju. Jadi saya yakin dengan adanya jentera tadi, kemudian program-program yang tersusun, bukan seperti ada yang pernah disebut misalnya program 'Cintai Sungai'. Program itu sangat baik, tetapi macam saya katakan tadi, fokusnya mungkin tidak begitu tepat dan tidak ada pemantauan. Jadi kita tanam pokok janda merata dan sebagainya.

Saya ingat lagi pada masa itu saya ADUN lagi pada tahun 1995 dan sebagainya, tetapi selepas itu senyap. Pada kali ini, mesti adalah tindakan yang tersusun dan perancangan tersusun dan begitu juga peranan kementerian-kementerian lain khususnya Kementerian Penerangan dan media massa supaya *highlightkan*, kena ada video klip. Filem negara kita buat filem dan dalam TV, bukan sahaja soal penggunaan tandas, tetapi soal pemuliharaan alam sekitar secara umum.

Sekarang ini mungkin kita hendak fokus. Tahun ini fokus kita mungkin untuk cintai sungai balik, sebab sekarang ini mudah sangat banjir, tersumbat di sana, tersumbat di sini. Sebab kalau tuan-tuan mungkin - ya, Ahli Yang Berhormat sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Tangga Batu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Rembau. Menyebut tentang cintai sungai, saya kira program-program penggalakan ternakan, ternakan di kawasan-kawasan lembah dan tebing-tebing sungai Yang Berhormat. Ternakan khinzir umpamanya, lembu dan ternakan lain, yang saya lihat sistem nyah kumbahan tadi itu tidak mengikuti peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh agensi-agensi kerajaan. Ini sebenarnya menyumbang kepada kekotoran sungai-sungai kita yang terus masuk ke laut, Yang Berhormat. Ini pun Yang Berhormat, saya ingat perlu Yang Berhormat berikan sedikit penekanan. Terima kasih.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Ya, ya, saya bersetuju, terima kasih. Memang sebenarnya inilah. Jadi, sebab itu tadi soal penguatkuasaan itu tadi dan kalau kita lihat di seluruh negara ada 186 lembangan sungai dan daripada jumlah ini, 17 dikenal pasti sungai yang tercemar teruk dan dikategorikan sebagai sungai yang tidak boleh diolah untuk kegunaan manusia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Kinabatangan.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kinabatangan.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Kinabatangan, sila, sila.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya Yang Berhormat, terima kasih. Kita sudah banyak membicarakan soal pencegahan alam sekeliling ini. Jadi, nampak kementerian bukan tidak serius. Mungkin mereka tidak begitu menitikberatkan. Kalau benar-benar, Yang Berhormat bersetujukah kita ingin melihat bukan sahaja sungai kita, parit kita, kerajaan kena mengharamkan penggunaan beg plastik sebab dia penyumbang besar ke arah pencemaran alam semula jadi itu.

Jadi, apakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya dan mencadangkan kepada kementerian, bahawa kena membuat sesuatu yang drastik walaupun mungkin ada pengilang-pengilang menyatakan bahawa mereka sudah melabur berjuta-juta ringgit, tetapi saya rasa pelaburan mereka sudah pulang. Jadi, elok diberhentikan dan mereka menggunakan beg kertas seperti di Amerika, di Eropah dan lain-lain negara.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Terima kasih. Itu mungkin boleh difikirkan secara lebih terperinci oleh jawatankuasa yang kita sudah ada di pelbagai peringkat tadi, soal penggunaan plastik dan sebagainya. Ini sebab kita sudah sedia maklum sebahagian besar daripada banjir kilat terutama di bandar-bandar besar, khususnya di Kuala Lumpur sebahagian besarnya disebabkan oleh beg-beg plastik ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Parit Sulong.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Ya, sila.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulong]: Apakah pandangan Yang Berhormat kalau kita sekiranya serius juga dalam masalah kebersihan ini. Kita menyarankan kepada kerajaan supaya kita mengadakan projek sungai angkat terutama kepada sektor-sektor korporat dan kita memberikan insentif-insentif yang tertentu kepada sektor korporat dan swasta tersebut atas usaha dia untuk mengambil sungai-sungai itu sebagai sungai angkat. Terima kasih.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Terima kasih sahabat saya Parit Sulong. Parit Sulong ini dia jarang-jarang bangun, tetapi sesekali dia bangun, idea dia sangat bernas. Terima kasih.

Jadi, memang saya hendak sarankan sebab dalam negara kita ada lebih 100 GLC, *Government Link Company* dan kita ada lebih 100 juga badan-badan berkanun. Saya hendak cadangkan kepada pihak kerajaan supaya bagi GLC dijadikan satu tanggungjawab sosial, *corporate social responsibility* untuk mereka mengadopsi atau menjadikan anak-anak angkat sungai-sungai yang ada 186 ini tadi.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Minta penjelasan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, jangan anak angkat tiri sudahlah Yang Berhormat.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Anak angkat tiri? [Ketawa].

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat, saya rasa kita tersilap. GLC-GLC ini, sektor-sektor awam, swasta ini, merekalah penyumbang besar ke arah kehancuran negara ini. Kehancuran alam ini. bagaimana mereka hendak mengangkat sungai itu ke jagaan mereka sedangkan merekalah penyumbang seperti syarikat-syarikat *listed company*. Mengaut berbilion-bilion ringgit tetapi kumbahan sisa toksik mereka, baja mereka ke sungai. Jadi ini saya rasa satu perkara harus mereka diberi pendidikan terlebih dahulu. Mereka boleh untung, tetapi jangan menyusahkan rakyat.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Sebenarnya Yang Berhormat, yang itu saya *reserve*, saya beri komenlah. Sebab maksud saya GLC tadi, *Government Link Company*. Yang itu *listed company* berbeza. *Government Link Company* itu macam Tenaga Nasional Berhad, Permodalan Nasional Berhad, Telekom, itu *Government Link Companies*. Jadi maknanya kerajaan ada saham di dalamnya. Jadi yang kita lihat, yang selalu buat masalah ini mungkin kilang-kilang haram ini. Jadi, saya hendak jadikan kalau boleh pihak kerajaan memberikan insentif tertentu kepada GLC ini supaya meng*adopt* tadi, anak-anak sungai tadi supaya program 'Cintai Sungai' tadi dapat dijalankan berterusan. Sebab apa, mungkin... Ya, sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Tebrau.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Yang Berhormat, minta penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat mengaitkan sungai dengan masalah banjir. Di kawasan bandar dan kawasan Tebrau pun saya dapati salah satu punca utama yang menyebabkan banjir kilat ialah kerana penebangan pokok secara berleluasa. Misalnya dalam kawasan saya ada 17 projek pembangunan perumahan. Jadi banyak pokok telah ditebang. Jadi air itu ke mana hendak pergi? Kawasan-kawasan pembangunan perumahan itu sudah dibotakkan. Jadi bolehkah Yang Berhormat cadangkan supaya projek menanam pokok juga di *incorporated* sebagai salah satu projek untuk program sayangkan sungai kita.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Ya, saya setuju. Sebab itulah kalau boleh, soal pembudayaan cintai alam sekitar ini kita kena bermula dari kecil lagi, daripada peringkat tadika, bermula di rumah. Supaya kita hendak bukan sahaja hendak beri kesedaran kepada masyarakat kita, tetapi yang lebih penting lagi kita hendak menanamkan kepada masyarakat kita rasa cintai sungai itu sebagai hak milik mereka. Macam zaman dahulu, sebab itu orang-orang zaman dahulu dia jaga sungai dia sebab itulah sumber minuman dia - tempat dia mandi, tempat dia minum. Jikalau sampah ini, saya ingat lagi di kampung-kampung, kita akan gali lubang, di situ kita taruh sampah dan kita bakar di situ. Mungkin empat ke lima kaki.

■1450

Jadi sungai bersih kita boleh mandi, kita boleh ambil air sembahyang dan sebagainya tetapi sekarang ini keadaan sudah terbalik sebab sejak adanya mungkin paip air sejak pada tahun 60-an, 70-an. Jadi kita harus balik ke asal balik dan kalau boleh sekarang ini pun trendnya

rumah, belakang dia sungai. Jadi kalau boleh, rumah mestilah menghadap sungai. Biasanya kalau menghadap sungai ini orang kita dia akan jaga sebab di sebelah hadapan. Jadi kalau boleh salah satu strategi kita untuk memelihara sungai ini supaya taman-taman perumahan atau rumah-rumah di kampung yang dibina, menghadap sungai.

Dalam masa yang sama program membudayakan cintai alam sekitar ini khususnya sungai ini kita harus dijadikan satu mata pelajaran di sekolah termasuklah dalam Kemahiran Hidup dan sebagainya, program-program kokurikulum macam menanam pokok dan sebagainya supaya dengan itu usaha-usaha kerajaan akan lebih berjaya dalam usaha kita untuk menanamkan tabiat cintai alam sekitar di kalangan masyarakat kita. Jadi Tuan Yang di-Pertua, jadi apa yang kita harap ialah supaya masyarakat kita berfikir dan bertindak, *cintai alam sekitar, think and act, love our environment*.

Jadi ini yang penting dan inilah tugas kita yang penting dan saya harap pihak media massa khususnya Kementerian Penerangan termasuk Filem Negara akan sama-sama memainkan peranan dan seperti yang saya sebutkan tadi mestilah bermula di peringkat tadika. Program-program pembelajaran di peringkat tadika harus menjurus ke arah mencintai alam sekitar. Sebab itulah kalau boleh di sekitar balai raya, tadika ditanam dengan pokok-pokok bukan ditar. Malah saya pun selalu menyarankan, saya selalu menolak permohonan jangan tar, panas dia kata. Ditanam pokok bunga raya kah, pokok *palm* kah, dan sebagainya dan kita juga harus bermula di Parlimen sendiri.

Di Parlimen kita jangan merokok, saya tidak merokok, sudah berhenti, sudah 30 tahun. Jangan merokok, merokok di tempat yang dibenarkan. Di sekeliling Parlimen ini kita tanam dengan pokok-pokok yang bersesuaian yang boleh menyejukkan suasana di dalam Dewan ini walaupun kadang-kadang panas kan. Jadi Tuan Yang di-Pertua, dalam masa yang sama saya juga berharap program ini kita akan dapat melibatkan juga semua sekolah. Kita ada lebih kurang 6,000 sekolah dan juga masjid-masjid di seluruh negara kita hijaukan. Kita hijaukan masjid, jaga kebersihan dari segi tandas, dari segi soal menanam pokok dan sebagainya. Dari segi pembiayaan ini saya cadangkan supaya selain daripada GLC, syarikat-syarikat yang hendak menderma ataupun menyumbang ke arah program pemuliharaan alam sekitar ini diberi insentif cukai-cukai yang tertentu supaya dengan itu dapat penglibatan yang lebih menyeluruh daripada segenap masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan gulung. Jadi sebagai penggulangannya tadi, jadi saya harap pihak kerajaan akan dapat memikirkan, dalam masa yang sama saya ucap terima kasihlah sebab difahamkan akan diberi peruntukan tertentu kepada Ahli Parlimen dan ADUN untuk program pemuliharaan alam sekitar ini. Tetapi apa yang penting ialah supaya jawatankuasa yang saya sebutkan tadi di peringkat Kabinet, negeri dan juga di peringkat daerah dapat diwujudkan segera dan dengan melibatkan semua agensi kerajaan. NGO dan juga badan-badan

lain, PIBG dan sebagainya supaya jadi satu usaha masyarakat, satu usaha yang menyeluruh dan juga berterusan dan yang paling penting pemantauan mesti dilakukan.

Banyak program-program kerajaan yang baik dari segi dasarnya tetapi pelaksanaannya agak lemah kerana kurangnya pemantauan dan sebab itulah saya sarankan supaya di peringkat kabinet, dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ataupun Timbalan Perdana Menteri sendiri. Dari segi pengurusan PBT harus kita lihat semula dari segi keupayaan PBT itu sendiri sama ada cukup atau tidak, kakitangan perlu ditambah, dinaikkan gred dan sebagainya macam di Rembau. Di Rembau, Pegawai Undang-undang pun tidak ada di Majlis Daerah Rembau, Pembantu Undang-undang pun tidak ada macam mana hendak ambil tindakan.

Jadi kena fikirkan, jadi janganlah kerana macam Rembau itu daerah kecil, penduduk pun ialah Parlimen Rembau ini sebenarnya seluruh daerah Rembau campur Seremban sedikit Paroi dengan Rantau, Rembau sahaja tidak cukup. Tetapi tidak patut dijadikan alasan sebab soal pemuliharaan alam sekitar ini harus, untuk berjaya melibatkan PBT, penguatkuasaan oleh PBT secara berkesan dan juga pihak-pihak lain. Jadi dengan itu saya menyokong Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Siapa lagi, Kudat lah.

2.55 petang

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang untuk turut sama membahaskan Pindaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Di dalam Pindaan ini saya dapat melihat bahawa terdapat kesungguhan bagi pihak kerajaan untuk mempertingkatkan tentang pelaksanaan undang-undang ini iaitu dengan mengenakan penjara mandatori kepada mereka-mereka yang melakukan kesalahan yang sebelum ini hanyalah diberikan dalam bentuk denda. Ini adalah merupakan satu kemajuan dalam usaha kita untuk memulihkan alam sekitar di negara kita ini kerana dalam usaha kita untuk membangunkan negara kita sudah tentu *sustainable development policy* adalah sepatutnya menjadi dasar dalam kita membangunkan negara kita.

Apa gunanya negara kita mencapai kemajuan kalau sekiranya kita merosakkan alam sekitar yang telah diberikan oleh Allah S.W.T. kepada kita yang sepatutnya kita pelihara dan kita bertanggungjawab terhadap apa yang diberikan kepada kita. Tuan Yang di-Pertua, saya dapat melihat bahawa sebenarnya penjagaan alam sekitar ini adalah berkait rapat dengan pelbagai permasalahan yang wujud di negara kita ini dan sebahagiannya telah pun disentuh oleh rakan-rakan yang lain. Apa yang saya ingin jelaskan di sini ialah antara masalah yang timbul di dalam pemuliharaan alam sekitar ini ialah masalah polisi, masalah dasar.

Kita mempunyai dasar misalnya untuk melindungi alam sekitar negara kita. Memang daripada semenjak merdeka pun kita mempunyai keinginan untuk melindungi alam sekitar negara kita dan melihat hutan kita, sungai-sungai kita dan juga apa juga khazanah di dalam

negara kita dapat dipelihara dengan baik secara *sustainable*. Tetapi dalam masa yang sama apabila kita ingin mencapai suatu tahap pembangunan di dalam negara kita, maka kita telah melalui beberapa fasa-fasa ekonomi misalnya di dalam proses perindustrian negara kita.

Demikian juga pertanian, perkembangan di dalam sektor pertanian tetapi apa yang tidak dapat kita lihat walaupun perindustrian ini telah memberikan kemajuan ekonomi kepada negara kita dan peluang pekerjaan serta kemakmuran yang kita dapat lihat hari ini tetapi kita tidak memberikan perhatian yang serius dalam usaha untuk memasukkan dasar melindungi alam sekitar di dalam perancangan kita untuk membangunkan negara kita. Sebab itu pada masa-masa yang lepas kita menjadi tempat di mana kebanyakan pelabur-pelabur asing menggunakan tempat ini sebagai re-lokasi kilang-kilang ataupun re-lokasi industri-industri yang sudah tidak lagi digunakan di negara-negara yang maju tetapi dipindahkan ke negara ini kerana kita mempunyai dasar alam sekitar yang longgar dan kita membenarkan bermacam-macam perkara di negara kita sehingga hari ini kita menerima akibatnya.

Walaupun ekonomi kita berkembang, walaupun industri kita telah bertambah maju tetapi dalam masa yang sama banyak masalah-masalah sampingan yang kita hadapi misalnya kerosakan sungai-sungai, kerosakan *discharge* toksik di sungai dan juga banyak lagi tempat-tempat yang telah menghadapi masalah dan demikian juga pengimportan toksik daripada luar negara ke negara ini. Dalam ekonomi pertanian demikian juga, kita tidak memasukkan atau tidak pernah pun, tidak begitu ketat di dalam pelaksanaan pembangunan sektor pertanian ini. Kita membenarkan misalnya industri penternakan di tempat-tempat yang tidak sesuai di mana sungai-sungai kita dicemari dengan najis ataupun dicemari dengan bermacam-macam toksik yang dikeluarkan oleh pertanian yang kita bina ini.

Jadi dalam soal ini barangkali belum terlambat bagi kita untuk memberikan perhatian yang serius walaupun kita boleh menuding jari kepada negara-negara barat kerana mereka adalah perosak alam sekitar nombor satu di dunia ini...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ya.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: ...kerana merekalah yang telah merosakkannya tetapi ini tidak bererti bahawa kita hari ini tidak seharusnya sedar dan mempelajari daripada mereka di atas apa kesalahan dan juga kerosakan yang telah mereka lakukan. Terima kasih.

■1500

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya Kudat. Satu ucapan yang menarik, satu pandangan yang sangat bernas dan sepatutnya kita sama-sama tersentak dengan ucapan yang dibuat oleh Kudat. Saya ambil perenggan untuk diulang yang sangat menarik. Kita membuka negara ini untuk penanaman modal dari luar. Kita ghairah menarik penanam-penanam modal, pelabur-pelabur dalam negara kita. Mereka datang di mana macam apa yang Kudat kata di negara-negara yang maju, industri yang mereka bawa ke negara kita sudah tidak dibenarkan lagi kerana ada dasar yang ketat dari

segi perlindungan alam sekitar. Jadi Kudat minta supaya diperketat dan dimasukkan perlindungan kepada alam sekitar.

Kita sebenarnya menjadi tempat longgokan pelabur-pelabur yang tidak dapat hendak beroperasi di negara-negara yang maju dengan membawa pelbagai pencemaran hasil penanaman modal mereka di sini yang kesannya akan diterima oleh rakyat ini dan yang lebih menyedihkan, kilang yang mereka buka sudahlah merosakkan alam sekitar kita, membahayakan warganegara kita, pekerjaannya bukan orang kita. Pekerjaannya rakyat asing yang datang ke negara ini untuk mengambil kesempatan bekerja. Jadi negara kita sebenarnya dalam kerugian di mana-mana. Saya pun tidak fahamlah apa yang kita kejar. Kalau perindustrian yang mereka buka itu memberikan peluang pekerjaan kepada rakyat kita alakulihal, tetapi peluang pekerjaan pun dipenuhi oleh warga asing, bukan warga kita.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Soalan, soalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Soalan saya amat mudah sebenarnya, saya minta kementerian dan bukan sahaja Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, bahkan kementerian-kementerian yang ada kaitan dengan penanaman modal luar ke dalam negara kita dan kementerian-kementerian yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat minta penjelasan daripada Kudat, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya memang minta penjelasan daripada Kudat...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Macam berucap Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ... kerana ucapan Kudat ini sangat berharga Tuan Yang di-Pertua. Inilah gunanya Parlimen, tempat orang mencanai fikiran-fikiran yang bernas dan Kudat telah membuktikan sumbangan Ahli Parlimen dalam memberikan keuntungan kepada rakyat dan negara. Jadi, saya berharap kementerian dan saya ingat Kudat pun bersetuju supaya agaknya bolehlah diambil tindakan atas saranan oleh Yang Berhormat Kudat. Tahniah kepada Yang Berhormat Kudat dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua atas kesabaran Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dia berucaplah...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Seputeh, you jangan kacau kitalah. Seputeh pembangkang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ... sama juga Ipoh Barat, dia pembangkang bukan ada rasa apa-apa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kudat teruskan.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Terima kasih Sri gading di atas tambahan pendapat yang pada pendapat saya begitu bernas kerana seperti mana yang saya jelaskan tadi bahawa di peringkat awal tahap perindustrian negara kita, mungkin pada ketika itu kita memerlukan ramai rakyat kita yang pada dasarnya mempunyai tahap pengangguran yang begitu tinggi. Mungkin pada ketika itu kita tidak begitu *selective* dalam usaha untuk menarik pelaburan asing.

Tetapi pada hari ini, seperti mana yang kita tahu bahawa tidak kurang daripada dua juta rakyat asing sama ada *legal* atau *illegal* yang tinggal dan bekerja di negara kita dan tidak memberikan banyak keuntungan kepada kita kerana mereka datang ke sini menimbulkan banyak masalah yang lain. Mungkin juga sudah tiba masanya untuk kita mengubah dasar perindustrian negara kita iaitu kita harus lebih *selective* di dalam menerima apa juga pelaburan-pelaburan asing dan kita harus meletakkan standard alam sekitar sebagai salah satu daripada elemen penting dalam usaha kita untuk menarik pelabur-pelabur asing datang ke negara kita.

Jika tidak, negara kita akan selanjutnya menjadi tempat *dumping site* kepada industri-industri ini. Jadi saya fikir Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar ini haruslah diberikan kuasa yang lebih di dalam menentukan dasar perindustrian negara kita. Kita berharap supaya kerajaan mengambil perhatian di dalam cadangan ini kerana dalam keadaan hari ini kita sudah mampu untuk memilih industri-industri tertentu khususnya yang bersifat *software* ataupun yang lebih mesra alam ataupun *value added* yang lebih tinggi yang boleh kita laksanakan di negara ini. Kita tidak mahu lagi industri-industri bertahap rendah yang boleh menyebabkan kerosakan kepada alam sekitar kita.

Yang kedua, saya ingin juga menyentuh dalam soal koordinasi. Di dalam negara kita ini seperti mana yang sering kita ketahui bahawa Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar ini tidak mempunyai kuasa yang mutlak dalam usaha untuk membuat *enforcement* terhadap apa juga undang-undang kerana ada lagi agensi-agensi yang lain seperti kerajaan negeri dan juga kerajaan tempatan yang juga mempunyai kuasa-kuasa tertentu di dalam soal pelaksanaan pembangunan. Sebab itu apa yang berlaku di kebanyakan bandar utama ataupun di kebanyakan tempat di negara ini, kita menghadapi bermacam-macam masalah alam sekitar kerana kita tidak mempunyai satu *coordination* dan *consistent and unified law* berkaitan dengan alam sekitar.

Mungkin sudah tiba masanya bahawa satu *consistent and unified law* diwujudkan di negara ini di mana Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan hal-hal yang berkaitan dengan pemuliharaan alam sekitar ini haruslah diberikan konsistensi sama ada di peringkat Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri ataupun kerajaan tempatan. Sebab itu misalnya dalam meluluskan pembangunan-pembangunan di bandar, kita tidak mempunyai misalnya input-input tertentu daripada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Kelulusan diberikan oleh kerajaan-kerajaan tempatan *indiscriminately* sehingga apabila berlakunya masalah-masalah yang berkaitan dengan alam sekitar seperti masalah banjir atau masalah keruntuhan tanah dan

sebagainya, kita tidak dapat berbuat apa-apa dan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar sepatutnya tidak *diblame* sebab keadaan-keadaan yang berlaku tersebut kerana ada pihak lain juga turut bertanggungjawab dalam soal ini.

Yang ketiga, saya ingin membangkitkan juga di sini sekali lagi seperti mana yang saya jelaskan tadi iaitu berkaitan dengan kehadiran orang-orang asing di negara ini. Walaupun negara globalisasi ini memanglah suatu perkara yang tidak dapat dielakkan kerana penghijrahan orang-orang asing ke negara ini atas sebab-sebab ekonomi atau pekerjaan, tetapi dalam masa yang sama kita juga harus mengambil satu langkah yang konkrit untuk memastikan bahawa mereka ini sedar tentang undang-undang di negara ini. Seperti mana yang saya jelaskan sebelum ini bahawa orang-orang asing ini mereka tidak mempunyai pendidikan yang mencukupi. Kalau rakyat Malaysia misalnya, kita mempunyai tanggungjawab untuk mendidik mereka. Di peringkat sekolah kita boleh menyediakan kurikulum dan juga praktikal dalam usaha untuk pemeliharaan alam sekitar. Ini sudah pun dicadangkan dengan banyaknya di dalam beberapa perbincangan-perbincangan sebelum ini.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ledang Yang Berhormat, hendak bagi jalan?

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Tetapi mereka yang datang daripada orang asing ini, apakah usaha-usaha kita misalnya untuk mendidik mereka tentang aspek pemuliharaan alam sekitar di negara kita ini? Sila Ledang.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Kudat. Saya hendak tanya satu perkara sebab ada kaitan dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Kudat iaitu di kawasan saya, mungkin di kawasan Kudat pun sama, di kawasan Sipitang pun sama, iaitu dengan banjir pekerja asing ini yang bekerja di negara kita, ada satu senario berlaku iaitu banyak kucing di taman-taman hilang. Banyak anjing di taman-taman yang dibela oleh orang pun hilang. Jadi apabila dibuat kajian yang ada kaitan dengan alam sekitar, rupa-rupanya kucing-kucing yang dibela oleh keluarga-keluarga Malaysia ini begitu juga anjing-anjing ditangkap oleh mereka dan dijadikan lauk (makanan). Ada seorang pekerja asing datang dari sebuah negara memang gemar makan kucing dan makan anjing.

■1510

Kalau ini keadaannya Yang Berhormat bagi Kudat, apakah tindakan yang sewajarnya sebab saya rasa ada kaitannya dengan alam sekitar. Akhirnya kucing dalam negara kita pupus, anjing pun pupus hanya semata-mata kerana mereka tidak faham budaya kita. Tadi Yang Berhormat bagi Kudat menyebut tentang pendidikan. Kaedah yang bagaimana pendidikan yang harus kita berikan kepada mereka, kalau boleh Yang Berhormat bagi Kudat membantu untuk menjelaskannya.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ledang. Saya serahkan kepada kementerian untuk memikirkan apakah cara yang terbaik untuk mendidik sekurang-kurangnya melihat perkara ini. Perkara yang penting juga saya ingin jelaskan di sini bahawa kehadiran orang-orang asing ini, apabila mereka tidak mendapat pendidikan yang sewajarnya, maka merekalah orang yang saya percaya bertanggungjawab dengan begitu serius dalam usaha kerosakan alam sekitar khususnya di negeri Sabah.

Saya lihat misalnya, kebanyakan daripada orang-orang asing ini yang telah tinggal secara legal atau *illegal* di negara kita ini, mereka inilah yang kebanyakannya *squatting* ataupun mendirikan rumah-rumah setingan sama ada di tepi-tepi sungai ataupun di tepi-tepi pantai. Malah tempat-tempat sebegini sebenarnya adalah tempat-tempat yang begitu menarik, pantai-pantai yang bersih, sungai-sungai yang bersih tetapi dengan kehadiran pendatang-pendatang asing tanpa kawalan ini dan tidak ada usaha-usaha yang begitu konkrit untuk *regulate* mereka, maka mereka inilah yang sebenarnya telah merosakkan alam sekitar di negara kita ini. Ini satu kerugian yang besar kepada negara kita kalau kita tidak mengambil tindakan-tindakan awal daripada sekarang.

Mereka menebang pokok sesuka hati. Misalnya menebang pokok-pokok bakau yang sepatutnya dipelihara dan mereka juga terlibat dalam membuang sampah merata-rata misalnya di bandar-bandar atau di bandar raya-bandar raya. Merekalah pencemar utama di dalam masalah ini.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi jalan kepada Yang Berhormat bagi Seputeh?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kudat. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, di Sabah bukan sahaja pendatang asing tanpa izin yang merosakkan alam sekitar di Sabah tetapi saya rasa pendidikan tentang alam sekitar itu haruslah diberi kepada pemimpin kerajaan khususnya kesemua orang yang ingin menjadi Ketua Menteri Sabah. Semua yang datang macam *locust*. Mereka bagi lesen *logging* kepada kroni-kroni mereka sehingga semua pokok kayu yang besar itu semua dipotong, semua ditebang dan ditanam dengan kelapa sawit dan semuanya untuk kepentingan mereka sendiri.

Jadi, saya rasa pendidikan alam sekitar ini juga haruslah diberi kepada semua pemimpin di Sabah, khususnya Ketua Menteri. Satu lagi isu, Tuan Yang di-Pertua, memandangkan Yang Berhormat dari Kudat kita tahu tentang *statue* mercu di Kudat itu, jadi apakah pendirian Yang Berhormat terhadap *statue* mercu itu yang begitu kontroversi itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak berkaitanlah Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Adakah ia bercanggah dengan kualiti alam di kawasan Kudat. Adakah Yang Berhormat mengalu-alukan projek itu atau membantahnya. Sila beri jawapan.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Sudah lari jauh itu. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat. Sudah lari jauh itu, Yang Berhormat.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Yang Berhormat Seputeh, saya rasa apa Yang Berhormat kemukakan ini pertamanya tidak berkaitan terutamanya berkaitan dengan isu mercu yang ada di Kudat itu tidak ada kaitan langsung dengan pemeliharaan alam sekitar.

Kedua, berkaitan dengan pendidikan, saya percaya ini adalah satu sangkaan jahat. Sebenarnya apa yang berlaku ialah memang kerajaan mempunyai dasar-dasar tertentu tetapi kadang-kadang memang berlaku masalah pelaksanaan dan ini adalah masalah *enforcement*. Masalah *enforcement* ini adalah berkait rapat bukan sahaja dengan kebolehan pegawai-pegawai kerajaan untuk *enforce* tetapi juga tentang kesedaran secara menyeluruh kepada masyarakat. Kadang-kadang ramai juga rakyat di luar bandar tidak sedar tentang keperluan untuk memelihara hutan dan alam sekitar. Misalnya mereka terlibat dalam aktiviti *illegal logging* dan ini adalah merupakan satu perkara yang kita perlu *address* secara *in total* ataupun secara holistik. Kalau kita mengatakan bahawa masalah kepimpinan yang timbul itu sebenarnya adalah satu sangkaan jahat dan tidak benar, kalau Yang Berhormat bagi Seputeh mempunyai pandangan yang sebegitu, *you are entitle to your own opinion but I think it's totally wrong*.

Apa yang penting di sini ialah kesedaran secara menyeluruh dan kita dari semasa ke semasa ada mengadakan rang undang-undang yang lebih ketat. Kalau satu ketika dulu misalnya, hanya pihak Jabatan Hutan ataupun penguasa-penguasa Jabatan Hutan yang diberikan tanggungjawab untuk mengawal penebangan hutan, tetapi kita suatu ketika di atas keseriusan kita pernah misalnya menjemput Kementerian Pertahanan ataupun pihak *military* membantu kita untuk mengawal hutan di negara kita ini.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih, Yang Berhormat.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Saya tidak bagi jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Seputeh, dia tidak bagi jalan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak dapat nafikan yang semua lesen *logging* itu semua diluluskan oleh bekas Ketua-ketua Menteri Sabah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Seputeh, tidak faham peraturankah? Dia tidak beri jalan, tidak boleh bercakap.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Tidak bagi jalan. Tidak bagi jalan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ini memang bukan sangkaan jahat dan juga ...

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Lesen memang kita sudah beri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila duduk.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Untuk maklumat Yang Berhormat bagi Kudat, bila saya pergi ke Sandakan pada minggu lepas...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak bagi jalan, Yang Berhormat.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Sangkaan jahat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...ada pelancong asing yang kata kenapa tempat ini sudah tidak ada hutan rimba, sudah tidak ada pokok kayu lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Seputeh, dia tidak bagi jalan.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Yang Berhormat bagi Seputeh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, sila duduk. Yang Berhormat,

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ini semua telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri Sabah..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, tidak faham peraturan. Kena tengok peraturan, Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ... yang mana saya rasa mereka harus dididik oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Ini cadangan saya.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Yang Berhormat bagi Seputeh, *you are entitle to your opinion* tetapi sebenarnya pada masa-masa yang lalu bukan kita tidak memikirkan tentang keperluan untuk memelihara alam sekitar tetapi pada masa yang sama kerajaan juga mempunyai tanggungjawab ekonomi kepada rakyatnya bahawa hutan-hutan itu perlu juga diteroka untuk membolehkan kerajaan negeri mendapat hasil dan seterusnya dapat membangunkan tanah-tanah tersebut untuk keperluan rakyat dan juga pembangunan negeri tersebut.

Apa yang berlaku tersebut tidaklah seserius seperti mana yang difikirkan. Misalnya di negeri Sabah kita masih mempunyai hutan simpan *Danum Valley of the lost world of Sabah* yang diiktiraf oleh seluruh dunia sebagai satu pusat *conservation* yang begitu penting dan juga *the heritage* iaitu Gunung Kinabalu dan kawasan taman-taman Sabah yang masih wujud di situ. Kita mempunyai dasar-dasar tersebut tetapi dalam masa yang sama kita juga mempunyai dasar untuk membangunkan negeri, untuk mendapatkan sedikit royalti bagi membolehkan kita membangunkan negeri Sabah. Saya fikir itu jelas. Jadi, Yang Berhormat bagi Seputeh, terima kasih.

Saya meneruskan kepada seterusnya bahawa keperluan di sini ialah untuk memastikan bahawa dalam usaha kita memelihara alam sekitar negara kita, kita juga harus *address* masalah kehadiran orang-orang asing bagaimana untuk *educate* mereka untuk menghargai alam sekitar

dan tidak melakukan perkara-perkara yang boleh merosakkan alam sekitar yang boleh merugikan kita dan merugikan negara kita di masa akan datang.

Seterusnya ialah berkaitan dengan kesedaran. Beberapa hari yang lalu saya sebenarnya lalu di Kota Kinabalu *International Airport* (KKIA) yang sedang dibina. Satu bangunan dijangka akan memberikan satu pembangunan yang baik kepada negeri Sabah tetapi di dalam *Execution of Contracts* ataupun pembinaan lapangan terbang itu saya lihat banyak pokok yang bernilai tinggi yang telah pun mencapai lebih 10 ataupun 15 tahun, pokok-pokok yang rendah yang boleh di *preserve* ataupun kalau sekiranya tidak di *preserve* pun mungkin pokok-pokok itu boleh dipindahkan ke tempat-tempat yang lain tetapi apa yang begitu menyedihkan, saya melihat bahawa kebanyakan pokok-pokok di situ telah pun dipotong, dihancurkan dan dibuang dan ini adalah merupakan satu kerugian besar kerana seperti mana yang kita tahu bahawa pokok-pokok ini memerlukan masa yang lebih panjang untuk ditanam dan tumbuh. Saya tidak tahu apakah sebenarnya dasar di negara ini adakah kita meletakkan di dalam setiap kontrak kerajaan khususnya kontrak yang diserahkan oleh kerajaan kepada kontraktor tentang aspek-aspek ini.

■1520

Misalnya aspek dalam penggunaan bakau *falling* atau dalam memulihara alam sekitar di tempat-tempat tapak pembinaan. Adakah undang-undang sebegini? Kalau kita tidak mempunyai undang-undang sebegini saya fikir adalah menjadi satu tanggungjawab kepada kita untuk memastikan setiap kontrak kerajaan ataupun kontrak-kontrak ataupun pembangunan-pembangunan swasta juga harus mengambil kira perkara-perkara ini. Jika tidak, setiap kali kita melihat sesuatu perubahan misalnya di bandar-bandar maka berlakulah penebangan pokok secara besar-besaran dan ini adalah merupakan sesuatu yang amat menyedihkan saya kerana baru-baru ini saya mempunyai peluang untuk berkunjung ke negara jiran di Brunei, negara yang terdekat dengan negeri Sabah.

Saya dapat melihat bahawa walau pun 10 tahun dahulu bandar ini adalah suatu bandar yang begitu *sleepy hollow* tetapi hari ini ia menjadi suatu bandar yang begitu terancang dan juga pemuliharaan alam sekitar di tempat-tempat, di bandar tersebut saya melihat memang begitu *sophisticated* dan mereka memodelkan pembangunan negeri mereka ataupun bandar mereka seperti di Singapura di mana pemuliharaan segala flora dan fauna dan juga pokok-pokok *forest* walau pun di kawasan bandar itu masih dikekalkan dan ini kita tidak mempunyai walau pun memang ada dilakukan di negara ini tetapi saya fikir banyak lagi bandar-bandar di negara kita ini yang patut melakukannya supaya ia konsisten di mana-mana seluruh negara kita pergi...

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Pendang bangun.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: ... maka kita dapat melihat satu pembangunan yang *sustainable* yang mesra alam, *environmental friendly* dan ia dapat memberikan kebahagiaan kepada anak cucu kita.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Yang Berhormat Kudat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik apabila Yang Berhormat menyebut tentang bakau *falling* tadi ini, sebab kita tahu kesan *protection* daripada bakau ini memang cukup kuat untuk mencegah pantai-pantai kita daripada kesan-kesan ombak dan juga *tsunami* dan banyak hutan-hutan bakau sekarang ini yang telah ditebas dan ditebang untuk dijadikan bakau *falling* ini.

Apakah pandangan Yang Berhormat, ataupun bersetujukah Yang Berhormat supaya kita masukkan juga di dalam akta ataupun undang-undang ataupun peraturan supaya mereka yang diberikan kontrak untuk menebang bakau ini diberi juga keperluan untuk menanam balik bakau-bakau yang ditebang tersebut supaya ia dapat menggantikan hutan-hutan bakau yang telah hampir-hampir pupus tersebut. Terima kasih.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: [Bangun]

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Yang Berhormat,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Ledang.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Boleh sekali gus, sekali gus tentang bakau.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Silakan.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kudat. Lanjutan daripada pandangan daripada Yang Berhormat Pendang, saya bersetuju pandangan beliau. Sekadarkan kepada saya kalau Yang Berhormat Kudat bersetuju, daripada kita tebang pokok bakau kerana pokok bakau ini kita tahu fungsi dia dan tidak payah diulas lagi untuk dijadikan cerucuk bakau ini, kenapa tidak dalam *engineering* ini macam-macam boleh berlaku.

Kenapa tidak kita gantikan cerucuk bakau kepada kaedah lain kerana kayu bakau ini fungsi dia memanglah cerucuk kerana dia ada *friction grip*, ada bahan lain yang kita boleh gantikan. Dengan izin *instead of* bakau kita gantikan dengan kaedah lain, cerucuk lain yang tidak perlu bakau, tidak perlu kita tebang pokok bakau, apa pandangan Yang Berhormat Kudat?

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Saya memang bersetuju dengan pendapat kedua-dua Ahli Parlimen tadi malah sebenarnya saya mencadangkan supaya mungkin sudah sampai masanya sebagai sebuah negara yang sudah merdeka 50 tahun dan telah mencapai kemajuan tertentu di dalam negara ini maka kita sudah sampai masanya untuk mengharamkan penggunaan bakau sebagai cerucuk dan kita sudah mempunyai *method-method* yang lain untuk digunakan sebagai menggantikan bakau.

Demikian juga misalannya di dalam sektor pembinaan, penggunaan kayu ataupun *form work* yang berlaku di dalam pembinaan di negara ini, saya fikir sudah sampai masanya menggunakan kaedah-kaedah tertentu yang lain untuk misalnya menggunakan besi ataupun di

dalam kebanyakan pembinaan di negara-negara yang maju menggunakan *steel structure* misalnya dan ini lebih mesra alam dan *steel structure* ini pembinaannya lebih cepat berbanding dengan menggunakan bermacam-macam khususnya bahan-bahan yang terdiri daripada bahan-bahan kayu ataupun bahan-bahan cerucuk bakau yang saya percaya ia adalah merupakan suatu perkara yang boleh merosakkan alam sekitar kita.

Sudah sampai masanya mungkin kita sudah sepatutnya memasukkan di dalam undang-undang alam sekitar ini supaya mengharamkan penggunaan bakau ataupun bahan-bahan yang setara dengannya untuk tidak digunakan dalam pembinaan bukan sahaja pembinaan projek-projek kerajaan tetapi juga projek-projek swasta.

Seterusnya saya ingin menyentuh tentang soal perancangan seperti mana saya jelaskan tadi, bahawa kita seharusnya mempunyai suatu kesedaran untuk mendidik profesional kita sama mereka itu terdiri daripada *planner* ataupun arkitek ataupun *engineers* yang apabila mereka mengadakan satu-satu projek pembangunan mereka itu haruslah mempunyai *environmental friendly in mind* dalam apa juga perancangan sama ada untuk membangunkan suatu bandar yang baru.

Sudah menjadi suatu kebiasaan di negara kita hari ini bahawa satu-satu syarikat-syarikat pembinaan ataupun *listed company* mereka boleh mengadakan suatu pembangunan yang melibatkan berpuluh-puluh ribu unit rumah dan juga bangunan-bangunan komersial dan mewujudkan suatu bandar yang baru dan ini mungkin adalah menjadi suatu tanggungjawab kepada kita untuk memastikan mereka yang membangunkan kawasan-kawasan perumahan ataupun bandar-bandar komersial yang baru ini, haruslah kita memberikan penekan kepada *planning*, kita harus *strict* ataupun kita harus tegas di dalam usaha untuk memastikan bahawa pemusnahan alam sekitar di tempat itu adalah di peringkat yang begitu minimum misalnya *diversion* sungai dan ini biasa berlaku.

Kita harus jangan mengubah terlalu banyak tentang pola alam sekitar ini. Demikian juga misalnya pokok-pokok di kawasan tersebut yang mempunyai nilai alam sekitar yang tinggi, seharusnya tidak dipotong dengan sesuka hati kerana sekurang-kurangnya dengan adanya pokok-pokok tersebut bukan sahaja dapat memulihara alam sekitar, malah juga memberikan nilai yang tinggi terhadap pembangunan di kawasan tersebut kerana ini akan memberikan suatu pembangunan yang berasaskan kepada *environmental friendly*.

Saya melihat suatu pembangunan yang dibuat di Australia dan saya dapat melihat bahawa mereka mengekalkan banyak pokok-pokok dan tidak menebang pokok-pokok walau pun mereka membenarkan pembangunan yang *extensive* di dalam pembangunan-pembangunan rumah ataupun bangunan-bangunan komersial di tempat-tempat tersebut. Ini adalah merupakan suatu *mind set* yang benar dan kita harus memastikan bahawa *planner* ini adalah mereka yang benar-benar mempunyai kefahaman yang tinggi.

Mereka yang mengetuai jabatan-jabatan perancangan khususnya di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ataupun di Dewan Bandaraya. Mereka ini haruslah daripada mereka yang mempunyai pengetahuan yang begitu mendalam tentang keperluan untuk memelihara alam sekitar.

Seperkara lagi yang saya ingin sentuh iaitu yang terakhir ialah masalah *enforcement*. Kita sering mengatakan bahawa kita mempunyai kemampuan yang begitu tinggi sebagai sebuah negara yang menuju ke negara maju. Kita mempunyai kemampuan misalnya untuk menggunakan *satellite mapping*, macam-macam yang kita sudah mempunyai kejayaan dalam bidang sains tetapi sehingga hari ini kita masih lagi tidak mampu untuk misalnya membuat pemantauan yang lebih serius di dalam *illegal felling* ataupun aktiviti-aktiviti *fish bombing* yang walau pun *illegal felling* ini adalah merupakan suatu masalah yang serius yang akan merosakkan alam sekitar yang telah berlaku di kebanyakan negeri-negeri khususnya negeri-negeri yang mempunyai balak dan juga hutan-hutan komersial dan *illegal felling* ini masih berlaku secara berleluasa dilakukan oleh syarikat-syarikat yang tamak, yang kadang-madang mereka ini diberikan konsesi di kawasan-kawasan tertentu yang hanya seribu ekar misalnya tetapi mereka menebang di tepi-tepi konsesi mereka sewenang-wenangnya dan soal *enforcement* tidak begitu serius mungkin juga adalah berkait rapat dengan masalah rasuah dan ini kita harus mengambil serius tentang soal ini.

■1530

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Kita harus mengambil serius tentang soal ini. Demikian juga masalah *fish bombing* seperti mana yang berlaku masalah kerosakan kepada marin ataupun tumbuhan-tumbuhan laut di negara kita khususnya di negeri Sabah adalah satu masalah yang serius walaupun perkara ini berkait rapat dengan masalah ketiadaan pengetahuan atau kurang pengetahuan tentang *sustainable development*. Mereka orang-orang kampung atau pun nelayan-nelayan kecil tidak mempunyai pengetahuan yang meluas tentang apa yang mereka lakukan, mereka mungkin melakukan untuk mendapatkan keuntungan yang singkat.

Demikian juga nelayan-nelayan yang menggunakan pukot jerut ataupun pukot-pukot yang membunuh dan menangkap ikan-ikan yang kecil. Ini juga adalah merupakan satu masalah yang serius dan ini akhirnya akan menyebabkan negara kita menghadapi masalah *depleting resources*.

Satu undang-undang yang komprehensif tentang alam sekitar ini haruslah dilakukan di negara ini yang melibatkan bukan sahaja melibatkan perkara-perkara soal pemantauan *waste* atau pun *toxic waste*...

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: (*Bangun*)

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Tetapi juga yang berkaitan dengan sumber-sumber alam di negara kita, haruslah dilakukan untuk memastikan kita mempunyai *sustainable development* di dalam negara ini.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Terima kasih Kudat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua mengenai dengan *illegal* ini, saya amat tertarik dan apakah pandangan Kudat kerana perkara ini berlaku di merata-rata terutama sekali mengenai dengan sungai.

Ada di kawasan saya ini sungai pun telah ditimbus dan apabila dilaporkan kepada pihak berkuasa umpamanya JPS tidak ada kesan dan sewenang-wenang yang dulu sungai tidak jadi sungai lagi, jadi sampai begitu sekali.

Apakah pendapat Kudat dalam perkara ini kerana perkara ini berlaku terutama sekali di Malaysia kita bukan seperti negara yang telah disebut oleh Kudat tadi sungai menjadi satu tumpuan yang begitu hebat dengan menjadi satu-satu perayaan dan satu-satu nikmat yang boleh kita pergi dan membuat hiburan. Kalau kita pergi di luar negeri umpamanya di Europe begitu indah sekali untuk kita hiburan di sana dengan bot selama setengah jam dengan bayaran yang istimewa dan mendapat kewangan kepada negara. Akan tetapi kita tidak, sungai ditimbus sewenang-wenangnya tanpa ada *action* atau tindakan yang diambil.

Sekiranya inilah yang terjadi 50 tahun Merdeka tidak ada kesannya, apa pendapat Kudat supaya kita dapat mengatasi perkara ini?.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai. Saya juga mempunyai pendapat yang sama dengan beliau tentang soal ini, mungkin ini berkait rapat dengan seperti mana yang saya jelaskan tadi iaitu persoalan undang-undang yang komprehensif mengenai alam sekitar di negara kita ini.

Seperti mana yang saya jelaskan tadi bahawa di negara kita ini banyak kuasa lain iaitu seperti kuasa *local government* ataupun *state government* dan termasuklah *federal government* yang mempunyai tugas-tugas yang bertindih.

Jadi saya percaya sudah sampai masanya seperti mana Yang Berhormat jelaskan tadi saya juga seorang yang begitu cintakan alam sekitar dan sedih melihat banyak kawasan-kawasan sungai yang satu ketika dulu adalah merupakan tempat yang begitu indah dan cantik untuk beriadah tetapi sudah tidak lagi menjadi sungai. Ianya menjadi sungai yang sudah mati mempunyai toksik yang tinggi dan juga boleh menyebabkan mudarat kepada masyarakat.

Di negeri Sabah misalnya, banyak kawasan-kawasan pantai yang dihuni oleh *illegal squatters* dan mereka ini membina rumah di tepi-tepi pantai dan tanpa disedari mereka telah merosakkan kecantikan alam sekitar di situ khususnya pantai-pantai dan dengan membuang sampah dan membuang bermacam-macam toksik sehingga menyebabkan keindahan di kebanyakan tempat sudah tidak lagi dapat dipertahankan.

Hal ini memerlukan suatu *consorted effort* daripada semua pihak, kerajaan negeri, Kerajaan Persekutuan, kerajaan tempatan untuk mewujudkan satu undang-undang yang lebih komprehensif terhadap pemuliharaan alam sekitar ini, barangkali sudah sampai masanya.

Tuan Yang di-Pertua untuk yang terakhir iaitu tentang pindaan Akta Seksyen 34B ini seperti mana yang kita ketahui bahawa dalam seksyen ini kita mengenakan mandatori dihukum penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun dan hendaklah juga didenda tidak melebihi RM500,000.

Ini adalah satu hukuman yang sivil walaupun saya bersetuju dengan pindaan ini kita juga harus memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang undang-undang ini dan kita juga harus memberi kesedaran kepada mereka tentang tahap mana yang mereka ini akan dikenakan hukuman yang sebegini berat, kalau sekiranya mereka tidak mengetahui mungkin walaupun *ignorance of the law is not an excuse* tetapi untuk berlaku adil kepada semua orang pihak RTM, akhbar-akhbar haruslah menyebarkan seluas-luasnya tentang undang-undang baru ini supaya apabila mereka mengetahui - *prevention is better than cure* ,mereka akan berhati-hati dalam melakukan apa juga tindakan-tindakan yang merosakkan alam sekitar.

Terakhir iaitu, beberapa tahun yang lalu ada kes berkaitan dengan seorang *enforcement officer* daripada Jabatan Alam Sekitar yang telah terbunuh di Kuching, Rummie Azzan kita nak tahu walaupun ini mungkin masalah mahkamah tetapi adakah benar ini ada berkaitan dengan masalah *enforcement* yang sehingga menyebabkan perkara ini berlaku?, itu saja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

3.38 petang

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk berbahas rang undang-undang untuk meminda Akta Kualiti Alam Sekitar. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berucap sedikit sebanyak mengenai penguatkuasaan di bawah Akta Kualiti Alam Sekitar.

Saya ingin tahu apakah pendirian kerajaan dan penguat kuasa sekiranya ada percanggahan di antara Kerajaan Pusat dengan kerajaan negeri, sekiranya jikalau agensi-agensi yang di bawah kerajaan negeri pendiriannya atas sesuatu perlakuan kesalahan di bawah akta ini yang bercanggah dengan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan, saya ingin tahu apakah pendirian kementerian atas perkara ini?.

Saya membangkitkan hal ini kerana saya ada membuat satu aduan mengenai pencemaran udara yang berdekatan dengan Bazar Batu 7 di Kuching dan pencemaran ini oleh kilang untuk membuat *premix* dan *emulsion* dan tiap-tiap hari ia akan mengeluarkan asap hitam. Saya telah tuliskan kepada dua agensi. Satu agensi adalah Jabatan Alam Sekitar yang di bawah *jurisdiction Persekutuan* (Kerajaan Persekutuan).

■1540

Saya juga ada tulis kepada *state agency* iaitu *Natural Resource and Environmental Board* Sarawak...Apa yang saya dimaklumkan adalah sebuah jawapan kepada surat saya bahawa saya akan baca di sini. "Siasatan yang dijalankan pada 24 Januari 2007 mendapati *premises* yang diadu tidak beroperasi pada hari berkenaan. Pegawai-pegawai dari jabatan ini tidak dapat melakukan pemerhatian ke atas asap yang dilepaskan seperti mana yang diperuntukkan di bawah Peraturan 15, Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekitar".

Paragraph yang selanjutnya adalah, "Untuk makluman YB, sepanjang tempoh 2004 hingga Februari 2007, jabatan ini telah mengambil tindakan mengeluarkan surat arahan, notis arahan dan juga tindakan kompaun perbagai kes yang melanggar Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekitar kepada pemunya penduduk premis berkenaan. Pejabat ini akan menyusul dengan pihak berkuasa tempatan supaya mengkaji atau menarik lesen operasi *premises* susulan ketidaksesuaian lokasi yang membawa kacau/ganggu kepada orang awam".

Ini adalah pendirian Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan juga dalam satu jawapan yang diberi kepada saya di sesi yang lalu, saya juga diberitahu bahawa pemunya premis itu telah dikenakan enam kompaun kerana mengeluarkan asap hitam.

Selain itu juga, jawapan yang saya terima dari dalam Dewan ini juga ada satu *paragraph*, "Di samping itu penguatkuasaan bersepadu antara agensi penguatkuasaan di Sarawak melibatkan Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak iaitu NREB atau Natural Resources and Environment Board. Majlis Perbandaran Padawan, Jabatan Tanah dan Survei serta Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja turut dijalankan di kawasan berkenaan bagi memastikan operasi premis-premis perindustrian di kawasan tersebut termasuk CMS Premis Sendirian Berhad mematuhi kesemua peruntukkan undang-undang.

Di samping itu juga, adalah pendirian yang disertakan dalam jawapan ini bahawa rundingan juga sedang dibuat dengan Majlis Perbandaran Padawan mengenai keperluan untuk menempatkan semula premis berkenaan jauh dari kawasan penempatan, memandangkan lokasi masa kini yang terlalu hampir dengan kawasan kediaman iaitu lebih kurang 130 meter. Walaupun ini adalah pendirian Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar yang memandangkan tempat ini tidak lagi sesuai untuk menjalankan aktiviti-aktiviti mengeluarkan *premix* dan *emulsion*.

Saya ada terima satu surat daripada NREB. Itu adalah agensi Sarawak atas *environment*. Satu *paragraph* yang relevan adalah ini, "*Monitoring report review that the ignition (asap hitam) meets the ignition standard prescribe by the DOE*". Kenapa asap hitam yang sama yang dikeluarkan daripada *chimney* yang sama? Jabatan itu daripada kerajaan persekutuan katakan ia melanggar Peraturan-peraturan Kualiti (*A Quality Regulation*). Tetapi yang dijalankan oleh *state agency* mengatakan ia *meets the ignition standard*. Adakah kerana ada latar belakang pencemar ini, dia mempunyai latar belakang pemimpin politik di Sarawak dan saya ingin tahu apakah pendirian kementerian atas perkara ini. Saya ada melakukan satu *company search* dan

mendapati bahawa CMS Premix Sendirian Berhad ini dimiliki oleh CMS Berhad dan ini adalah syarikat yang dipunyai oleh Ketua Menteri. Anak Ketua Menteri Sarawak.

Adakah ini oleh kerana ada latar belakang pemimpin politik, oleh itu *state agency* mengatakan *ignition nya meets the ignition standard?* Bolehkah kita menerima hakikat ini? Ini adalah *company search* yang menunjukkan bahawa *company* itu, *company* yang mengeluarkan pencemaran, melakukan pencemaran udara di tempat itu, 'Cybermall Bazaar' itu dipunyai oleh ahli keluarga Ketua Menteri Sarawak.

Saya ingin tahu sekiranya ada percanggahan, apa yang akan kementerian buat? Apakah langkah yang akan diambil oleh kementerian? Keduanya, dalam penguatkuasaan, sama ada elemen-elemen *offender* itu, pencemar ini, latar belakangnya sama ada dia ada mempunyai pemimpin politik dalam syarikat ini akan menjadi satu unsur sama ada kerajaan nak ambil tindakan atau tidak ambil tindakan?

Kalau syarikat yang mencemarkan alam sekitar ini mempunyai pemimpin politik Barisan Nasional, sama ada kerajaan akan mengambil tindakan? Saya membangkitkan soalan ini kerana ada contohnya di sini, pencemaran udara di 'Cybermall Bazaar', berdekatan dengan kilang ini terdapat satu tadika dan tiap-tiap hari tadika itu mesti tutup tingkapnya semasa kilang itu mengeluarkan asap hitam dan perkara ini sudah berlanjutan sudah beberapa tahun. Tapi tak ada tindakan. Enam kompaun notis telah dikeluarkan tapi tak ada tindakan lanjutan dan kilang itu terus melakukan pencemaran udara satunya. Satu contoh kerana ada pemimpin politik berkaitan dengan *company* ini, syarikat ini. Oleh itu tak ada tindakan diambil.

Sama juga di Johor, saya ada bangkitkan banjir yang teruk berlaku dalam tahun lalu, salah satu sebabnya adalah kerana pembalakan haram dan syarikat yang menjalankan pembalakan haram secara besar-besaran di Johor ini adalah juga berkaitan dengan pemimpin-pemimpin politik UMNO dan apakah siasatan, sama ada siasatan dijalankan dan apakah tindakan yang diambil? Di bangunan Parlimen juga,

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Bocor?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Bukan bocor, kali ini bukan bocor tapi pencemaran udara.

Tuan Jelaing anak Mersat [Saratok]: Merokok.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ha, merokok. Merokok! Sudah ada satu arahan bahawa kita tak harus merokok dalam bangunan ini. Saya, sejak hari Isnin datang sini saya tidak merokok. Saya sejak hari Isnin datang sini, saya tidak merokok, mematuhi peraturan-peraturan. Tapi tadi saya tengok beberapa Ahli Parlimen masih merokok. Jerai adakah, Jerai?

■1550

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: [Bangun]

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ya, Jerai tadi ada merokok? Dalam fikiran saya ada tengok Jerai merokok.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: (Bercakap tanpa pembesar suara)

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Oh, kawan-kawan Jerai merokok. Bukankah satu tindakan harus diambil, tetapi tindakan tidak diambil ke atas Ahli Parlimen yang merokok, tetapi sebaliknya pemberita disuruh tidak boleh ambil gambar Ahli Parlimen-Ahli Parlimen yang merokok. Mana boleh. *Instead of going after the offender, you go against the whistle blower.* Adakah kerana orang yang merokok ini adalah dari pemimpin-pemimpin politik UMNO atau pemimpin-pemimpin politik Barisan Nasional? Ada satu imunitikah? Kalau di sini kita tidak boleh *set a good example* untuk mematuhi peraturan dan undang-undang, bagaimana kita dapat melaksanakan undang-undang yang diluluskan di Dewan ini?

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: [Bangun]

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Nanti, nanti. Walaupun saya daripada pembangkang, semasa peraturan diimplementasikan, dikuatkuasakan supaya kita tidak boleh merokok. Saya seorang perokok dan saya pun tidak merokok dalam bangunan ini, tapi kenapa Ahli Parlimen-Ahli Parlimen daripada Barisan Nasional tidak dapat mematuhi peraturan-peraturan? Ini tidak patut. Mereka yang meluluskan undang-undang, tapi tidak mematuhi undang-undang. Inilah yang tidak patut.

Oleh itu, saya khuatir undang-undang yang diluluskan ini sama ada akan dikuatkuasakan dengan berkesan dan dengan adilnya. Kita tidak mahu tengok lain kali nanti tengok satu keadaan di mana bahawa kalau syarikat yang mencemarkan alam sekitar itu, sekiranya mereka ada kaitan dengan ahli-ahli politik Barisan Nasional, mereka akan *goes court free*. tutup mata. Inilah akan menjadi *mockery of the law that we passed today*.

Oleh itu, saya ingin mendapat penjelasan daripada Timbalan Menteri nanti di atas perkara yang spesifik yang saya timbulkan di sini iaitu, pencemaran udara di Batu 7 Bazar di Kuching. Kedua mengenai pembalakan haram di Johor yang menyebabkan banjir besar.

Datuk Baharum bin Mohamed [Sekijang]: [Bangun]

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya mahu gulung, Yang Berhormat mahu minta jalan. Okey.

Datuk Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Bandar Kuching. Tadi ada mengatakan bahawa salah satu sebab banjir besar yang berlaku di Johor adalah disebabkan pembalakan. Tetapi, adakah Bandar Kuching sedar bahawa banjir yang berlaku di Johor itu bukan sahaja di kawasan-kawasan pembalakan, tetapi juga di bandar Johor Bahru. Mana ada kawasan pembalakan di Batu Pahat, tidak ada kawasan pembalakan. Jadi saya ingat Bandar Kuching ini dia sudah merepek. Jadi saya mohon penjelasan daripada Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya ada kata, salah satu daripada sebab banjir besar itu adalah pembalakan secara haram yang berleluasa di Johor. Salah satu, salah satu *reason*, sebabnya terjadi banjir besar. Sebab yang kedua...

Datuk Baharum bin Mohamed [Sekijang]: [Bangun]

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Nanti, nanti Yang Berhormat tanya saya akan jawab sepenuh-penuhnya.

Datuk Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Adakah Yang Berhormat ada data-data yang menunjukkan bahawa banjir yang berlaku itu disebabkan oleh pembalakan?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya belum lagi, saya belum bagi Yang Berhormat, minta Yang Berhormat duduk. Salah satu sebab adalah pembalakan secara haram yang berleluasa.

Sebab yang kedua adalah *town planning* yang tidak baik dan itu juga disebabkan oleh kerajaan Barisan Nasional. Takkan kita menyalahkan Tuhan yang memberi kita hujan yang banyak? Kerana Singapura juga ada, tapi Singapura tidak ada banjir yang besar, itu perkara spesifik yang kedua saya bangkitkan.

Perkara ketiga adalah merokok di bangunan Parlimen ini. Apakah pendirian kementerian atas pencemaran udara di bangunan ini? Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Saya bagi Pasir Mas.

3.56 petang

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Assalamualaikum dan selamat sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang telah membenarkan saya untuk bersama-sama mengambil bahagian dalam Akta Kualiti Alam Sekitar. Saya bercakap tentang dua tiga perkara. Pertama mengenai alam sekitar, yang kedua pandangan Islam terhadap alam sekitar, ketiga permasalahan-permasalahan dan bagaimana Islam melihat ataupun mengatasi, memperkenalkan cara untuk mengatasi masalah alam sekitar.

Sehubungan dengan itu, suka saya memetik ayat al-Quran, Allah S.W.T berfirman [Membaca ayat al-Quran]. Bermaksud, "*bukan siapakah yang telah mencipta langit dan bumi dan menurunkan hujan dari langit untuk kamu, lalu Kami tumbuhkan dengan air hujan itu dengan tanaman, kebun-kebun yang menghijau subur dengan indahnya, kamu tidak dapat dan tidak berkuasa menumbuhkannya, menumbuhkan pohon-pohon tersebut. Adakah sebarang Tuhan lain bersama dengan Allah S.W.T?*" Itu daripada petikan ayat daripada surah.

Kita cuba mengenali alam sekitar ini walaupun alam sekitar sudah pun disebut oleh sahabat-sahabat daripada Parti Kerajaan dan daripada Parti Pembangkang. Bagi saya alam sekitar ini iaitu alam yang selain daripada manusia, yang boleh kita kategorikan alam selain daripada manusia yang ada di sekitar kita ini. Sebagaimana yang disebut oleh Allah S.W.T di

dalam ayat *[Membaca sepotong ayat al-Quran]*. Di sini kita dapat melihat bagaimana pandangan Islam tentang alam sekitar ini. Apakah alam sekitar ini mesti kita anggap dia sebagai atau seumpama darah daging kita, yang mempunyai hubungan rapat dengan kita, mesti dijaga dengan penuh kasih sayang ataupun dilihat sebagai musuh kita. Jadi dua perkara itu saya rasa perlu kita tekankan. Apakah ianya merupakan macam sahabat-sahabat karib kita, bila kita sebut bahawa alam sekitar ini adalah sahabat karib kita, mesti kita jaga, mesti kita kawal, mesti kita selia dengan sebaik-baiknya, ataupun kita melihatnya sebagai musuh.

■1600

Mesti kita warnakan dengan warna tidak baik, kita menentang dia, kita lawan dia, kita khianat dia, kita apa dia. Jadi, kedua-dua ini mesti dilihat dan Islam sebagai agama negara kita ini dan Islam sebagai agama anutan sebahagian besar daripada penduduk-penduduknya yang berada di negara kita ini. Kita melihat bagaimana disebut di dalam ayat yang saya bacakan tadi, *[Membaca sepotong ayat al-Quran]*, kita melihat persekitaran kita ini kepada binatang. Cuma Allah S.W.T mengambil satu juzuk bagi menerangkan juzuk-juzuk yang lain. Allah mengambil "ibbil", binatang ini sebagaimana ia dijadikan oleh Allah S.W.T.

Ia mewakili binatang-binatang yang ada di persekitaran kita. Kemudian Allah S.W.T menyuruh supaya kita melihat lebih jauh selain daripada kita melihat sekitar kita binatang, kita melihat kepada, *[Membaca sepotong ayat al-Quran]*, bagaimana langit, ianya diangkat. Ahli-ahli sains dan al-Quran mengatakan bahawa langit dan bumi ini bercantum, *[Membaca sepotong ayat al-Quran]*. Saya tidak belajar sains tetapi saya melihat kepada al-Quran yang mengatakan bahawa langit dan bumi ini bercantum, *[Membaca sepotong ayat al-Quran]*. Bercantum pada peringkat awalnya, kemudian berlaku evolusi yang begitu lama, yang menjadikan langit dan bumi ini dipisahkan, kemudian masuk cahaya, kemudian masuk udara dan masuk perkara-perkara yang memberi langit dan bumi, umur yang begitu panjang.

Kemudian Allah S.W.T menyebut kepada kita, *[Membaca sepotong ayat al-Quran]*, bagaimana Allah jadikan bukit dan bukit ini sebagai paku kepada bumi ini supaya bumi ini mempunyai keseimbangan, ianya tidak runtuh di sana dan di sini. Kerana itulah bukit ini sebagai paku kepada bumi. Kemudian, *[Membaca sepotong ayat al-Quran]*, bagaimana Allah jadikan bumi ini terhampar luas.

Di dalam ayat yang lain, Allah S.W.T menyebut macam-macam seperti menyebut laut, menyebut angin, menyebut hujan, menyebut siang, menyebut malam. Di antar lainnya, *[Membaca sepotong ayat al-Quran]*, siapakah yang menunjukkan kamu dalam kegelapan daratan dan kegelapan di lautan. *[Membaca sepotong ayat al-Quran]*, siapakah yang menghantarkan di mana angin dapat memberikan sesuatu yang terbaik kepada kamu kerana angin ia mengandungi benih-benih, daripada jauh diterbangkan oleh angin kemudian mencari sasarannya.

Hujan misalnya, *[Membaca sepotong ayat al-Quran]*. Allah S.W.T menekankan tentang hujan, bagaimana dan siapa menurunkan hujan. Siapakah yang menurunkan hujan kepada

mereka dan hujan ini hujan buruk sebagai balasan kepada orang-orang yang telah diberi amaran oleh Allah S.W.T. Kemudian tentang sungai, Allah S.W.T menyebut, *[Membaca sepotong ayat al-Quran]*. Allah menjadikan bumi dan Allah menjadikan celah-celah di atas bumi itu dengan liku-liku sungai. Menunjukkan bahawa agama Islam ini lebih awal mengajak penganut-penganutnya melihat bahawa persekitaran kita ini adalah sahabat karib kita, kawan kita dan semacam saudara-mara kita juga.

Kalau kita sayang kepada keluarga kita, maka begitu juga kita sayang kepada bukit-bukau, gunung-ganang, sungai, air dan sebagainya. Allah S.W.T menyebut, *[Membaca sepotong ayat al-Quran]*. Melihat ke atas pula, Allah mengatakan bahawa Dia jadikan alqamar (bulan) sebagai cahaya dan dia jadikan matahari sebagai lampu. Di sini kita melihat pula bagaimana Rasulullah S.A.W (Nabi Muhammad) dalam melihat perkara-perkara tersebut. Di waktu Nabi S.A.W melalui bukit, Bukit Uhud, Nabi Muhammad mengatakan *[Membaca hadis Nabi]* ertinya, “Saya sayang kepada bukit ini dan bukit itu juga sayang kepada saya.”

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat Sahih Bukhari dan Muslim, bagaimana Rasulullah S.A.W menekankan kasih sayang kepada kejadian-kejadian. Di antaranya, ada satu bab yang memperkatakan, *[Membaca hadis Nabi]*, wajib sayang kepada Madinah dan ahli-ahli Madinah. Begitu juga wajib sayang kepada Mekah dan ahli-ahli Mekah yang beriman kepada Allah. Ini menunjukkan bahawa rapatnya hubungan di antara pegangan kita dengan alam persekitarannya. Itu belum lagi kita bercakap tentang malaikat, belum lagi kita bercakap tentang jin yang merupakan alam sekitar kita.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kaitkan dengan kualiti alam sekitar.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Ya, ya, ya, saya sedang kaitkan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Panjang sangat lencongan itu.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Itu sebagai mukadimah sahaja itu. *[Ketawa]* Supaya kita dapat melihat perspektif atau pandangan kepada apa yang kita hendak.

Tuan Yang di-Pertua: Tinggal 15 minit lagi. Ya, maksimum 15 minit.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Ya. Tuan Yang di-Pertua, saya berhenti setakat itu dulu. Bagaimana yang saya sebutkan tadi supaya kita sayang dan supaya kita kasih kepada alam sekitar ini yang ditunjuk sendiri oleh Nabi Muhammad S.A.W. Saya bawa ini dalil-dalil kasar yang menunjukkan bagaimana mendidik kita supaya kita sayang kepada alam sekitar seperti sungai kita. Di dalam sepotong ayat al-Quran, Allah S.W.T menyebut, *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* ertinya, “Kami jadikan kamu wahai manusia, Kami jadikan seluruh kejadian ini daripada air.” Ini menunjukkan bahawa kita mesti jaga sungai kita, tempat-tempat air kita jaga.

Saya masih ingat lagi Tuan Yang di-Pertua, di waktu saya belajar di Saudi Arabia. Di sana tidak ada air banyak, air tidak ada. Yang adanya ‘*ya nabiaq*’. ‘*Ya nabiaq*’ ini iaitu mata air. Bagaimana mereka jaga mata air, bagaimana mereka jaga punca-punca air ini? Mereka tidak

buang dengan buangan sisa-sisa, jauh lagi dari toksik, jauh daripada plastik dan sebagainya. Dua hari kita bercakap tentang penggunaan plastik iaitu kelmarin dan hari ini, bagaimana plastik mewarnakan kekotoran di negara kita.

Saya rasa kalau kita mengambil kesempatan dan melihat bagaimana, ini disebutkan tadi bahawa kita mesti dididik dengan suatu pegangan. Kalau kita tidak didik dengan satu pegangan, maka kita tidak perkasa. Misalnya kita buang sampah, kita tidak rasa kita berdosa dengan membuang sampah, sedangkan Islam mengajar kita, [*Membaca hadis Nabi*]. Nabi kata bahawa iman ini ada 93 cabang. Paling tingginya, *lailahaillallah* dan yang terendahnya buang sampah. Ini tidak ditekankan. Buang sampah di jalan, buang sampah di rumah dan sebagainya.

Kerana itulah kita tengok rumah tangga orang Islam sekarang ini, tidak usah kita pergi jauh-jauhlah. Kita pergi kepada rumah tangga orang Islam. Kita melihat bagaimana persekitaran rumah tangga kita.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas. Saya hendak tanya sedikit. Ceramah dan ulasan Yang Berhormat cukup baik. Berapa kekerapan kita cuba untuk jelaskan kepada rakyat Kelantan sebab saya amat dukacita kalau saya tengok Pasir Puteh, saya tidak pergi kawasan Yang Berhormat. Pasir Puteh sendiri, longkang-longkang dan parit-parit tidak terkawal. Walaupun Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi duit yang banyak untuk bersihkan, tetapi tidak terdidik dengan roh, *spirit of Islam* seperti apa yang dicakapkan oleh Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Saya hendak tahu banyak kita ceramah politik atau ceramah penjelasan kepada alam sekitar. Berapa kerat? Terima kasih. Jangan marah.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Penang lagi teruk.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Saya kira semua mesti mengambil bahagian, baik Pasir Puteh, Pasir Mas dan lain-lain tempat supaya negara kita ini indah. [*Membaca sepotong ayat al-Quran*], "Allah S.W.T itu indah dan Allah suka kepada yang indah." Allah itu indah, Dia suka kepada yang indah. Apa sahaja yang indah ini disukai oleh Allah S.W.T. Kerana itulah kita bertaharah, kita bersuci, ambil air sembahyang dan sebagainya, kerana apa? Kerana kita melihat sesuatu yang indah.

■1610

Rumah tangga umat Islam misalnya. Saya lihat bukan lain di Kelantanlah, biarlah saya letakkan benda ini kerana Tok Guru Nik Aziz pernah mengatakan bahawa satu ketika dahulu rakyat suka membuang sampah. Tidak suka ambil sampah buang. Kita suka buang sampah kerana kita merasakan ada orang yang mengutip sampah. Padahal kita tidak terasa buang sampah itu berdosa sebenarnya.

Kita kena letak dalam hati kita ini bahawa berdosa kita membuang sampah. Tadi saya datang ke Parlimen sekejap tadi. Depan saya ada beberapa buah *motor car* depannya. Bagaimana dia terlalu senang dia menghisap rokok dan dia membuang puting rokok melalui jendela kereta dia. Itu satu kes. Kes yang lain saya melihat ada, depan saya juga sewaktu saya datang dari Pasir Mas ke Kuala Lumpur sampai di pertengahan jalan dia makan, kemudian dia baling sampah melalui tingkap keretanya.

Bagaimana sikap kurang bertanggungjawab ini Tuan Yang di-Pertua. Sikap tidak bertanggungjawab ini ada pada kalangan orang kita. Kalangan orang Melayu, kalangan orang Cina, kalangan orang India dan berbagai-bagai lagi yang bersikap sedemikian. Kita tanamkan semangat ini dan biarkan kepada yang lain, yang lain ini kalau kita kira ambil bahagian.

Saya sebagai penganut dan sebagai da'ie insya-Allah, saya mengajak supaya kebersihan ini bermula daripada rumah tangga Islam itu sendiri tetapi malangnya kerana kita diajar begitu. Kita diajar, bila kita dan anak-anak kita makan, kita buang sisa-sisa makanan begitu saja, kerana apa? Kerana ada emak yang akan mengambil, ada isteri yang akan mengutip sisa-sisa makanan, kemudian buang. Kita tidak rasa bahawa kalau kita tolong, kalau kita buat kita boleh dapat pahala.

Pada petang ini saya mengajak Ahli-ahli Dewan dan persekitaran saya ini supaya kita merasakan boleh dapat pahala. Kita mempunyai 'Kiraman Katibin' Kita mempunyai malaikat yang sentiasa menulis segala apa yang kita lakukan ini. Kerana itulah di waktu Nabi S.A.W melihat seorang kanak-kanak atau beberapa orang kanak-kanak yang sedang bermain dengan anak-anak burung. Nabi tidak marah, Nabi tidak jerkah, serkah ke apa ke tetapi apa yang Nabi buat ialah irji'ha, hantar balik kepada sarangnya kerana ibunya sedang mencarinya. Ini satu didikan yang halus. Hantarkan dia ke sarang dia kerana ibunya sedang mencari dia. Maka kanak-kanak ini terasa ibunya sedang mencari dia sebagai mana ibu kamu mencari kamu sekarang ini. Itu biji-biji tarbiah yang disebut ataupun didikan yang ditanam.

Jadi kita juga mesti tanam kepada anak-anak kita waktu makan masing-masing simpan makanan. Saya sekali berkesempatan ke Amerika Syarikat. Saya orang kampung. Bila saya pergi ke sana kita makan. Bila kita makan, sampah-sampah ini kita buang begitu saja. Sehingga dilihat sebagai kelihatan perlu. Maknanya kamu tidak jaga kebersihan. Langsung saya bertindak dengan mengutip sisa-sisa makanan, kemudian buang sendiri. Ertinya dia mula daripada rumah dia, daripada sekolah dia.

Katanya di Jepun seorang pelajar makan coklat, dia diajar supaya kulit coklat itu disimpan dalam saku dia. Kita datang ke sekolah kebangsaan kita, pelajar kita makan ketupat. Tidak diajar begitu. Makan ketupat kemudian kulit ketupat itu dibuang di mana-mana kerana bagi dia ada lagi orang yang akan mengambil ataupun tukang-tukang sapu akan menyapu.

Yang kedua pula, saya sambung sikit lagi. Bagaimana Islam mengatasi ataupun melihat benda-benda ini yang kita katakan bencana alam. Tadi disebut banjir besar. Banjir besar di

negara kita dan sebagainya sebagai bencana alam. Saya bersetuju banjir itu disebabkan oleh kita. Mungkin kerana longkang kita tidak baik ataupun mungkin kerana hujan yang terlalu banyak tetapi Rasulullah, Nabi kita waktu Baginda melihat hujan, Nabi berdoa. Nabi kata “Ya Allah turunkan hujan” [*bercakap dalam bahasa Arab*] Hujan yang segar, hujan yang subur, hujan yang dapat melahirkan buah-buah yang bagus-bagus dan jangan turunkan hujan yang menjadi bala bencana kepada kami”.

Sekarang ini roh ini sudah tidak ada. Roh, doa ini sudah tidak ada di kalangan orang Islam. Sama ada tidak tahu ke ataupun tidak baca ataupun tidak dengar ke tetapi saya kira kuliah-kuliah dalam televisyen misalnya sudah cukup memberikan kesedaran. Boleh kita mengambil bahawa kalau kita pohon hujan ini kita menadah tangan dan berdoa “Ya Allah turunkan hujan yang segar, yang baik dan jangan hujan menjadi bala kepada kami”. Kerana itulah saya sebutkan tadi perkara-perkara ini mesti kita tekankan kepada masyarakat kita.

Di antaranya pendidikan kepada masyarakat, mendidik masyarakat supaya kasih sayang kepada alam tabii yang ada di sekitar kita. Kita mesti melihat ia adalah sebagai kekasih kita. Apa yang kita kasih bukan kita bermusuhan dengan mereka. Pendidikan, saya bersetuju dengan sahabat-sahabat kita tadi iaitu mendidik bermula daripada peringkat rumah. Peringkat umur setahun, dua tahun, tiga tahun, empat tahun, lima tahun dididik boleh oleh ibu bapa dia kerana sekolah yang paling awal ialah rumah tangga. Yang sekolah itu betul iaitu sekolah yang kedualah.

Sekolah yang pertamanya ialah ibu bapa. Dia tengok emak dia, dia tengok ayah dia, dia tengok abang dia, dia tengok kakak dia. Kalau dia tengok kakak dia baling kertas, dia baling kertas. Kalau dia tengok abang dia buat macam itu, dia akan buat macam itu tetapi kalau dia tengok abang dan kakak dia melakukan sesuatu yang terbaik, maka dia akan tiru. Kerana itulah kita memerlukan contoh dalam rumah tangga. Yang sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, kita kehilangan contoh sebenarnya. Dalam banyak segi kita kehilangan contoh dalam rumah tangga. Ibu bapa bercakap tidak benar. Tidak ada contoh. Ibu bapa bercakap kasar. Bagaimana boleh melahirkan persekitaran kita yang baik? Jadi kita mesti pertama sekali mengadakan contoh yang terbaik dalam rumah. Bukan sekadar contoh solat saja. Bukan sekadar contoh membaca Al-Quran saja. Tetapi kita hendaklah mempunyai contoh yang terbaik dalam semua lapangan. Kebersihan, suci dan sebagainya. Jadi itulah kita orang Islam saya melihat...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa cukup.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Ada satu lagi yang saya hendak sebut. Yang ketiga, pelaksanaan undang-undang dan peraturan. Parlimen kita ini sudah begitu banyak mengadakan akta, peraturan tetapi saya rasa barangkali dari segi pelaksanaannya kurang. Saya bersetuju dengan akta ini. Saya baca tadi saya bersetuju dengan mana-mana orang yang melanggar seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan hendaklah

dihukum penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun. Saya setuju dengan undang-undang ini cuma pelaksanaan ini mestilah dilakukan dengan bersungguh-sungguh.

Yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, kita mesti bermula dengan setiap negeri. Saya mengaku kalau bermula dari Wilayah Persekutuan, kemudian turun ke negeri, negeri. Semua mesti diambil kira tentang alam sekitar, mesti jaga dengan baik kerana ia adalah khazanah Allah S.W.T. yang mesti kita warisi dan diwarisi oleh anak-anak kita kemudian daripadanya. Kemudian dari negeri-negeri kepada kampung-kampung, rumah-rumah. Daripada rumah-rumah, peribadi dan daripada peribadi turun, turun sampai kepada akar umbi sehingga kita dapat melihat alam sekitar ini dapat dijaga dengan baik dan insya-Allah dapat diwarisi oleh anak cucu kita kemudian daripada kita. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak panjang dalam perkara ini. Rang undang-undang di hadapan kita ialah antara lain untuk memberi peruntukan yang lebih berat, untuk menghukum kesalahan-kesalahan di bawah Akta Ibu tetapi masalah atau soalan yang ditimbulkan khasnya oleh Yang Berhormat dari Bandar Kuching sangat, tepat. Adakah *political will* supaya peruntukan-peruntukan yang ada dalam rang undang-undang akan dilaksanakan. Kerap kali kita ada pindaan-pindaan atau meluluskan undang-undang mengenai kesalahan tetapi tidak diikuti atau dilaksanakan.

Di sini saya mahu bertanya satu perkara yang amat kukuh, EIA (*Environmental Impact Assessment*) yang begitu kukuh nampaknya pun tidak diikuti oleh Jabatan dan Kementerian yang berkenaan.

■1620

Di sini saya mahu tanya satu perkara yang agak pokok. EIA (*Environmental Impact Assessment*) yang begitu pokok nampaknya pun tidak diikuti oleh jabatan dan kementerian yang berkenaan. Di sini saya mahu tanya kenapa satu projek yang raksasa yang terbesar sekali mungkin ialah mengenai *crude oil pipe line*, projek yang bernilai RM24 bilion melalui tiga negeri iaitu Kedah, Perak dan Kelantan sejauh 312 kilometer dibenarkan untuk mula tanpa EIA.

Beberapa hari lalu ada sepucuk surat yang ditulis kepada Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng mengenai perkara ini apabila beliau ada membangkitkan hal kepada pengarah *environment* Cik Halimah Hassan dan inilah surat daripada Halimah Hassan yang bertarikh 13 Jun, berbunyi "Berdasarkan rekod jabatan ini adalah dimaklumkan bahawa setakat ini laporan penilaian impak kepada alam sekitar bagi cadangan pembinaan saluran paip minyak dari Yan, Kedah ke Bachok, Kelantan belum dikemukakan kepada jabatan ini. Laporan EIA berkenaan akan diumumkan melalui akhbar-akhbar tempatan bagi mendapatkan ulasan awam apabila laporan EIA bagi cadangan projek tersebut telah siap dijalankan dan dikemukakan kepada jabatan ini oleh pihak pemaju kelak."

Tetapi projek ini sudah dimulakan dan oleh kerana berita ini ada diumumkan hari ini dalam *The Sun* kita dapat satu berita daripada syarikat itu. Syarikat itu ialah TPP (Trans Peninsular Petroleum Sendirian Berhad yang kata bahawa adalah *conditional approval* ada diberi. Adakah itu benar? Adakah *conditional approval* diberikan oleh jabatan yang berkenaan atau ini adalah diberikan oleh syarikat TPP sendiri

Adakah TPP ada kuasa politik yang boleh mengatasi jabatan dan kementerian *environment*. Kita tahu bahawa siapa dalam TPP. Ada orang yang satu masa dahulu sangat masyhur iaitu bekas Menteri Besar Kedah Osman Aruf dan dua lagi dalam pengarah yang ada di Syarikat Syed Izar Syed Salleh dan Mohamad Kamil@Rahim Kamil Sulaiman dan syarikat ini bankrap. Satu syarikat bankrap oleh kerana pihak *capital* yang sepatutnya RM150,000 sebenarnya ada *accumulated loses* RM150,376 daripada 30 Jun tahun lalu, sudah bankrap. *Company* yang boleh dapat satu projek bernilai RM24 bilion. Bukankah ini satu skandal yang terbesar? Bagaimana sebuah syarikat yang tidak siapa tahu, tidak ada *track* rekod malah sebenarnya sebuah syarikat yang bankrap boleh mendapat projek *oil pipe line* yang bernilai RM24 bilion melalui Yan ke Bachok?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Nanti paip semua bocor.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, nanti semua bocor. Bukan sahaja Parlimen bocor, paip air pun bocor dan wang rakyat pun bocor. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apabila menjadi Perdana Menteri ada kata mahu satu kerajaan yang bersih, mahu integriti dan dalam satu ucapan tidak lama dahulu dia kata ada tiga perkara yang dia mahu basmikan. Satu ialah *ransacking*. Bukankah ini satu *ransacking*. *The worst form ransacking* di mana satu syarikat yang tidak ada *track* rekod, tidak ada modal menggunakan *contact* atau yang disebutkan oleh negeri China "kuansi". *Connection* sahaja dapat projek itu dan lepas itu pergi *flog* projek itu supaya boleh dapat syarikat-syarikat dan ada pengalaman, ada rekod supaya dapat ini.

Bukankah kita mahu menghentikan amalan yang buruk ini? Tetapi nampaknya ini diamal dan dipraktikkan lagi dan dalam satu projek yang terbesar sekali dalam bukan sahaja negara kita, semasa pemerintahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kita mahu tahu dan bolehkah projek ini *valuable*? Adakah projek ini *visible* iaitu sejauh 312 kilometer melalui tiga negeri yang ada pangkalan-pangkalan nelayan, adalah sawah padi, ada hutan rizab, aktiviti-aktiviti dan populasi-populasi yang *crowded*, masalah tanah dan masalah sosial? Kenapa boleh serta-merta tanpa satu *public consultation*, di mana *state holders* mereka yang terlibat ada peluang dijemput untuk memberi pandangan dijalankan?

Saya harap bahawa Yang Berhormat boleh memberikan jawapan kepada kita. Adakah EIA ada, *conditional approval be given*? Kenapa boleh *conditional approval be given* supaya projek ini boleh dimulakan? Apa jaminan bahawa dalam perkara ini ada *political will* supaya kepentingan *environment* negara kita tidak diketepikan? Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Permatang Pauh.

4.26 petang

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberikan saya peluang membahaskan rang undang-undang pindaan kualiti alam sekeliling. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengemukakan masalah serius yang melibatkan akta kualiti ini kerana penilaian impak persekitaran EIA yang telah dikatakan tadi juga penglibatan rakyat dengan izin *people participation* dan hak rakyat terbabit untuk mendapatkan maklumat atau dengan izin *the right to information*.

Akta alam sekeliling merupakan satu akta yang penting dalam sejarah Malaysia kerana akta tersebut adalah titik permulaan kerajaan menunjukkan komitmennya terhadap isu-isu alam sekitar. Kita harap begitulah. Sama dengan penilaian impak persekitaran (EIA) yang digazetkan pada tahun 80 lagi yang tujuannya ialah untuk meningkatkan pendekatan pencegahan kemerosotan alam sekitar supaya ia tidak menjejaskan kesihatan dan keselamatan rakyat. Tetapi sejak tahun 90an penilaian impak persekitaran telah berubah objektifnya dari satu proses mencegah projek-projek yang tidak bersepadu dengan pemeliharaan alam sekitar menjadi suatu prosedur untuk membuat laporan supaya ia boleh memenuhi syarat-syarat laporan yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar.

Sebagai contoh yang kukuh Empangan Sungai Selangor yang dikemukakan beberapa tahun yang lalu. Ini merupakan satu projek gergasi yang telah dibantah oleh lebih daripada 10,000 orang awam termasuk NGO alam sekitar. Namun demikian EIA untuk empangan tersebut diluluskan walaupun dengan 45 syarat dan syarat-syarat tersebut dirahsiakan pada mulanya sehingga NGO-NGO membuat protes dan proses pembinaan diluluskan. Ini telah menimbulkan persepsi sinis daripada rakyat yang berpendapat bahawa projek-projek besar yang dikatakan disokong oleh kerajaan dan pihak-pihak politik tertentu diluluskan dengan tidak mengambil kira adakah EIA ini, adakah projek-projek baik atau buruk untuk alam sekitar dan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kita boleh menyenaraikan projek-projek gergasi yang mudah mendapatkan kelulusan EIA. Projek Empangan Bakun, Projek Pengaliran Air Pahang-Selangor dan Projek Insinerator Broga. Terdapat juga projek-projek yang jelas membahayakan penduduk dan rakyat. Tetapi kita merasa hairan bagaimana projek-projek ini dapat kelulusan EIA. Contohnya projek Kondo Highland Tower yang runtuh pada tahun 1993 dan 48 orang penduduk telah mati dalam tragedi ini. Projek di Paya Terbung, Pulau Pinang di mana keruntuhan tanah pada tahun 1998 yang serius mengakibatkan 17 kenderaan dikuburkan dan 7,000 penduduk di situ melalui trauma.

Kita harus mengambil pembelajaran dari sejarah, kalau tidak sejarah akan berulang. Tetapi kelihatan pihak berkuasa masih mengetepikan kebimbangan rakyat dalam beberapa projek tertentu. Saya difahamkan bahawa terdapat satu projek perumahan mewah di atas Bukit

Gasing yang besar kemungkinan akan diluluskan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Kementerian Wilayah Persekutuan.

■1630

Walaupun penduduk di sekeliling bukit tersebut langsung tidak bersetuju dengan projek atas sebab-sebab risiko yang besar dan sejarah pembangunan di kawasan bukit. Projek membabitkan bukan segelintir penduduk tetapi beberapa kondominium di sekeliling bukit dari sempadan Petaling Jaya ke Pantai Dalam.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan mesyuarat*]

Bukankah tujuan unggul pihak berkuasa adalah untuk melindungi keselamatan rakyat, harta dan alam sekitar terutamanya di kawasan projek yang berbahaya dan sensitif? Tidakkah pendapat penduduk di persekitaran bukit harus diambil kira sebelum sesuatu projek diluluskan? Tuan Yang di-Pertua, saya juga difahamkan bahawa, laporan-laporan teknikal, pakar-pakar dan laporan EIA dari pihak-pihak terbabit belum dikemukakan kepada penduduk di kawasan tersebut. Sepatutnya semua laporan tidak harus dirahsiakan dan dikemukakan kepada penduduk-penduduk kerana kegelisahan dan soalan-soalan mereka harus diberi jawapan dengan terperinci.

Saya merasa kecewa dengan tindakan pihak berkuasa kerana tidak menunaikan hak asasi rakyat untuk memperoleh maklumat yang sepenting ini. Pihak kerajaan seharusnya mengambil kesempatan untuk mengkaji pendapat penduduk dan tidak dengan izin *bulldoze* projek-projek pembangunan. Akta-akta seperti Akta Alam Sekeliling dan proses EIA merupakan jaminan kerajaan untuk mengekalkan masa hadapan kita. Undang-undang tidak seharusnya dijadikan kata-kata manis sahaja, tetapi objektif dan pelaksanaan diabaikan.

Saya ingin menekankan sekali lagi betapa pentingnya proses penglibatan rakyat dalam mencegah kemerosotan alam sekitar. Kita boleh adakan keseimbangan pembangunan dengan alam sekitar dan kita mesti ingat pembangunan yang bermakna dan bertanggungjawab ialah pembangunan yang mesti menitikberatkan keadaan sosial dan hak rakyat. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Seputeh selepas itu pihak kerajaan menjawab.

4.32 petang

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan bercakap panjang, tetapi beberapa isu yang saya ingin bangkitkan. Nombor satu ialah, kita dengar beberapa Ahli Yang Berhormat berucap berkenaan dengan rang undang-undang ini bercakap tentang peranan PBT. Kita mendapati sebenarnya jikalau kita meneliti kelayakan di kalangan pegawai PBT kita ini, kita akan mendapati sebenarnya mereka yang mempunyai

kelayakan kejuruteraan yang lebih prihatin terhadap alam sekitar itu, sebenarnya tidak begitu ramai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini tidak ada sangkut paut dengan pindaan yang dicadangkan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ini berkenaan dengan macam mana kita boleh mengadakan satu alam sekitar yang berkualiti.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi kita, rang undang-undang pindaan yang kita bincangkan tidak melibatkan...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Kerana kita berbincang dengan isu pentadbiran, pengurusan dan juga penguatkuasaan, ini adalah penting. Saya rasa jikalau tadi Yang Berhormat dari Kudat bercakap tentang pendidikan, tentang alam sekitar harus diberi kepada pendatang asing tanpa izin di Sabah. Sebenarnya saya rasa yang pendidikan tentang kesedaran kepentingan alam sekitar ini haruslah juga disebar di kalangan pegawai penguatkuasaan dan juga pegawai yang meluluskan permohonan projek di kalangan PBT. Macam Presiden MCA, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini tak...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Kita telah banyak kali cakap...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini tak relevanlah. Yang Berhormat perlu belajar sedikit sama Tanjong lah. Cara dia jawab...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ada, ada, ada berkaitan. Ini Presiden Yang Berhormat suka.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cara dia bahas semalamlah, tepat pada Peraturan Mesyuarat 36(1).

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Puteh lari.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tidak, tidak, saya akan patuh kerana dia banyak kali kata, tidak boleh ada projek pembangunan di cerun bukit .

Beberapa ahli: Lereng, lereng.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Lereng, lereng. Di lereng bukit. Di lereng bukit, tetapi semua ini tidak ikut. Kalau kita lihat di kawasan Selangor, Kuala Lumpur, kita masih lihat banyak kondominium masih didirikan di tempat-tempat macam itu. Ini menunjukkan kesedaran tentang masalah ini sebenarnya tidak cukup mendalam di kalangan pegawai kita. Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya pada 2-3 hari yang lepas, kita telah bahas banyak tentang banjir di Kuala Lumpur.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat adakah Yang Berhormat baca...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Kita lihat berapa pokok ditanam? Kualiti alam sekitar...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: ... Ini rang undang-undang (pindaan)?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ada, ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada ya?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya tidak sebut tentang pendatang asing tanpa izin tidak diberi pendidikan alam sekitar, tetapi saya bangkitkan isu yang amat praktikal, amat berkenaan dengan akta ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mungkin praktikal tetapi tidak relevan kepada Rang Undang-undang (Pindaan).

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ini sekarang ucapan dasar. Mereka semua cakap bukan-bukan, sama ada Parlimen boleh hisab peraturan atau tidak...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Peraturan Tuan Yang di-Pertua.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Jadi saya bangkitkan isu yang sangat penting dengan kualiti alam sekitar negara kita.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ini satu tuduhan yang mengatakan Ahli Parlimen lain bercakap bukan-bukan. Dia yang bercakap bukan-bukan, Tuan Yang di-Pertua.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ... Dan juga Yang Berhormat Tangga Batu, tengok...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ini Seputeh, kita bercakap *related, relevant to the topic*...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: ...Seputeh bercakap tidak ada kena mengena dengan rang undang-undang kita.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Isu kawasannya tentang ladang penternakan babi, siapa yang tolong dia? Siapa yang pergi lawat kawasan dia? DAP.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Kita bercakap, kita bercakap tentang pencemaran alam sekitar.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya, betul.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya tidak bercakap tentang ladang ternakan khinzir sahaja. *[Ketawa]*. Saya kata ternakan lembu, ternakan kambing dan ternakan lain.

Seorang Ahli: Ayam, ayam.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat jangan buat tuduhan membabi-buta.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ini lagi jauh Tuan Yang di-Pertua. Biar saya habiskan lima minit.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tidak ada relevan Tuan Yang di-Pertua. Jangan biarkan dia berucap. Gunakan kuasa Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Nanti dia akan bawa kita ke Melaka, ke Tangga Batu, ke banyak tempat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Seputeh boleh gulunglah, gulung.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya, ya, saya akan gulung. Biar saya kata ada dua, tiga *point* yang saya akan bangkitkan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Nyanyi sikit, nyanyi sikit macam Ketereh.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Nyanyi pun boleh tadi...*[Ketawa]*.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Nyanyi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak mengapalah Yang Berhormat, tidak mengapalah.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Nyanyi Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yalah, kenapa Tuan Yang di-Pertua bagi Ketereh menyanyi tadi? *[Ketawa]*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, itu menyanyi mungkin ada berkaitan dengan pindaan. *[Ketawa]* Perasaan. Tunjukkan perasaan. Menyanyi itu ada berkaitan, mungkin ada berkaitan. Tidak apalah.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Seputeh mahu nyanyi juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: lalah. Nanti saya teruskan nyanyian saya.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, itu nyanyi ada berkaitan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Apa nyanyi?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Kerana kau orang yang hendak jadi macam ular hendak makan katak. Kau orang hendak ambil tanggungjawab. Itu sebab dia nyanyi tadi itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Kita semua kena jadi macam ular, ambil *responsibility*. Makan katak itu. Tidak ada tuding, tuding jari tuduh orang, pembangkang tuduh kerajaan, itu tidak ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak adalah.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Kita mahu jadi macam ular itu.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Lagi tidak berkaitan. Tuan Yang di-Pertua, you bagi saya habiskan ucapan saya. *[Ketawa]*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, baiklah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya cakap tadi tentang banjir, kita lihat banyak pokok ditebang. Bukankah ini satu tanggungjawab kepada PBT dan juga Jabatan Alam Sekitar bahawa lebih pokok haruslah ditanam. Bila ada projek perumahan mereka juga dikehendaki untuk menanam pokok sebanyak yang boleh. Kita haruslah ada satu jabatan yang memantau penghijauan kawasan perumahan..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Rembau sudah berucap dalam hal ini.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Apa itu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Rembau sudah berucap. *[Disampuk].*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Itu, itu *point* dia. Dia kata kawasan dia tidak cukup hijau, saya kata Kuala Lumpur lagi teruk. Ini *concrete jungle*, tidak ada pokok pun.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Dia nyanyi lagu sama, dia nyanyi lagu sama tak? *[Ketawa].*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Yang di-Pertua, kita lihat juga dari segi perancangan desa dan juga bandar macam di Kuala Lumpur, selalunya perancang bandar kita tidak mengambil kira tentang perancangan yang lebih menyeluruh. Misalnya di kawasan Puchong. Kita lihat beberapa tahun yang lepas, tiba-tiba DBKL hendak dirikan *incinerator* di kawasan yang begitu padat dengan penduduk di sana. Selepas semua bantahan dikemukakan, *incinerator* itu dipindahkan ke Semenyih sana dan selepas itu projek dibatalkan. Selepas isu *incinerator* diadakan di sana, kita pada tahun lepas atau dua tahun yang lepas, tiba-tiba ada satu *rubbish transfer station* di Puchong. Selepas itu penduduk di sana bantah lagi. Jadi semua ini menunjukkan ini perancangan yang agak *ad-hoc* yang mana juga telah menunjukkan yang sebenarnya perancang bandar kita, PBT kita tidak mengambil kira tentang masalah alam sekitar dan juga penghijauan bandar kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak soal tentang satu isu. Sejauh manakah Jabatan Alam Sekitar boleh melaksanakan kuasa mereka? Selalunya bila ada penduduk membuat aduan kepada Jabatan Alam Sekitar mereka lihat Jabatan Alam Sekitar memang ada hantar pegawai pergi tengok keadaan, ada keluarkan surat, tetapi mereka macam tidak ada kuasa untuk menghentikan macam kilang yang mengeluarkan asap yang mencemarkan udara. Saya bagi satu contoh yang mana saya pernah bangkitkan di Parlimen dan itu mengenai kilang batu-bata LDV Kerling Sdn. Bhd. di Jalan Air Panas, Kg. Baru Air Panas, Kerling Hulu Selangor. Dalam isu ini, sebenarnya penduduk telah banyak kali membuat aduan kepada Jabatan Alam Sekitar malah sampai mereka ada sampai di Putrajaya.

■1640

Dalam sidang yang lepas saya juga tanya satu soalan lisan kepada Kementerian Alam Sekitar dan jawapan yang saya terima itu ialah bahawa Jabatan Alam Sekitar telah

mengeluarkan surat amaran kepada mereka dan pada bulan Mac mereka sudah pergi buat satu lawatan tapak, tetapi sehingga hari ini kami masih terima aduan daripada penduduk sana bahawa kilang itu tetap mengeluarkan asap yang mencemarkan udara di situ. Jadi ini menunjukkan banyak aduan mungkin dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar tetapi mereka kelihatan tidak ada kuasa untuk menghentikan operasi dan selalunya kilang yang mencemarkan udara ini merosakkan kualiti alam sekitar ini masih terus dibenarkan.

Satu isu yang saya tanya berapa kuasa kita beri kepada Jabatan Alam Sekitar dan juga satu lagi isu tentang Jabatan Alam Sekitar ialah tentang laporan EIA. Adakah laporan EIA itu *confidential*? Adakah itu satu dokumen rahsia rasmi, OSA kah? Macam bila isu aduan tentang Projek Kuala Lumpur – Putrajaya *Highway* dibangkitkan. Penduduk pergi ke Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan hendak baca laporan EIA.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Mereka dikatakan, okey *you* boleh baca tetapi tidak boleh fotostat. Jadi saya kata kalau saya hendak fotostat beberapa muka sahaja bolehkah?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tangga Batu apa dia?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Dia kata perlu tulis surat kepada Pengarah Jabatan Alam Sekitar Putrajaya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Tangga Batu bangun.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Penjelasan sedikit Yang Berhormat bagi Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya hendak tanya adakah laporan EIA ini satu dokumen *confidential*, kerana kalau kita baca Akta Kualiti Alam Sekitar, ia sebenarnya tidak sebut ia adalah satu dokumen rahsia. Ya, silakan.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Seputeh. Laporan EIA ini... Saya ingin minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya ingin mencadangkan supaya tidak payah tanya soalan sebab tidak relevan kepada rang undang-undang.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tidak, ada kena-mengena sedikit-sedikitlah Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak kena-mengena dengan rang undang-undang.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Penjelasan saya ialah adakah Yang Berhormat boleh bersetuju dengan saya, jika dalam salah satu daripada kategori ataupun elemen laporan EIA itu dimasukkan impak kepada sosial, sosial impak. Di mana mengambil kira jika

berlaku pembangunan ia akan menjejaskan pendapatan, kegiatan ekonomi di satu kawasan tersebut dan ini perlu diberi perhatian. Ini pun juga untuk alam sekitar. Dekat sini saya setuju sedikit dengan Seputeh, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat saya tidak nafi tetapi bukan semua perkara berkaitan dengan alam sekitar ada bersangkutan-paut dengan rang undang-undang yang sedang dibincangkan.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Betul, betul Tuan Yang di-Pertua kalau Seputeh cakap memang tidak betul, saya cakap betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah sama-samalah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ini tipikal Ahli Parlimen UMNO. *You must not oppose*, semua dia cakap itu betul sebenarnya cakap dia salah. Tuan Yang di-Pertua akhir sekali saya sebenarnya hendak bangkitkan tentang laporan EIA ini macam bila stesen pemindahan sampah yang sepatutnya didirikan di Puchong itu dibangkitkan lagi. Okey bila penduduk pergi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat perkara itu boleh kita bangkitkan ... Yang Berhormat boleh bangkitkan semasa berpeluang lagi.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Bukan laporan EIA memang dalam akta ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dewan belum bubar lagi, Yang Berhormat boleh berucap lagi.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya, ya. Akhir sekali, bila penduduk pergi hendak minta laporan EIA mereka dikehendaki bayar RM1,000 untuk satu naskhah laporan EIA, siapa mampu? Jadi saya rasa adakah – okey, selalunya kita lihat bila satu laporan EIA itu telah keluar ia akan dipamerkan di tempat awam bagi orang ramai untuk menyemak data dalamnya, tetapi adakah ia perlu dijual dengan harga yang begitu mahal dan adakah ia perlu dilayan seperti satu *confidential* dokumen satu dokumen OSA sehingga ramai orang tidak ada access terhadap dokumen seperti ini.

Jadi, saya hanya hendak cadangkan supaya lebih kuasa diberikan kepada Jabatan Alam Sekitar bagi pegawai mereka dan saya juga berharap isu seperti yang penutupan permintaan terhadap laporan EIA ini, Jabatan Alam Sekitar harus diberi kepada mereka yang minta. Mungkin kita boleh hadkan kepada Persatuan Penduduk atau sesuatu jawatankuasa secara percuma dan tidak harus layannya sebagai dokumen rasmi yang tidak mengumumkan apa-apa maklumat kepada mereka. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sila.

4.44 petang

Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Sazmi bin Miah]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat seramai lebih daripada 30 orang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Hah?

Dato' Sazmi bin Miah: .. 31 orang yang berucap di dalam perbahasan Rang Undang-undang Akta Kualiti Alam Sekitar (Pindaan). Jadi saya tidak bolehlah hendak sebut semua isu-isu yang telah dibangkitkan kerana kebanyakan isu-isu yang dibangkitkan itu sama ada di luar daripada akta yang kita bentangkan ataupun di luar daripada tajuk yang perlu kita bincangkan. Akan tetapi saya merasa amat bangga dan saya berasa amat berterima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangkit dan membahaskan isu-isu alam sekitar tersebut.

Ini kerana pada pandangan pihak kami, Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun sedar akan betapa pentingnya alam sekitar ini dan tanggungjawab adalah bukan hanya terletak di bahu kerajaan sahaja malahan ianya terletak di semua bahu kita sebagai pemimpin, sebagai rakyat dan tidak kira di mana kita berada dalam negara kita. Jadi ini yang baik jadi sebab itulah saya mengucapkan ribuan terima kasih. Apa-apa yang berkenaan alam sekitar yang disebut di dalam Dewan yang mulia ini, saya terima sebagai satu cadangan, saya terima sebagai satu komen, saya terima sebagai salah satu cara untuk kami yang ditugaskan untuk menjaga kepentingan alam sekitar negara kita ini hendak buat kerja lebih baik lagi. Jadi walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, saya akan tetap membincangkan beberapa perkara dan menjawab beberapa persoalan yang telah dikemukakan.

Ini memandangkan kerana pindaan yang dicadangkan pada kali ini adalah bagi menetapkan hukuman penjara mandatori terhadap kesalahan pelupusan buangan terjadual secara haram dan untuk memasukkan Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat sebagai seorang yang bertanggungjawab bagi kesalahan yang dilakukan bagi pertubuhan ataupun perbadanan. Ini adalah komitmen berterusan kerajaan bagi menjamin persekitaran yang bersih, sihat dan selamat. Pada masa ini kementerian berpandangan bahawa hukuman penjara mandatori dan denda sebanyak tidak lebih daripada RM500,000 sudah memadai bagi memberi pengajaran pada pihak industri dan orang awam bagi membendung aktiviti pelupusan sisa toksik secara haram.

Ada yang dibangkitkan berkenaan dengan IKS yang kecil dan sederhana yang tidak mampu mungkin kerana denda yang terlalu tinggi dan sebagainya. Memang betul, undang-undang tidak mengira sama ada IKS itu kecil atau besar, industri besar dan sebagainya. Ini sebab kalau kita tengok katalah industri yang kecil sekalipun, katalah toksik yang dibuang di dalam sungai mengandungi bahan-bahan yang boleh membunuh dan sebagainya - jadi mereka tidak akan terlepas, kita terpaksa mengambil tindakan. Kita tidak ada *ratio* dari segi yang kecil kita kecilkan saman dan sebagainya sebab kesalahan tetap kesalahan tetapi di dalam budi bicara

penghakiman mungkin akan ada tetapi itu tidak boleh kita masukkan di dalam undang-undang. Ada juga yang membangkitkan berkenaan dengan...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Seputeh.

Dato' Sazmi bin Miah: Sekejap, ada yang membangkitkan berkenaan dengan yang membawa kematian. Undang-undang kita tidak *cover*, tidak memasukkan perkara itu sebab ianya telah pun ada yang menyebabkan kematian di dalam seksyen 302 Kanun Keseksaan sudah ada, dan di samping itu seksyen 121 Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 pun ada yang memperuntukkan hukuman mati bagi pihak yang mencemarkan alur air sehingga menyebabkan kematian. Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Yang di-Pertua, minta maaf ya saya hendak tanya soalan saya 50, Soalan Lisan itu sampai sekarang saya pun belum terima jawapan dan semua pemberita tengah tunggu jawapan ini. Jadi saya ingin minta bantuan Yang Berhormat supaya meminta pegawai mempercepatkan sistem penyampaian jawapan saya kepada saya kerana semua sedang tunggu. Terima kasih ya, minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan pada masa untuk soal jawab soalan itu. Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Sazmi bin Miah: Saya ingat adalah kena-mengena dengan alam sekitar 50 soalan pula. Tuan Yang di-Pertua, isu penguatkuasaan banyak dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan kerajaan sentiasa berusaha bagi memastikan program penguatkuasaan ini berkesan untuk mencegah pelupusan haram, barangan berjadual. Ini berdasarkan kes-kes pembuangan haram yang telah dihadapkan mahkamah pada setakat ini, denda dan hukuman yang dikenakan adalah di antara RM3,000 hingga RM280,000. Di samping itu...

■1650

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Penjelasan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tanjong.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Tadi Yang Berhormat ada memberi ulasan kepada perkara yang saya bangkitkan dalam perbahasan iaitu ada dalam *Water Services Act* dan juga *Penal Code* bahawa pihak-pihak yang didapati mencemarkan sumber air memang ada hukuman mati dan penjara 20 tahun. Jadi saya ingin tahu pihak ataupun agensi mana yang akan mengendalikan kerja penyiasatan apabila terima satu aduan. Apakah Jabatan Alam Sekitar akan juga melakukan siasatan dan selepas itu apabila didapati *charge* itu lebih sesuai untuk dibawa melalui Kanun Keseksaan ataupun Akta Perkhidmatan Air, jabatan ini akan menyerahkan kepada pihak-pihak yang berkenaan untuk membawa pendakwaan apakah mekanisme untuk membawa kesemua pihak agensi-agensi yang terlibat khusus untuk menangani perkara ini dan peranan yang boleh dimainkan oleh Jabatan Alam Sekitar.

Dato' Sazmi bin Miah: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Seksyen 302 dan Seksyen 121 Akta Industri Perkhidmatan Air ini bukan di bawah Jabatan Alam Sekitar. Akan tetapi apabila sisa-sisa tersebut, sisa toksik dan sebagainya yang keluar daripada punca tetap ataupun *fixed source*, ada sebuah kilang yang kita tahu mengeluarkan hasil *effluent* ke dalam sungai. Kita akan ambil *sample* membuat penyiasatan terperinci terhadap *sample-sample* tersebut sama ada *sample* ini mengandungi toksik yang berlebihan dan sebagainya.

Jadi apabila kita telah mendapat bukti-bukti yang kukuh bahawasanya kilang ini *the fixed source* ataupun dengan izin yang mengeluarkan bahan buangan tersebut boleh dikenakan tindakan seperti yang saya cakap tadi, lima tahun penjara ataupun RM500 ribu apabila didapati bersalah, mungkin kalau ada yang menyebabkan kematian hasil daripada yang kita telah buktikan tadi akan mendakwa, pihak yang menguatkuasakan Akta 302 tadi akan mendakwa pihak kilang tersebut. Jadi ini dia ada *pre-requisite* dia, maksudnya kita dengan Jabatan Kimia akan menentukan sama ada bahan tersebut adalah toksik ataupun tidak. Jadi menerusi pindaan ini, kerajaan juga berharap penjara lima tahun dan RM500 ribu ini akan menjadi *deterrent* kepada semua pihak supaya mereka menguruskan buangan terjadual mereka dengan lebih sempurna. Dari segi penguatkuasaan sebenarnya kita tidak mahu menyatakan bahawasanya penguatkuasaan ini adalah kerana kita tidak ada kakitangan dan sebagainya. Itu bukan menjadi alasan kita.

Kita tidak pernah mengatakan bahawasanya kekurangan kakitangan menyebabkan kita tidak membuat penguatkuasaan. Tetapi salah satu sebab ialah mungkin kerana kita tidak mempunyai cukup kakitangan. Ada yang bertanyakan berkenaan dengan *ratio*, penguatkuasaan bagi barangan terjadual ini dengan jumlah kilang yang ada. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kita mempunyai 40 orang pegawai yang khusus untuk menguatkuasakan kilang-kilang yang boleh mengeluarkan hasil sisa toksik ini dan kita mempunyai, ini kilang-kilang yang tidak haram yang berdaftar, kita mempunyai 9,117 kilang. Jadi *ratio* dia...

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kuala Krai.

Dato' Sazmi bin Miah: Sekejap. Jadi *ratio* dia ialah lebih kurang satu orang untuk menjaga 230 buah kilang.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen. Saya tertarik apabila Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengatakan kita cukup kakitangan, kita tidak kata kita tidak cukup kakitangan. Tetapi, apa yang berlaku, mereka- yang pergi melihat sesuatu yang telah diadakan umpamanya JPS, sungai tertimbus menyebabkan rakyat tidak dapat duduk dengan kerana sesuatu gangguan daripada hasil timbunan sungai dan sebagainya, tetapi diam. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat kalau perkara ini yang menyebabkan rakyat tidak dapat keputusan kerana pegawai-pegawai pergi dengan tidak ada keputusan, tidak ambil tindakan. Ini yang menyebabkan kita

selaku wakil rakyat jadi sentiasa didatangi dan bertanya apakah keputusan umpamanya yang berlaku di kawasan saya baru-baru ini di Parlimen Kuala Krai, satu kawasan sungai telah ditimbus menyebabkan air bertakung beberapa rumah telah tidak dapat diduduki dengan sempurna, terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Sazmi bin Miah: Terima kasih Ahli Yang Berhormat Kuala Krai. Saya tidak kata kita tidak cukup kakitangan kerana memang kita pergi melawat Yang Berhormat di Kuala Krai? Jadi kita cukup kakitangan, mungkin kita tidak cukup wang, sebab itu kita tidak buat. Tetapi dari segi kakitangan memang mencukupi. Kalau ada aduan dan sebagainya, kita pergi tengok dan kita pergi membuat pemerhatian ambil tindakan, tetapi dari segi hendak minta peruntukan dan sebagainya, kadang-kadang kita bergerak mengikut peruntukan yang diberi. Kadang-kadang di luar jangka yang kita tidak jangka sungai itu timbus dan sebagainya, kita terpaksa memohon peruntukan yang baru dan ini kadang-kadang mengambil masa. Jadi saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat seharusnya lebih prihatin di kawasan masing-masing untuk membuat laporan dan sebagainya kepada pihak alam sekitar sekiranya berlaku kes-kes sebegini.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Bagan.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menanya kepada Yang Berhormat sekiranya ada berlakunya kebakaran terbuka oleh kontraktor-kontraktor pembinaan dan mereka ini sangat pandai. Mereka pilih waktu malam atau cuti am untuk membakar. Bagaimana kita hendak melaporkan kepada jabatan, sekiranya ini berlaku dan sering kali apabila kita membuat satu laporan kepada jabatan, maka pegawai ada pergi tengok tetapi tidak ada keputusan seperti apa yang dikatakan oleh Kuala Krai. Nampaknya juga ada orang mendakwa bahawa sudah *kautim* apabila dia pergi tengok sana kerana denda tinggi sangat sampai RM20 ribu, terima kasih.

Dato' Sazmi bin Miah: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Saya minta semua Ahli Yang Berhormat catat nombor ini. Jabatan Alam Sekitar punya *careline*, 1-800-2727. Dibuka setiap hari daripada pukul enam pagi hingga 11 malam, bukan 24 jam lagilah. Jadi ini adalah nombor Jabatan Alam Sekitar, *careline* boleh buat laporan kalau ada orang bakar dan sebagainya. Tetapi kita mempunyai beberapa masalah sebenarnya Yang Berhormat. Dari segi untuk menangkap mereka-mereka yang mencemar alam sekitar ini, sama juga asap hitam ke yang keluar, pembakaran terbuka ataupun yang melepaskan bahan-bahan ke dalam sungai dan sebagainya.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Nombor sekali lagi Yang Berhormat, nombor sekali lagi.

Dato' Sazmi bin Miah: 1-800-2727 dan ini adalah *toll free*, kita tidak membebankan rakyat. Jadi apabila sesuatu pembakaran berlaku ataupun sesuatu *discharges* dengan izin ke dalam sungai ataupun asap hitam dan sebagainya, dia masalah undang-undang kita ini, kita

hendak kena tangkap kena ada *evidence* di situ, hendak kena, puncanya kita kena tahu. Apabila sesuatu benda macam dibuang ke dalam sungai, masalah kita apabila bercampur dengan sungai, kita hendak buktikan bahawasanya air sungai itu dicemari oleh sesuatu benda daripada sesuatu punca yang sah. Yang maksudnya kita boleh letak kilang ini, si polan-si polan. Itu amat susah sekali. Sama juga pembakaran terbuka dan sebagainya. Apabila kita pergi.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen. Saya ingat satu agenda yang sangat penting dalam isu alam sekitar ini ialah kerjasama dan permuafakatan rakyat ataupun penduduk di peringkat akar umbi. Mereka ini yang paling dekat dan mereka ini yang selalu menjadi mangsa. Oleh kerana itu, saya ingin bertanya, setakat ini daripada laporan-laporan yang diberikan oleh rakyat di akar umbi, berapa ramai yang telah membuat laporan, itu satu. Yang keduanya ialah saya ingin mencadangkan, ini sudah biasa sekarang ini hendak mengerakkan orang ini ada dua elemen, satu ganjaran satu dendaan. Jadi boleh tidak saya mencadangkan supaya mana-mana rakyat, orang di akar umbi yang hendak buat laporan itu, kalau benar laporan itu, mereka diberikan satu benda hadiah ataupun sugu hati. Jadi ini akan memberi satu insentif ataupun motivasi kepada penduduk. Terima kasih.

■1700

Dato' Sazmi bin Miah: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat. Itu kita kira cadangan-cadangan yang boleh kita fikirkan, boleh kita ambil kira seperti cadangan imbuhan, kita boleh guna seksyen 36B di mana kita boleh buat tabungan alam sekitar dan memberi imbuhan seperti dalam Jabatan Perhutanan yang memberi imbuhan kepada pemberi-pemberi maklumat sehingga yang diberi maklumat itu ditangkap, dituduh dan didapati bersalah, dia akan dapat insentif seperti juga PERHILITAN yang kita ada.

Ini kita akan cuba perkuatkan di dalam Jabatan Alam Sekitar kerana ramai yang memberi cadangan tersebut tetapi ia tidak akan menyelesaikan semua masalah. Ahli-ahli Yang Berhormat kena ingat, ia mungkin akan membuka permasalahan yang baru tetapi kita cubalah buat yang terbaik. Yang Berhormat bagi Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Tadi saya dengar Yang Berhormat mengatakan pihak kementerian mempunyai 40 pegawai penguat kuasa. Ini memang tidak cukup. Ia mesti ditambahkan dengan pegawai yang terlatih. Apakah masalah yang sebenarnya? Walaupun kita perlu bukti yang cukup dan mungkin saksi untuk mengesahkan pencemaran buangan sisa toksik ini, tetapi apakah masalah apabila kita nampak di kawasan-kawasan kediaman seperti di Jinjang, nampak kilang yang besar yang beroperasi bertahun-tahun dan mencemarkan alam sekitar di situ. Nampaknya pihak berkuasa tempatan

ataupun kementerian tidak mengambil tindakan untuk memindahkan kilang-kilang ini daripada kawasan kediaman. Apakah masalah yang sebenarnya?

Satu lagi, bolehkah Yang Berhormat mengkaji daripada 144 pihak berkuasa tempatan ini sama ada mereka mempunyai kaedah ataupun penguat kuasa yang cukup. PBT sendiri yang keluarkan ataupun jadi pembuang sampah. Seperti bila pihak PBT memotong rumput ataupun ada kontraktor yang memotong rumput, bertahun-tahun saya nampak, apabila dia menggunakan mesin itu dengan mata ataupun daun mesin yang dibuat daripada plastik itu, dia buang plastik ini ikut kehendak dia sahaja di tiap-tiap tempat di taman-taman dan sebagainya. Saya pun hairan apakah tindakan yang akan dan telah dibuat oleh pihak kementerian untuk menghalang pihak PBT membuang sampah.

Dato' Sazmi bin Miah: Terima kasih, Yang Berhormat. Sebenarnya banyak penguatkuasaan alam sekitar ini bertindih dengan kementerian-kementerian lain juga termasuklah PBT, kerajaan negeri dan sebagainya. Macam masalah untuk memindahkan kilang dan sebagainya, kita tidak ada kuasa untuk memindahkan kilang yang ada, yang mencemarkan kawasan sekeliling dan sebagainya. Kita cuma ada kuasa untuk memberi perakuan kepada pihak berkuasa tempatan dari segi kesesuaian. Cuma masalah kerajaan tempatan pun kadangkala kilang tersebut pun beroperasi lebih daripada 50 tahun, 30 tahun atau 40 tahun di mana kawasan kediaman semakin menghampiri kawasan-kawasan tersebut. Jadi untuk memindahkan sesebuah kilang ke tempat lain, ini dari segi sosial pula, dari segi kewangan, *business* dan sebagainya. Saya cuma berharap bahawasanya kerjasama yang lebih baik di antara PBT dengan Jabatan Alam Sekitar ...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: [Bangun]

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Lipis dan Tangga Batu bangun.

Dato' Sazmi bin Miah: Yang Berhormat bagi Lipis dan Yang Berhormat bagi Tangga Batu, tunggu sekejap. Supaya satu undang-undang yang lebih jelas boleh dibuat dan satu undang-undang yang kita panggil *concurrent list* di antara negeri, di antara pihak berkuasa tempatan dan federal boleh kita jalankan kerjasama. Ini *in the pipeline*. Insya-Allah kita akan *consider*.

Dari segi sampah, ini pun kita nampak masalahnya. Maksudnya sampah dalam sungai itu, contohnya Sungai Klang, hari-hari kita angkat sampah terampai (*solid waste*) di Sungai Klang ini sebanyak 200 tan. JPS tidak ada kuasa untuk menguatkuasakan dari segi orang membuang sampah. Tidak ada. Semuanya di bawah PBT. Yang buang sampah ke dalam sungai itu sebanyak 200 tan hari-hari, JPS angkat sampah, buang. Kita ada kren besar di setiap *logboom*, untuk buang sampah setiap hari.

Kita juga ada cadangan drastik di mana kita sedang berbincang di peringkat kementerian supaya Sungai Klang yang melalui daerah Gombak, Kuala Lumpur dan Klang dan sebagainya kita boleh letakkan perangkap sampah di setiap *boundary* PBT-PBT berkenaan dan kita tengok siapa yang paling banyak buang sampah ke dalam sungai. Kita tidak boleh menguatkuasakan undang-undang siapa yang membuang sampah. Kita tidak boleh tangkap, yang boleh tangkap ialah PBT - yang ada buang puntung rokok dan buang sampah didenda RM500 dan sebagainya. Itu PBT tetapi kita tidak boleh kacaulah hak dia. Ini kita akui ada kelemahan dan kita berusaha ke arah untuk membetulkan keadaan.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya rasa itulah masalah yang paling besar yang perlu dihadapi oleh pihak kementerian supaya ada bentuk koordinasi.

Yang Berhormat menyebut tentang kuasa terhadap kilang-kilang yang telah membudayakan cara hidup yang kurang sihat sehingga mencemarkan alam sekitar di sekeliling kawasan premis kilang. Saya percaya ada satu lagi kuasa mungkin pihak kementerian Yang Berhormat boleh menjadi ketua iaitu DOSH (*Department of Occupational Safety and Health*) yang mengawal selia perkembangan kesihatan di kilang-kilang ini. Mungkin di situ Yang Berhormat, kita boleh bekerjasama bagaimana pihak Jabatan Alam Sekitar, pihak Yang Berhormat dengan... Ha, ada pun Timbalan Menteri Sumber Manusia di sini [*Memandang ke arah tempat duduk Timbalan Menteri Sumber Manusia*], berbincang dengan *detail* untuk menyelesaikan masalah ini supaya dapat dinikmati bersama kemesraan alam itu. Terima kasih.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Berbalik kepada mengenai kepegawaian yang ada 40 orang tadi. Saya percaya Tuan Yang di-Pertua, 40 orang pegawai ini ditempatkan di tempat-tempat yang banyak kilang dan sebagainya. Jadi sejauh mana pihak kementerian menggunakan khidmat pembantu atau sahabat-sahabat secara sukarela yang mungkin berada di merata negara yang cepat sampai ke tempat kejadian. Kadangkala mungkin ada laporan tetapi oleh kerana pegawai itu duduk di tempat-tempat yang berjauhan, dia tidak sempat sampai ke tempat kejadian pada masa dan mengambil *evidence* tepat pada waktunya. Contohnya kalau kumbahan atau bahan-bahan terjadual ini dibuang ke dalam air mungkin cepat larut, tetapi kalau ada sahabat yang berdekatan dia boleh ambil sejauh mana perkara ini berlaku. Mohon penjelasan.

Dato' Sazmi bin Miah: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Itu bentuk kerjasamalah yang kita boleh lakukan dengan kementerian dan jabatan-jabatan yang lain. Ini cadangan yang kita akan ambil perhatian. Berkenaan dengan sahabat ataupun sukarela ini, Yang Berhormat bagi Lipis, ini sepatutnya bab yang lagi satu itu. Sekejap lagi saya akan bercakap berkenaan dengan cadangan kita untuk menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa di peringkat Parlimen dan DUN yang mana Ahli Parlimen akan terlibat, ADUN akan terlibat, JKKK

akan terlibat dan kita ada beri sedikit untuk Ahli-ahli Parlimen dan ADUN-ADUN untuk menjalankan kegiatan dan aktiviti.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:
[Bercakap sesuatu sewaktu berjalan melalui tempat duduk Yang Berhormat Dato' Sazmi bin Miah]

Dato' Sazmi bin Miah: *[Ketawa]* Jadi, susah saya. Menteri Parlimen lalu tadi, dia ada satu komen saya pun tersenyumlah. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga, bagi meningkatkan lagi keberkesanan pengurusan pembuangan terjadual di Malaysia, Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 1989 telah pun dipinda dan diganti dengan Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005. Peraturan 2005 itu juga telah pun dipinda pada tahun 2007 antara lain dengan mengkaji senarai buangan terjadual yang memasukkan e-waste sebagai sebahagian daripada buangan terjadual dan memasukkan peruntukan tentang kuantiti buangan yang boleh disimpan di dalam premis kilang sebanyak 20 tan metrik dan tempoh penyimpanannya dihadkan kepada 180 hari.

■1710

Dari semasa ke semasa kita mengubah peraturan, kita mengikut keadaan maksudnya sekiranya ada satu jenis bahan toksik yang baru kita akan serta-merta masukkan ke dalam *list* adapun senarai yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini menyambut baik cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat supaya menambah kakitangan yang terlatih. Seperti yang telah saya cakapkan tadi, kita mempunyai 40 orang penguat kuasa yang khusus untuk buangan terjadual ini dan untuk keseluruhan penguatkuasaan kita mempunyai lebih daripada 400 sebenarnya jadi 10% daripada adalah khusus untuk barangan terjadual dan 9,000 yang mengeluarkan toksik dan lebih kurang seluruh Malaysia kilang kita pantau ialah 35,000 buah kilang.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Saya mencelah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Setiausaha Parlimen. Saya ucapkan terima kasih kepada kementerian kerana perhatian tentang pertambahan kakitangan dan sebagainya tetapi hakikatnya dalam dunia ini kadang-kadang berlaku penyelewengan, ketidakjujuran yang dilakukan oleh sebahagian daripada sama ada kakitangan ataupun bahagian penguat kuasa.

Saya kasihan dengan kementerian dan saya ucapkan terima kasih kerana banyak usaha dibuat untuk membantu masyarakat dalam menghadapi masalah ini tetapi saya ingin bertanya kerana banyak kadang-kadang ada tempat yang berlaku apakah ada berlaku dalam kementerian ini sebahagian daripada kakitangan ataupun bahagian penguat kuasa ini yang telah melakukan ketidakjujuran kerana kalau kita dengar kadang-kadang ada isu yang sudah lama berlaku tetapi terbiar tidak ada ambil tindakan.

Yang ini sebenarnya bukan sahaja merugikan jabatan atau kementerian tetapi menjatuhkan imej kementerian sendiri kalau benda ini berlaku saya minta supaya kementerian dapat mengambil tindakan sama ada memilih kakitangan dan penguatkuasaan (*enforcement*) bahagian penguat kuasa yang betul-betul sedar bahawa mereka bertanggungjawab dalam membantu negara kita dari segi alam sekitar. Terima kasih.

Dato' Sazmi bin Miah: Terima kasih Yang Berhormat. Secara rasminya rekod yang kita ada memang kita tidak mempunyai rekod yang diambil tindakan oleh Badan Pencegah Rasuah dan sebagainya. Walau bagaimanapun memang kita ada juga mempunyai aduan-aduan tertentu daripada pihak-pihak tertentu yang berupa aduan-aduan secara lisan atau aduan yang tidak mempunyai bukti yang kukuh. Kita juga ada membuat siasatan dalaman tetapi alhamdulillah secara majoritinya kakitangan penguatkuasaan Jabatan Alam Sekitar dan jabatan-jabatan di bawah kita masih lagi mempunyai integriti yang tinggi.

Kakitangan kerajaan yang ada masih lagi mempunyai hasrat untuk melihat alam sekitar kita menjadi lebih baik. Mungkin ada sedikit, mungkin ada sebab ini rungutan daripada orang ramai, insya-Allah saya akan mengambil perhatian nyata serius terhadap laporan-laporan yang akan diberi kepada saya, sebolehnya laporan bertulis kepada siapa dan saya boleh ambil tindakan tetapi alhamdulillahlah *so far so good*. Insya-Allah sebab saya percaya kalaulah berleluasa kejadian rasuah dan sebagainya mungkin negara kita akan hancur lebur. Saya rasa tidak berleluasa dan cuma mempunyai sedikit sebanyak sahaja yang begitu.

JAS juga telah mengambil tindakan proaktif dengan mengadakan penguatkuasaan secara bersepadu dalam banyak seperti menguatkuasakan kenderaan bermotor dengan pihak JPJ dan pihak polis manakala mencegah pencemaran marin, JAS telah mendapat kerjasama daripada APMM iaitu Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Jabatan Laut dan Polis Marin.

Di dalam menguatkuasakan pencemaran udara JAS juga telah mendapat kerjasama pihak polis udara manakala pihak RELA telah memberi kerjasama dalam program penguatkuasaan untuk mencegah aktiviti pembakaran terbuka dan pelupusan haram pembuangan terjadual. Kerjasama juga diperoleh daripada PBT yang sebagai contoh dalam penguatkuasaan pencemaran daripada kilang-kilang dalam kawasan PBT di Pasir Gudang dan juga PBT yang lain di Malaysia. Ada juga PBT yang tidak memberi kerjasama yang baik. Ada yang lebih baik daripada PBT yang lain sebab kita tidak mempunyai suatu standard ataupun suatu *guide line* ataupun suatu model di mana penguatkuasaan bersama boleh dibuat seperti yang telah saya cakapkan tadi pembuangan sampah ...

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Tebrau.

Dato' Sazmi bin Miah: Ya, Tebrau.

Tuan Teng Boon [Tebrau]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya tentang PBT, penguatkuasaan

PBT dalam kelulusan setiap projek pembangunan perumahan, biasanya besar, berbeza daripada 400 ekar sehingga 1,600 ekar misalnya di kawasan saya sebanyak 16 itu. Banyak yang besar-besar. Lebih daripada 500 hingga 1,600 ekar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini PBT.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Ya, PBT. Saya hendak tanya tentang ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini Alam sekitar.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: ... ya alam sekitar. Saya hendak tanya tentang penguatkuasaan EIA. EIA itu adakah dia mewajibkan pemaju-pemaju projek-projek perumahan itu apabila mereka menebang pokok-pokok secara besar-besaran itu untuk pembinaan perumahan. Adakah mereka diwajibkan menanam semula pokok-pokok yang telah ditebang itu.

Kalau kita terus membenarkan pemaju-pemaju menebang pokok-pokok begitu sahaja tanpa memulihkan pokok-pokok yang telah ditebang itu saya rasa dia punya impak kepada *environment* itu amat serius.

Dato' Sazmi bin Miah: Terima kasih Yang Berhormat Tebrau, walau pun terkeluar sedikit daripada toksik *waste*, saya cuba jawab yang EIA ini. Keluasan hendaklah lebih daripada 50 hektar, pemaju hendaklah menyediakan laporan EIA dan laporan EIA ini sebelum kelulusan oleh laporan EIA ini adalah syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh pihak pemaju, sebelum, semasa dan selepas melakukan pembangunan tersebut.

Selepas kelulusan EIA diberi, kita minta Environment Management Plan (EMP) pula cara dia hendak buat kerja dan sebagainya sekiranya semua syarat-syarat dipatuhi. Jadi di antara syarat-syarat itu seperti Yang Berhormat kata tanam pokok semula, apa semua itu, itu sebahagian daripada yang perlu kepada PBT sebenarnya sebab PBT memerlukan di peringkat perancangan dia memerlukan *development order*, yang kedua dia memerlukan *submission architect, building plan approval*, dia memerlukan *landscape planning*, dia memerlukan *sewerage plan*, dia memerlukan untuk *piping* air dan sebagainya. Ini yang di bawah PBT dan kita hanya EIA hanya salah satu syarat, salah satu syarat kelulusan pembangunan tersebut yang akan diberi oleh PBT.

Sebab itu kita tidak mempunyai kuasa untuk *stop*, untuk memberhentikan suatu pembangunan, hendak *stop work order* kita tidak boleh, sebab semuanya terletak di bawah pihak berkuasa tempatan (PBT). EIA hanyalah sebagai salah satu syarat kecil sahaja dekat bawah, jadi saya harap fahamlah sedikit. Nanti lain kali kita bincang pasal EIA. Ini tadi sebab kita dalam kes

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya bersetujulah membincangkan EIA pada masa akan datang.

Dato' Sazmi bin Miah: Pada masa akan datang. Cuma sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tetapi saya hendak tanya sedikit sahaja lagi Yang Berhormat.

Dato' Sazmi bin Miah: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Berapa lama tempoh masa diperlukan.

Dato' Sazmi bin Miah: Saya perlu sebenarnya ikut Tuan Yang di-Pertua hendak berapa minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tak apa, saya hendak dapat tahu jugalah.

Dato' Sazmi bin Miah: Saya rasa sampai 5.30 bolehlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada lagi 10 minit.

Dato' Sazmi bin Miah: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: 10 minit okey?

Dato' Sazmi bin Miah: Itulah EIA dan berkenaan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timor berkenaan laporan EIA daripada pembinaan *pipe line*. Ipoh Timor kena fahamlah ya? Ipoh Timor sudah lama sebagai Ahli Parlimen.

Kadang-kadang kerajaan mengumumkan projek-projek tersebut, projek itu dan projek ini. Tidak semestinya projek itu sudah mendapat kelulusan pun. Maksudnya baru kita umum. Siapa-siapa yang dapat itu pun tidak tentu lagi, kalau TPP kalau diberi *concision* dan sebagainya okeylah tetapi sama ada benda *physically on the ground*, EIA diperlukan untuk membuat benda itu fizikal *on the ground*. Setakat hendak umum, takkan kita hendak terus pergi ... oh! *Submit* untuk EIA belum, tidak ada, tidak ada tetapi apabila dibangkitkan, kita akan minta apabila dia sampai dekat kita, kita akan minta EIA. Tidak kiralah sama ada TPP kah, DAP kah, PPP kah sebab projek itu kena, EIA tetap kena EIA. Itu tidak timbullah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan. Adakah satu *conditioner approval been given*? Supaya mereka boleh teruskan kerja tanpa EIA?

Dato' Sazmi bin Miah: Mana ada, tak ada *conditioner*, tak ada mana *conditioner*....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini TPP, siapa ini...

Dato' Sazmi bin Miah: Dia ada cakap EIA kah?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, dia kata *conditioner approval* saya mahu tanya, adakah ini *conditioner approval*?

Dato' Sazmi bin Miah: Tak ada!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa ertinya *conditioner approval* ini?

■1720

Dato' Sazmi bin Miah: Itu bukan bidang kuasa saya. *Conditioner approval* daripada jabatan saya, EIA tak ada.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tapi apa ertinya *conditioner approval*?

Dato' Sazmi bin Miah: Itu saya tak tahu, itu tanya *reporter* yang tulislah, kan?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: [*Menyampuk*] Eh, tak boleh!

Dato' Sazmi bin Miah: Itu bukan saya punya bidang kuasa. Tanya *reporter* lah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Adakah kerja-kerja akan dilaksanakan sungguhpun interim atau *preliminary* akan merosakkan *environment!*

Dato' Sazmi bin Miah: Mana kita tahu rosak tak rosak *environment!* EIA belum sedia lagi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: You tak tahu sebab itu orang mahu berhentilah! Mahu mencegah.

Dato' Sazmi bin Miah: Orang buat *pipe line* daripada Kansas City sampai ke Gulf Mexico, daripada Rusia Siberia sampai ke Afghanistan turun ke bawah tak ada apa-apa pun. Lalu lebih daripada 6,000 km, ini takat 312 km. Apa hal! Ini negara maju yang buat. Terowong boleh buat, letak lintas bukit dan sebagainya. *Very environmentally friendly*. Jadi apabila nak buat, kita akan mintak EIA. Sebelum kerja, tapi dah tak masuk lagi. Ini umum, projek umum. Kata nak buat, ok lah *fine*, kita *take it as it come*. Jadi sekarang ini tak ada *conditioner approval*. Daripada kita, jabatan kita tak ada.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya. Yang Berhormat, jadi saya rasa ini satu masalah tau. Kerajaan, bila dia mengumumkan akan memberi kebenaran bagi sesuatu projek itu diadakan, dia harus tambah satu ayat lagi. *Subject to the approval EIA, EIA approval*. Lepas itu baru ia boleh dijalankan. Kita tengok *The Sun* pada hari ini mengenai *pipe line*, isu *pipe line* ini. Tengok selepas Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng, bangkitkan isu ini baru syarikat itu jawab, *Chairman* dia Rahim Kamil Sulaiman jawab "Ini kerajaan bagi *conditioner approval*". Tapi sebenarnya ini haruslah diutarakan oleh *Cabinet Committee* yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri sebelum apa-apa projek. Tengok *incinerator*. Dia dipindah ke sana ke sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Mereka haruslah keluarkan kenyataan *subject to EIA approval*. Baru *incinerator* boleh dibina. Jadi, baru kita boleh, isu seperti ini tidak akan dijadikan masalah.

Dato' Sazmi bin Miah: Okey.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Sila menasihatkan kepada Timbalan Perdana Menteri yang meluluskan semua projek ini.

Dato' Sazmi bin Miah: Terima kasih. Tak relevanlah dengan *bill* yang saya bantangkan. Okey? Dari segi memperkasakan *stake holders*, tadi Yang Berhormat Lipis telah bertanya berkenaan dengan rakan-rakan NGO dan sebagainya. Kementerian telah bersetuju untuk membentuk jaringan di antara Ahli-ahli Parlimen, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, dan JKKK dengan menubuhkan satu jawatankuasa di peringkat Parlimen, di peringkat Dewan Undangan Negeri supaya menjadi rakan, menjadi mata dan telinga kepada pihak Jabatan Alam Sekitar, pihak kementerian kita.

Ini bermakna mereka akan di *assign*, di tugaskan dengan pegawai-pegawai kita secara khusus. Maksudnya nombor telefon dan sebagainya kita akan beri. Maksudnya pegawai-

pegawai kita akan turun di peringkat DUN, di peringkat Parlimen untuk memberi penerangan kepada jawatankuasa tersebut berkenaan dengan pentingnya penjagaan alam sekitar. Sekiranya mereka nampak ada suatu benda yang tak baik berlaku, mereka boleh berhubung *direct*. Di dalam piagam kita, kita akan *response* dalam masa 24 jam, berkenaan dengan setiap aduan dan laporan yang diberikan oleh jawatankuasa tersebut. Ini kita anggap sebagai tugas semua. Maksudnya pegawai-pegawai kita akan sentiasa berada berdekatan dengan jawatankuasa tersebut.

Berkenaan dengan import sisa toksik dan sebagainya, kita mematuhi *basel convention* ya. Kita telah pun sebagai salah seorang daripada parti yang menandatangani *basel convention* tersebut dan tidak membenarkan sebarang pengimportan sistem toksik ataupun mengeksport sisa toksik keluar daripada negara kita. Jadi, polisi ini memang selaraslah dengan ketetapan *basel convention*. Walau bagaimanapun, dari segi *falsification of documents* dengan izin, kadang-kadang dia import barang toksik tapi dia letak benda lain. Jadi ini masalah semua oranglah, maksudnya masalah negara-negara lain pun kan. Jadi ini kita tak boleh guna sebagai satu sebab bahawa kita nak kena pinda undang-undang dan sebagainya.

Walaupun, di setiap *port* yang barangan masuk ke dalam negara kita, pegawai-pegawai kita akan berada. Saya rasa buat masa sekarang ini standard kita ialah dua hingga tiga kali seminggu untuk pergi ke *port* tersebut, tengok barang-barang yang masuk ke dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang menggalakkan aktiviti kitar semula sisa industri. Di samping mempunyai nilai ekonomi yang tinggi, sisa-sisa yang di kitar semula juga dapat menjimatkan ruang tapak pelupusan sisa dan meminimumkan kejadian pencemaran, mengurangkan penggunaan sumber asli serta dapat menjimatkan tenaga yang akhirnya boleh mengurangkan kesan kepada perubahan iklim dan pemanasan global.

Kita menerima baik cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, tidak kira sama ada daripada pembangkang dan Ahli Yang Berhormat Barisan Nasional berkenaan dengan penggunaan plastik, *recycle* dan sebagainya. Memang ada masalahnya di peringkat kementerian kita sebab ini bukan 100% terletak di bawah kementerian kita, ia nya melibatkan industri seperti MITI juga melibatkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Jadi cadangan yang diberikan kepada kita, kalau semua kata plastik tak elok dan sebagainya tak apa. Kita sebagai satu Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, kita akan bawa benda ini ke peringkat yang lebih tinggi dan kita akan membincangkan untuk mendapat satu keputusan yang baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ada dua minit lagi.

Dato' Sazmi bin Miah: Ya, saya nak gulunglah ni. Jadi, isu berkenaan dengan ada pilih kasih, *political will* dan sebagainya, itu isu lamalah Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Minta penjelasan.

Dato' Sazmi bin Miah: Itu tak ada, tak ada, tak ada pertentangan undang-undang. Pertanyaan *you* ada pertentangan undang-undang?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Minta penjelasan.

Dato' Sazmi bin Miah: Tak ada, tak ada pertentangan undang-undang di antara negeri dengan Federal, tiada pertentangan undang-undang kalau sama kerajaan tak ada pertentangan undang-undang.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya tahu. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kata... minta penjelasan, minta penjelasan.

Dato' Sazmi bin Miah: Dah, sudah. Saya ada dua minit sahaja, saya ada dua minit sahaja.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ya, bagaimana tentang kes dituduh di Sebemau Bazaar, Kuching sana?

Dato' Sazmi bin Miah: Tak ada kena mengena dengan toksik pun. *Bill* saya bukan toksik.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Bukan toksik. Saya kata itu asap hitam yang sudah bertahun-tahun tidak diselesaikan. Dan walaupun jabatan Yang Berhormat kata tidak sesuai...

Dato' Sazmi bin Miah: Jadi program...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tidak sesuai untuk beroperasi.

Dato' Sazmi bin Miah: ...Program pendidikan kita sentiasa adakan di sekolah, di peringkat...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Hoi, jawablah. Apakah jawapan!? Apakah tindakan akan diambil oleh kementerian? Apa ini!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: [*Menyampuk*] Kita bahas berapa minit?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat! Ini dia sudah jawab, tak kena...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Dia kata bertanggungjawab terhadap PBT.

Dato' Sazmi bin Miah: Kita ada Program Sekolah Lestari, kita ada Program Projek Wira Alam...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: PBT dia takut terhadap Ketua Menteri Sarawak! Tak berani ambil tindakan.

Dato' Sazmi bin Miah: ...Kem Kesedaran Alam Sekitar.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Inilah pilih kasihlah, ini pilih kasih politik!

Dato' Sazmi bin Miah: Ini dia...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bandar Kuching jangan tuduhlah.

Dato' Sazmi bin Miah: Ini dia banyak tuduhanlah Tuan Yang di-Pertua. Saya tak nak layanlah.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Jawab baik-baiklah, jawab sepenuhnya. Tak ada tuduhan lagi.

Dato' Sazmi bin Miah: Saya tak nak layanlah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dia sudah jawab baiklah.

Dato' Sazmi bin Miah: Lagipun *bill* saya *bill toxic waste* ya, buangan terjadual. Asap hitam bukan buangan terjadual tau. Jadi itu, tapi yang saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Lori keluarkan asap hitam awak hukum dia. Itu kilang keluar asap hitam awak tak mahu hukum dia. Apa rasional dia? Mana ada keadilan?

Seorang Ahli: [*Menyampuk*] Tanya dalam Dewanlah.

Dato' Sazmi bin Miah: Jadi saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan ribuan terima kasih sekali lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan pindaan undang-undang ini dan saya akan bawa segala yang telah dibentangkan, dibincangkan telah pun saya tulis dan saya akan bawa ini ke peringkat yang lebih tinggi. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Majlis sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan, dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

■1730

USUL**MENANGGUHKAN MESYUARAT
DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 16(3)**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.”

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN**MASALAH KEHADIRAN
PELARIAN PERANG FILIPINA DI SABAH****5.31 petang**

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan harus menyelesaikan masalah kehadiran pelarian perang Filipina di Sabah secara muktamad. Menurut Profesor Dr. Azizah Kasim yang mendapat maklumat daripada Pasukan Petugas Khas Persekutuan Sabah dan Labuan pada tahun 2002, terdapat 34 penempatan pelarian perang Filipina di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan iaitu empat di sekitar Dewan Bandaraya Kota Kinabalu yang terdiri daripada Kampung Berungan, Telipok dengan penduduk 1,824 orang, Kampung Kundur, Pulau Gaya dengan 2,694 orang, Kampung Luk Kurai, Pulau Gaya dengan penduduk 2,691 orang dan Kampung Luk Baru, Pulau Gaya dengan penduduk 2,080 orang dan satu di Papar iaitu di Kinarut dengan penduduk 1,690 orang.

11 di sekitar Majlis Perbandaran Sandakan dengan sejumlah 32,030 orang penduduk iaitu Kampung Bahagia dengan 2,695 orang penduduk, Kampung Sentosa Jaya dengan 3,893 orang, Kampung Muhibah dengan 2,512 orang, Kampung Bidisi dengan 3,579 orang, Kampung Tanjung Pasir dengan 4,609 orang, Kampung Forest dengan 5,397 orang, Kampung Ramai-Ramai dengan 2,177 orang, Kampung Lupak Meluas dengan 2,972 orang, Kampung Sundang dengan 2,573 orang, Kampung Istimewa dengan 2,115 orang, Kampung Berhala Laut dengan 618 orang.

Empat penempatan sekitar Majlis Perbandaran Tawau dengan jumlah 7,672 orang penduduk iaitu Kampung Hidayat 1,454 orang, Kampung Ketingan 5,182 orang, Kampung Sungai Buaya dengan 1,036 orang. Empat penempatan di daerah Semporna dengan jumlah

6,363 orang penduduk iaitu Kampung Selamat 2,057 orang, Kampung Batu 1,201 orang, Kampung Bangau-Bangau 2,018 orang, Kampung Pahol Mabol dengan 1,087 orang.

Empat penempatan di sekitar daerah Lahad Datu dengan jumlah 6,294 orang iaitu Kampung Bakau 599 orang, Kampung Kuyut 3,399 orang, Kampung Air 1,483 orang, Kampung Ipil 773 orang. Tujuh penempatan di Wilayah Persekutuan Labuan dengan jumlah penduduk 6,871 orang iaitu Kampung Muslim 2,379 orang, Kampung Muslim Tambahan A 1,335 orang, Kampung Muslim Tambahan B 1,399 orang, Kampung Muslim Tambahan C 894 orang, Kampung Muslim Tambahan C2 290 orang, Pulau Ra'at dengan 479 orang, Pulau Rusukan dengan 155 orang.

Pada 24 Oktober 2006, bersamaan hari Sabtu, akhbar *Borneo Post* melaporkan bahawa OCPD Papar, DSP Mender Singh menyatakan bahawa polis menahan seorang pemandu bas kerana memiliki 67 paket syabu seberat tujuh kilogram. Apabila polis membuat serbuan di Skim Penempatan Perang Filipina di Kinarut, polis juga merampas RM1,537 wang serta beberapa bahan mengambil dadah daripada tertuduh. Polis sekarang menyiasat kes ini di bawah seksyen 39A Akta Dadah Berbahaya Tahun 1952 yang akan membawa penjara di antara dua hingga lima tahun.

Menurut laporan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) apabila beberapa Pesuruhjaya SUHAKAM yang bersama-sama dalam lawatan ke skim penempatan tersebut, ada individu di skim tersebut cuba menjual syabu kepada mereka.

Seorang penagih dadah syabu yang kini menjadi peserta di Pusat Serenti Papar telah membuat kesaksian yang menyatakan di antara sumber-sumber untuk mendapat bekalan syabu kepada para penagih dadah ialah di Skim Penempatan Pelarian Perang Filipina di Kinarut, di Berenong, Telipok dan di Luk Urai, Kampung Pondok, Luk Baru di Pulau Gaya. Contoh-contoh tersebut di atas membuktikan bahawa skim-skim penempatan tersebut telah menjadi pusat pengedaran dadah. Oleh itu memerlukan satu perhatian dengan segera daripada pihak yang berkuasa.

Kemiskinan dan kedaifan skim-skim penempatan tersebut memerlukan satu perhatian segera daripada pihak yang berkuasa termasuklah daripada Majlis Keselamatan Negara ataupun Pasukan Petugas Khas Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah perlu diketahui umum bahawa kesemua 34 skim penempatan pelarian Filipina di Sabah dan Labuan sudah diserahkan oleh pihak United Nation High Commission For Refugee (UNHCR) kepada pihak Majlis Keselamatan Negara dan Kerajaan Negeri Sabah sejak tahun 80-an lagi. Oleh sebab itu adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk menangani masalah ini dan bukan lagi bergantung kepada pihak UNHCR.

Kerajaan hendaklah menolak andaian dan dakwaan yang menyatakan kewujudan skim-skim penempatan pelarian Filipina di Sabah dan Labuan tidak menyebabkan apa-apa masalah sosioekonomi. Kemiskinan di kalangan pelarian perang Filipina yang juga para pemegang

dokumen IMM13 harus dilihat kerajaan dan agensi-agensi antarabangsa untuk mengatasi permasalahan ini sebab sudah sekian lama kerajaan dan rakyat Malaysia memikul beban untuk membantu pelarian perang Filipina ini dalam pelbagai perkhidmatan seperti kesihatan, keselamatan, kebajikan, kehakiman dan pendidikan yang dibiayai oleh pembayar cukai ataupun rakyat negara ini.

Dengan itu saya mencadangkan supaya pihak kerajaan segera membuat keputusan apakah dasar dan strategi muktamad menyelesaikan kewujudan 34 skim penempatan pelarian perang Filipina di Sabah. Saya sudah membuat ucapan beberapa kali mengenai perkara ini di Dewan yang mulia ini dan selagi tindakan tidak diambil, rakyat mendesak saya terus bercakap tentang perkara yang sama di Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Lim Si Cheng]: Saya jemput pihak kementerian. Yang Berhormat Menteri sila.

5.38 petang

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengambil pelbagai tindakan bagi memastikan kawasan-kawasan penempatan pelarian Filipina di Sabah berada dalam keadaan harmoni dan tidak menimbulkan banyak masalah kepada penduduk tempatan. Namun *we do not pretend* bahawa mereka ini tidak mendatangkan masalah. Memang ada. Ramai Malaysia yang merupakan warga sini pun banyak juga masalah. Buat sementara waktu ini, antara tindakan yang kita ambil ialah mewujudkan sekolah KAFA kerana mereka ini majoritinya orang Islam yang diberikan pendidikan asas seperti kemahiran menulis, membaca dan mengira kepada anak-anak pelarian yang tidak berpeluang mengikuti pendidikan formal di sekolah-sekolah kerajaan.

Buat masa ini terdapat lebih kurang 2,500 anak-anak pelarian berkenaan mengikut kelas KAFA di enam penempatan pelarian seluruh Sabah. Usaha ini berjaya mengurangkan masalah sosial di kalangan mereka. Selain daripada itu, Jawatankuasa Keselamatan diwujudkan di setiap penempatan. Jawatankuasa ini dianggotai oleh masyarakat pelarian tersebut dan sentiasa berhubung rapat dengan agensi-agensi kerajaan, khususnya dari PPKP dan pihak polis.

Melalui jawatankuasa ini, penambahbaikan terus dijalankan supaya kehadiran mereka tidak menimbulkan keresahan dan ketidakselesaan kepada penduduk tempatan. Saya juga ingin hendak memaklumkan iaitu bahawa sebenarnya walaupun kita tidak boleh beri jaminan bahawa mereka tidak akan terlibat dengan jenayah. Tetapi kalau kita lihat daripada rekod polis, jelas menunjukkan kes-kes jenayah di negeri Sabah adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain.

■1740

Saya faham bahawa sememangnya oleh kerana mereka ini merupakan pelarian jadi masalah yang ada pada mereka itu sudah tentu akan menjadi bahan percakapan di kalangan

rakyat di negeri Sabah ini. Pada jangka panjangnya nanti mereka diberikan IIM13 dan keputusan jangka panjang kita adalah akhirnya mereka akan menjadi penduduk tetap di sini. Tetapi ada lagi di antara 10,000 hingga 15,000 orang daripada mereka itu yang belum memegang IIM13, tapi mereka merupakan pemegang sijil banci di mana kita masih lagi menyiasat tentang kesahihan sama ada mereka merupakan pelarian yang tulen ataupun bukan sebenarnya pelarian yang tulen. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sila.

SKIM PENCEN SOSIAL

5.41 petang

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Cadangan mewujudkan Skim Pencen Sosial untuk menangani masalah kemiskinan golongan warga tua.

Tuan Yang di-Pertua, menurut statistik dan definisi Bangsa-bangsa Bersatu di mana sesebuah negara dikatakan berpopulasi tua apabila nisbah populasinya yang berumur 65 tahun ke atas melebihi 7%. Jika kita mengikut sukatan ini dan daripada perangkaan Jabatan Statistik maka Malaysia sudah pasti akan mencapai paras masyarakat tua menjelang tahun 2010. Di banyak negara luar pelbagai jenis skim sekuriti sosial telah diperkenalkan untuk memastikan agar keperluan harian golongan warga tua tidak terjejas akibat ketiadaan pendapatan.

Di Malaysia skim sedemikian agak terhad. Secara umumnya skim persaraan Malaysia boleh dibahagikan kepada dua jenis yakni KWSP dan skim pencen yang berdasarkan pencaruman. Walau bagaimanapun, pernah ditunjukkan bahawa kurang daripada 10% golongan warga tua yang dilindungi skim pencen ini. Malah kajian terkini telah menunjukkan bahawa kebanyakan pencarum akan menghabiskan simpanan wang mereka dalam lingkungan masa tiga tahun selepas pengeluaran.

Golongan yang tidak terlindung oleh skim-skim sedemikian seperti mereka yang bekerja di sektor-sektor informal yang menggaji sendiri atau suri rumah tangga dan sebagainya terpaksa bergantung kepada ahli-ahli keluarga, saudara-mara atau badan-badan sukarela, badan kebajikan atau kerajaan untuk bantuan. Kajian di Malaysia menunjukkan 32% daripada golongan miskin adalah terdiri daripada golongan warga tua yang merupakan 5.9% populasi kita. Golongan wanita terutamanya didapati lebih susah menyimpan daripada golongan lelaki atas sebab-sebab seperti upah yang lebih rendah, tanggungan anak, hayat hidup yang lebih panjang dan sebagainya.

Berkenaan dengan bantuan kerajaan, Jabatan Kebajikan Masyarakat mempunyai satu skim bantuan kewangan untuk warga tua dengan kriteria-kriteria kelayakan seperti pemohon haruslah berumur lebih daripada 60 tahun dengan tiada sebarang sumber sokongan kewangan

atau tiada anak dan saudara mara yang rela menanggung mereka. Daripada tahun 2001, bantuan kepada warga tua miskin oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah dalam lingkungan RM135 sebulan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa persoalan mengenai cabaran masalah kemiskinan warga tua adalah termasuk:

- (i) patutkah warga tua dibiarkan hidup dalam keadaan miskin yang teruk atau meninggal dunia lebih awal kerana kemiskinan;
- (ii) patutkah warga tua dibenarkan untuk menghadapi riwayat akhir mereka dalam kemiskinan yang tidak terjamin; dan
- (iii) patutkah warga tua menikmati riwayat hidup yang sihat dan gembira.

Sehubungan itu, cabaran kini adalah untuk memastikan peningkatan populasi tua membawa manfaat yang benar kepada semua warga tua. Ini harus dilihat dari segi kesejahteraan kebendaan, kesihatan dan jaminan individu memandangkan ramai warga tua yang hidup dalam kemiskinan dan kesihatan yang lemah.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian saya mencadangkan agar diwujudkan satu Skim Pencen Sosial sebagai satu ukuran untuk mengurangkan kemiskinan di kalangan warga tua. Pengalaman negara-negara yang telah memperkenalkan skim pencen asas menunjukkan bahawa skim sedemikian mendatangkan kebaikan secara praktikal kepada pembangunan dengan memberikan keadilan kepada individu tua, menggalakkan pentadbiran yang baik, serta mensimulasikan perkembangan ekonomi. Skim tersebut juga memberikan satu peringkat situasi yang sejahtera, mantap dan gembira kepada golongan tua.

Kebaikan skim ini dari segi ekonomi dan sosial boleh meliputi:

- (i) meningkatkan kesihatan dan status sosial golongan tua;
- (ii) meningkatkan maruah dan perasaan keyakinan di kalangan golongan tua yang tidak ingin bergantung kepada ahli-ahli keluarga;
- (iii) memastikan golongan tua menikmati perkhidmatan dan kemudahan asas seperti jagaan kesihatan, tempat tinggal dan sebagainya;
- (iv) menanggung seluruh rumah tangga secara tidak langsung, terutamanya rumah tangga yang mempunyai anak yatim yang diketuai oleh golongan tua;
- (v) memperkukuhkan tanggungjawab negara;
- (vi) melega atau mengurangkan beban anak-anak dewasa; dan
- (vii) akhirnya menyokong pertumbuhan ekonomi dan pembentukan kerja-kerja di mana rakyat akan lebih sedia mengambil risiko.

Tuan Yang di-Pertua, dengan yang sedemikian saya berpendapat bahawa pelaksanaan satu Skim Pencen Sosial harus dirancang untuk dimasukkan ke dalam program pembangunan negara sebagai sebahagian daripada strategi untuk mengurangkan kemiskinan. Ini boleh juga dijadikan satu demonstrasi kepada dunia bahawa Malaysia maju ke hadapan sebagai sebuah negara yang prihatin, penyayang, bertanggungjawab serta matang.

Ia juga menunjukkan komitmen Malaysia dalam Deklarasi Bangsa-bangsa Bersatu untuk hak asasi manusia dan perjanjian antarabangsa untuk melindungi daripada kemiskinan di mana Malaysia juga adalah ahli. Bagi kerajaan pula skim sedemikian yang memenuhi keperluan asas untuk hidup bagi golongan tua dan miskin adalah bukti kejujuran dan keprihatinan kerajaan untuk memastikan rakyat jelata meningkat tua dengan bermaruah. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya menjemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

5.47 petang

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mengucapkan terima kasih dan syabas di atas keprihatinan dan cadangan Ahli Yang Berhormat Kelana Jaya supaya kerajaan mewujudkan satu Skim Pencen Sosial bagi mengurangkan kemiskinan di kalangan warga emas. Cadangan yang dikemukakan adalah baik demi kesejahteraan warga emas di negara ini. Malaysia dianggap termasuk dalam golongan negara yang sudah mula mengalami penuaan penduduk kerana 7% daripada jumlah penduduk Malaysia adalah warga emas.

Kini terdapat 1.8 juta orang warga emas di Malaysia. Fenomena penuaan penduduk ini akan menjadi cabaran di masa hadapan bagi negara menjelang tahun 2020 kerana jumlah peratusan penduduk yang berada dalam lingkungan 60 tahun ke atas akan meningkat kepada 9.5%. Negara dijangka menjadi sebuah *aging country* dengan izin menjelang tahun 2035, kerana pada masa itu 15% penduduk Malaysia akan melebihi usia 60 tahun.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, perkara ini mendapat perhatian khusus oleh kerajaan susulan pandangan dan cadangan yang pernah dibangkitkan oleh beberapa pihak lain sebelum ini termasuk pertubuhan bukan kerajaan yang mewakili kepentingan warga emas. Pihak kerajaan sedang menjalankan satu kajian yang menyeluruh bertajuk "*Review of Pension and Social Security in Malaysia*" dengan izin. Kajian ini dijalankan bagi meneliti secara holistik skim-skim sedia ada seperti kumpulan wang simpanan pekerja, pertubuhan keselamatan sosial, kumpulan wang amanah pencen dan tabung-tabung pencen yang dikendalikan oleh pihak swasta.

Kajian ini turut memberi perhatian kepada kemudahan kesihatan dan persaraan untuk golongan warga emas. Hasil dan syor kajian ini dijangka diperoleh sebelum penghujung tahun 2007. Meskipun pada masa ini pihak kerajaan belum mewujudkan skim yang digelar sebagai pencen sosial namun Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah dan sedang melaksanakan beberapa perkhidmatan untuk memberi perlindungan dan kesejahteraan hidup kepada warga emas khususnya dari golongan yang kurang berkemampuan.

■1750

Antaranya bagi warga emas yang tidak mempunyai saudara mara dan tidak mempunyai tempat tinggal, disediakan institusi perlindungan yang dikenali sebagai Rumah Seri Kenangan supaya warga emas dapat meneruskan kehidupan mereka di institusi tersebut.

Kini terdapat sembilan buah Rumah Seri Kenangan yang memberikan perlindungan kepada 1,953 orang warga emas. Selain dari itu, bagi warga emas yang masih boleh meneruskan kehidupan mereka bersama komuniti, tetapi menghadapi masalah kewangan, Jabatan Kebajikan Masyarakat menyediakan skim bantuan orang tua berbentuk bantuan kewangan bulanan kepada warga emas yang memerlukan.

Kadar bantuan ini telah dinaikkan daripada RM135.00 sebulan kepada RM200.00 sebulan mulai Januari 2006, dan akan terus dikaji semula dari semasa ke semasa mengikut kesesuaian perkembangan dalam masyarakat termasuk kedudukan kos perbelanjaan hidup. Sehingga kini, seramai 25,524 orang warga emas menikmati faedah daripada skim bantuan orang tua setiap bulan dengan peruntukan kewangan daripada Kerajaan Persekutuan sebanyak RM47.4 juta setahun. Kriteria pertimbangan bagi seseorang warga emas untuk layak menerima bantuan orang tua adalah seperti berikut:

- (i) warga emas yang berumur 60 tahun ke atas;
- (ii) tiada mata pencarian tertentu untuk menyara kehidupan; dan
- (iii) tiada keluarga atau saudara mara atau mempunyai saudara mara tetapi tidak mampu untuk memberikan sumbangan.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan konsep kebajikan tanggungjawab bersama, kerajaan-kerajaan negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat turut menyediakan skim bantuan am untuk pelbagai kumpulan sasar termasuk warga emas. Sehingga kini, terdapat seramai 25,814 orang warga emas yang diberikan bantuan am oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dengan peruntukan kewangan daripada kerajaan-kerajaan negeri, sebanyak RM29.2 juta setahun.

Ini menunjukkan keprihatinan kerajaan dalam usaha membela nasib golongan warga emas khususnya di kalangan mereka yang kurang berkemampuan supaya dapat meneruskan

kehidupan mereka dalam suasana yang sihat dan sempurna. Selain itu, pihak NGO menyediakan perkhidmatan dan sumbangan yang bererti kepada warga emas. Perkhidmatan pusat-pusat harian warga emas, program lawatan sukarelawan ke rumah warga emas yang tinggal bersendirian atau *home health service*, dengan izin dan beberapa perkhidmatan sokongan yang lain di peringkat komuniti telah memberi manfaat kepada golongan warga emas yang memerlukannya.

Begitu juga dengan pihak swasta yang begitu prihatin kepada golongan warga emas yang sentiasa memberikan pelbagai sumbangan dan sokongan terutamanya menjelang musim-musim perayaan. Justeru, adalah wajar bagi semua pihak khususnya di peringkat akar umbi termasuk pemimpin-pemimpin masyarakat, secara formal dan tidak formal, memainkan peranan masing-masing dengan memberikan sokongan dan merujuk kes-kes warga emas yang didapati bersesuaian untuk mendapatkan apa-apa perkhidmatan daripada kerajaan atau kementerian ini supaya golongan warga emas yang terpinggir dapat diberikan perkhidmatan yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Terima kasih Yang Berhormat. Selesailah urusan mesyuarat kita bagi hari ini. Dewan akan bersidang semula pada jam 10.00 pagi, hari esok. Dengan ini saya tangguhkan mesyuarat.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.54 petang.